


# BTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



**RSM TD**

**Tunjang Disiplin Warga TD**



"Ingatlah! Tentera diibaratkan seperti udara, meskipun tidak tampak di mata, namun ia ada dan diperlukan semua. Justeru itu, cekalkan semangat dan utuhkan niat untuk terus berkhidmat agar kedaulatan negara akan sentiasa terpelihara dan isinya terus hidup aman gembira."

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin  
Ketua Pengarang



## CEKALKAN SEMANGAT, UTUHKAN NIAT

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**M**enadah kesyukuran kepada Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah dan inayahNya, masih kita mempunyai kudrat untuk terus berjuang meneguhkan benteng negara pada masa ini. Merafak kesyukuran juga kepada Ilahi di atas nikmat dan rezeki yang ditumpahkan kepada hamba-hambaNya. Sesungguhnya, rezeki itu memang benar adalah rahsia Yang Maha Esa. Namun begitu selaku umatnya, hendaklah kita berusaha memperolehinya dengan tenaga dan utusan doa berterusan. Moga termakbul dan dipelihara diri ini daripada sebarang kemudaratatan serta fitnah dunia. Alhamdulillah, dikesempatan ini ingin saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Panglima Tentera Darat di atas pengurniaan darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa kepada gelaran Tan Sri dan penganugerahan pingat Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT). Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di atas penganugerahan tersebut. Secara dasarnya memang wajar untuk kita turut serta meraikan kejayaan ini kerana beliau umpama 'ayah' kepada organisasi yang mampan ini. Pengiktirafan ini merupakan cerminan yang positif kepada 'anak-anak'.

Sidang pembaca sekalian, di bulan patriotisme ini, adalah signifikan dengan organisasi kebanggaan kita semua. Perjuangan yang telah dilaksanakan oleh nenek moyang kita dahulu demi memastikan keturunan mereka merasai nikmat kemerdekaan bukanlah satu perkara yang boleh diambil mudah serta disia-siakan. Kini, kita sebagai barisan pertahanan daratan harus meneruskan perjuangan agar kedaulatan yang terbela akan kekal terpelihara. Oleh sedemikian, bukan hanya sekadar kebebasan tanah yang perlu kita pertahankan. Sebaliknya, kebebasan jiwa dan minda juga harus diutamakan. Lanjutan daripada

itu, saya ingin menyeru kepada sidang pembaca untuk membuang sikap dan pemikiran yang mementingkan diri sahaja. Terbitnya sebuah negara bukan daripada sempadan tanahnya semata-mata, tetapi adalah daripada rakyat yang berdiri di atasnya. Justeru, jelas perpaduan merupakan aspek paling utama gahnya sesebuah negara. Begitu juga dalam organisasi tercinta ini. Penindasan sesama kita selaku isinya hanya memudaratkan dan menghancurkan ketumbukan ini. Ayuh kita terus maju seiring sejalan, berpimpin tangan dan bergandingan bahu untuk menaikkan TD agar kekal relevan sebagai barisan pertahanan negara.

Para pembaca yang dikasihi sekalian, sejak akhir-akhir ini isu "askar makan dan tidur" sering dimainkan dan tular di media sosial. Meskipun tuduhan yang dilemparkan adalah agak keterlaluan, suka untuk saya ingatkan kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia dan TD khususnya, janganlah mudah 'meloncat' dan merudum semangat. Ingatlah! Tentera diibaratkan seperti udara, meskipun tidak tampak di mata, namun ia ada dan diperlukan semua. Justeru itu, cekalkan semangat dan utuhkan niat untuk terus berkhidmat agar kedaulatan negara akan sentiasa terpelihara dan isinya terus hidup aman gembira. Sentiasa berpegang kepada ajaran Yang Maha Kuasa, keikhlasan akan sentiasa dibalas dengan kebaikan. Meskipun mereka tidak tahu apa yang kita lakukan, namun cukup untuk kita tahu mereka tidur dengan penuh ketenteraman atas apa yang kita lakukan kerana itu adalah erti sebenar pengorbanan.

Dikesempatan ini juga, ingin saya menyelitkan sedikit nasihat dan peringatan kepada warga tentera. Jauhilah perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratatan dan merugikan sebagai contoh judi atas talian. Lazim mengetahui sebarang aktiviti melibatkan perjudian sering mendatangkan kerugian daripada keuntungan. Oleh itu, hindarilah daripada terjebak dengan aktiviti seumpama ini. Ingatlah tujuan hakiki kita ketika mengangkat uniform ini sebagai profesyen dan ingatlah riak wajah ibu bapa tercinta ketika melihat anaknya menjadi perwira negara. Maka janganlah kita mempersiakkannya.

# Isi Kandungan

Julai-Ogos-Sep 2019

www.btdmonline.net



## Istiadat Mengarak Panji-panji SPB YDPA XVI

Agong berkenan mencemar Duli ke Istiadat Mengarak Panji-panji sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi SPB YDPA XVI di Dataran Pahlawan, Putrajaya

4

# BTD M

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



www.btdmonline.net | 218

## PAPARAN MENARIK

### 8 | Istiadat Pentauliahkan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-38

Seramai 1,560 Pegawai Kadet terlibat dalam perbarisan yang diadakan di Padang Kawad UTM, Skudai, Johor

### 20 | 5 Div dan 13 Bgd Dilancarkan

Bagi memperkemarkan struktur organisasi TDM sebuah Div di Negeri Sabah ditubuhkan



26

### 62 Tahun Negara Bebas Merdeka

Kini Negara mengorak langkah dengan pantas untuk bergerak maju ke hadapan



22

### LKpl Saddam Hussain Cef Terbaik TD

KPD laksana Ujian Kompetensi untuk anggota KPD melibatkan tiga tred kepakaran utama



### 45 | PW I Mohd Fauzi SMR TD Ke-8

Di lantik menjadi SMR TD Ke-8 semasa Perbarisan Tamat Latihan PM

# Sidang Redaksi

## PENAUNG

Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi

## KETUA PENGARANG

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin

## EDITOR

Mej Aminin Hafizhin Minhad

## WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli, Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Kpl Ainur Aisyah Yahaya,

## SUSUN ATUR DAN GRAFIK

SSjn Nor Rizam Hamad dan Saifun Hakimi Zainon

## KORESPONDEN

### TRUP TD

Mej Mohammad Redza Mashor, Lt Fadhul Baqi Ahmad, Lt Muhammad Syfyan At Tsauri Mar Ramli, Lt Mohd Noradri Mat Rashid, Lt Mohd Akmal Che Isa, SSjn Ahmad Norizam Jaafar

### MEDAN BARAT

Kapt Mohd Abdullah Mohd Yaman, Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Fikry Nordin dan LKpl Norirawati Abdul Wahab

### MEDAN TIMUR

Lt Zahureen Norazan dan Pbt Muhammad Khairulasyraf Mohd Kahar

### PLD TD

Mej Nor Shafiza Zakaria, Kapt Syaividul Marwan Mustapha, Kapt Syed Abdul Muiz Syed Mashor dan Sjn Mohd Zaidi Samion

### 1 DIV

Kapt Siti Rabia Aldawia, Kapt Syaiful Shahidan, Sjn Donny Mike Andy, Kpl Mohd Aizat Fitri Ariffin, Kpl Mohd Amer Afiq Kamisan, Pbt Muhammad Aiman Solihin Hasmady dan Pbt Muhammad Nawawi

### 2 DIV

Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Lt Muhammad Firdaus Mohd Zamri, SSjn Nurhayati Zakaria, Sjn Mohd Rashidi Ab.Ghani, Pbt Nor Azam Mohd Noh dan Pbt Mohd Nor Izham Salahudin

### 3 DIV


Mej Mohamed Fahmi Ishak, Kapt Fery Shahrul Rizal Roslan, Kapt Syuhada Omar, SSjn Muhammad Haffizz Hamid, SSjn Azwan Pairus, Sjn Gunatharan Baskaran, Kpl Mohd Hafiz Hamzah dan Pbt Noor Atirah Abu Seman

### 4 DIV

Mej Suria Sulaiman, Sjn Mohd Firdaus Jumain, Sjn Che Azham Che Raman, Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Kpl Siti Zubaidah Ramlan dan LKpl Khatijah Sahbudin

### 5 DIV

Kapt Muhammad Yasin Mohd Sazali, Lt Mohammad Fakkhurradzi Mohd Yusof, Lt Safwan Lokman, Kpl Zafis Haqiemy dan Kpl Naim Ahmad



### PW II Hamdan Pengedar Tunggal Jenama 5:11 Malaysia

Merupakan pengedar tunggal di Malaysia bagi jenama ini yang mendapat sambutan ramai

### 50 | PT-91MM PENDEKAR Aset Kebangsaan TD

Aset tempur ini amat mengerunkan musuh dengan keupayaannya yang membunuh

### 68 | Sjn Muhd Firuz Jaguh UKM TD 2019

UKM TD merupakan acara tahunan bertujuan menilai kemampuan dan tahap individu dalam aspek pengendalian senjata



### Perbarisan Penghargaan Lt Jen Datuk Azizan Md Delin

Merupakan simbolik bagi menghargai jasa, khidmat dan bakti yang dicurahkan beliau sepanjang perkhidmatan

### 112 | PDI Pupuk Sikap Tanggungjawab Anggota LLP TD

Pendekatan program berkonsepkan motivasi berkumpulan bagi menjurus kepada perubahan perilaku positif

**BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan kritikan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu ada nama penuh dan di tandatangani. Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:**

**Pengarang BTDM, Tingkat 8-11,  
Markas Tentera Darat,  
Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak,  
50634 KUALA LUMPUR  
atau**

**e-mail: btdmonline@gmail.com Faks: 03-26985536/03-26923195  
Tel: 03-20716290**



# Istiadat Mengarak Panji-Panji SPB Yang di-Pertuan Agong XVI

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

Gambar: Sjn Saiful Fazley, Kpl Ainur Aisyah dan Saiful Hakimi Zainon

## **KUALA LUMPUR:**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj mencemar duli ke Istiadat Mengarak Panji-Panji SPB YDPA sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi KDYMM di Dataran Pahlawan, Putrajaya pada 12 Sep 2019.

Terdahulu ketibaan baginda disambut oleh Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pertahanan Malaysia, Hj Mohamad Sabu dan Panglima Angkatan Tentera,



Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin.

Baginda menerima tabik hormat dari empat kontijen perbarisan diiringi alunan lagu Negaraku dari Pancaragam Gabungan Pusat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta disusuli 21 das tembakan oleh 41 Bateri Istiadat, Rejimen Artileri Diraja.

Serentak dengan itu terbang lintas hormat oleh lima buah Helikopter ATM yang membawa bendera Jalur Gemilang, bendera ATM, Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara

Diraja Malaysia (TUDM) di ruang udara Dataran Pahlawan.

Baginda kemudian memeriksa perbarisan terdiri daripada 22 pegawai dan 550 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) ATM yang diketuai oleh Lt Kol Ahmad Muzaimi Hj Mohd Ali.

Seterusnya, Baginda dipersembahkan dengan perarakan yang melibatkan lima panji-panji diarak iaitu panji-panji Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Rejimen Renjer Diraja (RRD), Kor Armor Diraja (KAD), TLDM dan Panji-Panji TUDM.

Istiadat Mengarak Panji-Panji adalah satu istiadat gilang gemilang kepada ATM di mana Panji-Panji merupakan satu penghormatan dan lambang kemegahan, semangat dan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh ATM kepada Raja dan Negara.

Sejarah penglibatan dan perjuangan ATM dalam mempertahankan



kedaulatan tanah air serta perjuangannya ke arah memastikan keamanan negara disemadikan core-tannya pada hamparan panji-panji untuk tatapan generasi akan datang dan dikenali sebagai *Battle Honour*.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mod Sany, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM dan Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah.





## **Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Pemerintah Tertinggi ATM Baharu**

### **Latar Belakang**

**K**ebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dilantik sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-16 menggantikan Sultan Muhammad Ke-V mulai 31 Jan 2019 untuk tempoh lima tahun setelah persetujuan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Khas Ke-251 di Istana Negara. Baginda secara rasminya telah ditabalkan menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI pada tanggal 30 Jul 2019.

Baginda Sultan Abdullah telah diputerakan pada 30 Jul 1959, di Istana Mangga Tunggal, Pekan dan anakanda keempat kepada Sultan Ahmad Shah dan Tengku Ampuan Afzan serta merupakan Paduka Putera sulung Sultan Ahmad Shah, Sultan bagi negeri Pahang dan seluruh jajahan takluknya.

Pada 1 Jul 1975, di usia 16 tahun, baginda dilantik menjadi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang dan kemudiannya telah dimasyhurkan pada 23 Okt 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan.

Ketika usia baginda baru sahaja menjangkau 20 tahun, baginda telah dilantik menjadi Pemangku Raja Pahang pada 28 Apr 1979. Baginda yang telah dididik dan dilatih dengan ilmu pengetahuan dan kepimpinan telah dapat menyempurnakan tanggungjawab yang berat dengan sempurna. Baginda menjadi Pemangku Raja Pahang untuk tempoh lima tahun iaitu selama tempoh ayahanda baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-VII pada 25 Apr 1979.



## Pendidikan

Baginda mendapat pendidikan awal Pra-Sekolah pada tahun 1965 di Sekolah Clifford, Kuala Lipis, Sekolah Ahmad, Pekan, Sekolah Rendah St. Thomas, Kuantan serta di Sekolah Menengah St. Thomas, Kuantan sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negara. Setelah berusia 16 tahun dan selepas bergelar Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, baginda telah berangkat ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran di Aldenham School, Hertfordshire dari tahun 1975 hingga 1978 dan kemudian di Devies' College, London pada 1978 hingga 1979. Baginda juga telah menyertai Kursus Hal-Ehwal Luar Negeri di *Queen Elizabeth College, University Oxford, England* dan Kursus Tatacara Pentadbiran Tanah di Institut Tadbiran Awam Negara, Kuala Lumpur selama dua minggu.

## Ketenteraan

Baginda melanjutkan pelajaran dalam bidang ketenteraan pada tahun 1978 hingga 1979 di *Royal Military Academy Sandhurst, England* dan ditauliahkan oleh Ratu British, Queen Elizabeth II sebagai Lt Muda serta dilantik sebagai Pegawai Kehormat dalam Kor Kavalri Tentera Darat berpangkat Kapten. Pada tahun 1999, baginda ditauliahkan sebagai Pegawai Sukarela berpangkat Lt Kol dan kemudiannya ke pangkat Brig Jen dan menyandang jawatan Komander Batalion Pertama Rejimen 505 Askar Wataniah.

## Sukan

Baginda merupakan seorang yang aktif dalam bidang sukan bahkan telah aktif semenjak kecil lagi dalam sukan Hoki dan Bola Sepak. Atas minat dan kebolehan yang ditunjukkan, baginda telah terpilih untuk mewakili sekolah, daerah dan negeri di dalam permainan Bola Sepak. Bukan itu sahaja, baginda juga telah memegang pelbagai jawatan di dalam pelbagai pertubuhan sukan. Selain itu ketika di England, baginda mengetuai Pasukan Polo Diraja Pahang dalam perlawanan antarabangsa di *Windsor Polo Club, England*, seterusnya mengambil bahagian dalam pertandingan di Singapura, Manila, Filipina, Brunei, Argentina, Amerika Syarikat, Sepanyol dan Belgium. Semasa di Pekan, Baginda menubuhkan pasukan bola sepaknya sendiri dinamakan Pasukan Sri Mahkota Alam dan Baginda juga meminati sukan lain seperti golf, *go-cart* dan penerbangan *ultralight*.

## Perkahwinan

Sultan Abdullah berkahwin dengan puteri ketiga Sultan Johor, iaitu Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah pada 6 Mac 1986. Perkahwinan tersebut telah mengulangi sejarah tradisi kesultanan Johor-Pahang yang juga pernah menyaksikan pernikahan moyang Tengku Ampuan Pahang iaitu Almarhum Sultan Abu Bakar Johor dengan seorang Puteri Diraja Pahang dan juga pernikahan Almarhum Sultan Mahmud Pahang dengan Tengku Ampuan Mariam, Puteri Sultan Abu Bakar Johor. Hasil perkahwinan tersebut Baginda mempunyai tujuh cahaya mata bersama Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah iaitu lima putera dan dua puteri.

## Jawatan Yang Disandang

Baginda merupakan Canselor bagi tiga universiti di Malaysia iaitu Canselor, Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan *DRB-HICOM University Of Automotive Malaysia*. Di dalam Bola Sepak, Baginda menjadi Ahli Majlis Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif FIFA serta Pernah menyandang jawatan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM). Selain itu, Baginda adalah Presiden Persekutuan Hoki Malaysia, Presiden Persekutuan Hoki Asia, Ahli Lembaga Eksekutif Persekutuan Hoki Antarabangsa, Presiden Persatuan Polo Diraja Malaysia (RMPA), Presiden Kelab Polo Diraja Pahang (RPPC), Presiden Kelab Skuasy Pahang (PSC), Presiden Kelab Golf Diraja Pahang (RPGC) dan Presiden Kelab Menembak Diraja Pahang.

## Pencapaian

Antara pencapaian Baginda adalah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penganjur *1997 FIFA World Youth Championship*, Ahli Jawatankuasa Penganjur *2003 FIFA Confederations Cup*, Paris, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur *2011 FIP Polo World Cup*, Malaysia. Selain itu, Baginda juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Penganjur *2012 International Hockey Federation (FIH) Congress*, Kuala Lumpur, Pengerusi *2015 AFC Asian Cup Australia* dan Ahli Jawatankuasa Penganjur *2018 World Cup, Russia*.





## Istiadat Pentauliahahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-38



**Oleh: Lt Iqbal Aqil Mohd Fazludin**  
**Gambar: Saifun Hakimi Zainon**

**JOHOR:** Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor (TMJ) berkenan mencemar duli berangkat ke Istiadat Perbarisan Pentauliahahan Diraja Pegawai Kadet PALAPES Universiti Awam Ke-38 yang diadakan di Padang Kawad Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 3 Ogos 2019.

Perbarisan ini melibatkan seramai 1,560 Pegawai Kadet terdiri daripada 720 Pegawai Kadet Lelaki dan 840 Pegawai Kadet Wanita dan diketuai oleh Pegawai Kadet Terbaik Darat, Pegawai Rendah Muda Kamarul Hafizi Kamaruzaman dari PALAPES Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) manakala Sarjan Mejar Rejimen Perbarisan ialah Pegawai Waran Satu Tuan Azman Tuan Sulaiman dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Manakala pancaragam yang mengiringi perbarisan adalah gabungan Pancaragam Pusat Kor Armor Diraja,



Pancaragam Pusat Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pancaragam Pusat Tentera Udara Diraja Malaysia di

bawah pimpinan Lt Muhamad Hanif Che Razak TUDM.

Istiadat Pentauliahahan ini adalah manifestasi berterusan Kementerian Pertahanan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menjayakan hasrat kerajaan Malaysia bagi memperkasakan Pasukan Simpanan ATM sejajar dengan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH).

Selain itu, istiadat ini juga membuktikan kejayaan usaha kedua-dua kementerian dalam melahirkan modal insan yang cekal dan mempunyai kualiti kepimpinan yang mantap sebagai generasi pewaris teraju negara.

Pegawai Kadet yang ditauliahkan berpeluang memanfaatkan kebolehan mereka dengan menyertai salah satu daripada 16 unit Rejimen



Askar Wataniah Siri 500 di seluruh Malaysia manakala bagi Pegawai Kadet Laut dan Udara mereka boleh melapor pasukan yang berdekatan dengan mereka.

Perbarisan pada kali ini, menyaksikan seramai 34 Pegawai Kadet Terbaik Universiti Awam menerima Pedang Kehormat yang disempurnakan oleh TMJ.

Dalam titah ucapan DYAM Tunku Mahkota Johor, baginda menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh Pegawai Kadet yang berjaya menamatkan latihan dan baginda yakin dengan ilmu yang telah diperolehi semasa dalam latihan, pegawai-pegawai ini dapat menyumbang ke arah pembentukan ATM yang ampuh dan kredibel.

“Beta menyeru setiap yang hadir pada hari ini agar dapat menjiwai nilai-nilai yang diterapkan dalam diri masing-masing untuk meningkat dan memantapkan diri agar sentiasa menjadi satu ketumbukan yang digeruni dan disegani.

“Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk menyemai dan menanam tanggungjawab ini serta kepimpinan sebagaimana pemimpin Islam terdahulu untuk menjadi *role model* bukan sahaja kepada anggota bawahan malahan kepada masyarakat,” titah TMJ.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong,

Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato’ Sri Hj Affandi Buang TUDM, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato’ Hasagaya Abdullah, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Khairul

Anuar Yahya, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Kol (Kehormat) Prof Datuk Ir. Dr Wahid Omar, Pegawai-pegawai Kanan ATM dan Naib Canselor Universiti Awam.





## Majlis Santapan Amal YSAHMS

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Penaung Yayasan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (YSAHMS) bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Maliha Binti Almarhum Tengku Ariff Sultanah Negeri Kedah Darul Aman mencemar duli ke Majlis Santapan Amal Yayasan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Dewan Perkas, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia pada 26 Jul 2019.

Terdahulu keberangkatan tiba baginda disambut oleh Pemangku Panglima Angkatan Tentera Malaysia (PAT), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi mengiringi baginda untuk sesi bergambar dan seterusnya ke Dewan Perkas.

Majlis yang dihadiri seramai 290 orang kenamaan, pegawai ATM beserta pasangan, dimulakan persembahan Kombo Badan Kesenian Tentera Darat dan Kombo Rejimen Askar Melayu Diraja beserta para artis jempunan sambil jempunan-jempunan kenamaan menikmati santapan amal YSAHMS.

Yayasan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah merupakan satu satunya badan amal di dalam Kementerian Pertahanan Malaysia yang berdaftar dengan akta syarikat di bawah kelolaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Pengistiharan rasmi Yayasan ini telah mendapat perkenan penyempurnanya pada 20 Mei 2011 oleh Almarhum Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang merupakan Seri

Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada ketika itu.

Yayasan ini ditubuhkan bagi menjalankan kerja-kerja amal di samping menghulurkan sumbangan bantuan kebajikan seperti pembiayaan, perubatan, pendidikan khas dan lain-lain bantuan yang tidak dapat dibiayai oleh agensi kerajaan kepada warga dan pesara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya dan seluruh warganegara

Malaysia amnya, pada majlis amal yang dilaksanakan, Yayasan berjaya mengumpul dana sebanyak RM212,800.00 bagi membolehkan yayasan itu meneruskan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan di negara ini.

Majlis diteruskan dengan kata-kata aluan Pengerusi YSAHMS, penyampaian cenderahati

kepada penyumbang-penyumbang terbanyak kepada YSAHMS serta penyampaian cendera kenangan KDYMM Sultan Kedah Darul Aman Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah selaku Penaung YSAHMS dan KDYMM Sultanah Maliha Binti Almarhum Tengku Ariff Sultanah Negeri Kedah Darul Aman.

Turut berangkat ke majlis itu adalah Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin, Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah, Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff, Tunku Laksamana Kedah, Yang Teramat Mulia Tunku Shazuddin Ariff Ibni Sultan Sallehuddin, Kerabat Diraja Kedah serta pegawai-pegawai kanan ATM serta para penyumbang.



## Kol YDP KKD Berangkat Ke IPP



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah selaku Kol Yang DiPertua Kor Kesihatan Diraja (KKD) berkenan berangkat ke Institut Perubatan Penerbangan (IPP), Pangkalan Udara Subang pada 25 Sep 2019.

Terdahulu, keberangkatan tiba baginda disambut oleh

Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan.

Sejurus ketibaan, DYMM Paduka Seri Sultan Nazrin menandatangani *plate* lawatan lalu diberi sembah taklimat operasi dan taklimat keupayaan Pesawat A400M.

Seterusnya baginda dibawa ke fasiliti IPP bagi demonstrasi *ejection seat* yang dilakukan oleh juruterbang dari No 11 Skn, Mej Mohd Jamil Awang TUDM, melawat ke *Altitude Hypobaric Chamber* serta berangkat melihat Pusat Penyelidikan Latihan *Simulator G (PLUSS G)* dan *High Performance Human Centrifuge (ATFS 400)*.

Selain itu, baginda berkenan melihat demonstrasi konfigurasi *Aeromedical Evaluation* diiringi taklimat ringkas serta susun atur pesakit serta peralatan yang digunakan dalam penugasan di dalam pesawat A400M.

Turut hadir Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib Datuk Hj Ab Wahab TUDM, Komander Pangkalan Subang, Mej Jen Dato' Hj Muhammad Mudzahir Ong Abdullah TUDM, Pengarah Perubatan, Mej Jen Dato' (Dr) Zulkefeli Jusoh serta pegawai kanan ATM.

## Atlet ATM Tanamkan Semangat Juang yang Tinggi - MENHAN

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Menteri Pertahanan (MENHAN), Hj Mohamad Sabu menyempurnakan Majlis Malam Anugerah Sukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2018 di Dewan Perkasa Wisma Perwira ATM pada 23 Jul 2019.

Dalam ucapannya, beliau mengingatkan kepada atlet-atlet ATM supaya tidak sesekali merasakan diri tidak berkemampuan untuk bertanding di peringkat yang lebih tinggi kerana hakikatnya semua mempunyai ciri-ciri kecemerlangan di dalam diri masing-masing serta tanamkan semangat juang yang tinggi agar tidak tewas dan cepat mengalah.

Selain itu MENHAN berharap perancangan masa hadapan untuk kemajuan sukan perlu dirangka dan dilaksanakan melalui beberapa pendekatan yang relevan dan menjadi tanggungjawab bersama semua pihak di dalam pengurusan mahupun atlet dengan menjadikan sukan sebagai satu perkara yang diberi keutamaan di dalam meningkatkan imej serta pencapaian sukan ATM khususnya dan Malaysia amnya.

Semua pihak perlu berganding bahu memperkenalkan daya kepimpinan dan pengurusan yang lebih positif bagi membina platform yang kukuh dalam memastikan kesinambungan kecemerlangan sukan ATM dan negara.

"Saya amat yakin sekiranya budaya kepentingan kecerdasan fizikal secara individu dilaksanakan di setiap lapisan pemerintahan dan bakat-bakat baru yang berpotensi serta berkebolehan akan muncul untuk mewakili negara Malaysia kelak," ujar MENHAN.

Terdahulu pihak Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) turut menyampaikan cek sumbangan kepada Majlis Sukan Angkatan Tentera (MSAT) yang bernilai RM30,000.00, disampaikan oleh Penolong Pengurus PERNAMA, Mat Rostam Mat Abas kepada Panglima Tentera Udara merangkap Yang



Di-Pertua MSAT, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM serta sumbangan daripada MENHAN sebanyak RM 5000.00.

Beberapa anugerah dan sijil penghargaan serta kepujian telah disampaikan antaranya Sijil Penghargaan kepada sembilan Penerima Pentadbir Sukan, 32 orang atlet yang bertanggungjawab memajukan dan meningkatkan prestasi sukan ATM serta sembilan orang atlet penerima Anugerah Lambang Emas dan 16 atlet penerima Anugerah Lambang Perak.

Penerima bagi kategori Jurulatih Sukan Terbaik, diberikan kepada Sjn (U) Azli Abdullah, manakala Anugerah Tokoh Sukan, dirangkul oleh Mej Hardeep Singh TUDM (B). Seterusnya bagi kategori Olahragawan dan Olahragawati, disandang oleh LK PAP Jackie Wong Siew Cheer dan LK I PNK Norliyana Kamaruddin, manakala Johan keseluruhan Sukan Antara Perkhidmatan 2018 disandang oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Turut hadir, Panglima Tentera Laut, Laksamana Datuk Mohd Reza Mohd Sany, Ketua Staf ATM, Lt Jen Dato' Kamaluzaman Mohd Othman dan Ketua Staf Tentera Darat, Mej Jen Datuk Zakaria Hj Yadi.

## **MENHAN Lawat MK TD**

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Menteri Pertahanan (MENHAN), Hj Mohamad Sabu melakukan Lawatan Kerja beliau ke Markas Tentera Darat (MK TD) pada 17 Jul 2019.

Sebaik ketibaan MENHAN, beliau disambut oleh Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi lalu diperkenalkan kepada Ketua-ketua Bahagian, Cawangan dan Jabatan Arah (BCJ) MKTD.

Beliau kemudiannya dibawa ke Bilik Tetamu PTD dan menandatangani Buku Lawatan serta diberi taklimat berkenaan MKTD di Bilik Mesyuarat Sekretariat TD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Ketua Staf TD, Mej Jen Datuk Zakaria Hj Yadi.



## **Lawatan Kerja KSU KEMENTAH Ke MK TD**



**KUALA LUMPUR:** Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia (KSU KEMENTAH), Datuk Seri Mohd Zuki Ali melakukan Lawatan Kerja beliau ke Markas Tentera Darat (MK TD ) pada 28 Ogos 2019.

Sebaik ketibaan KSU, beliau disambut oleh Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi lalu diperkenalkan kepada Ketua-ketua Bahagian, Cawangan dan Jabatan Arah (BCJ) MKTD.

Beliau kemudiannya dibawa ke Bilik Tetamu PTD dan menandatangani Buku Lawatan serta diberi taklimat berkenaan MKTD di Bilik Mesyuarat Sekretariat TD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Ketua Staf TD, Mej Jen Datuk Zakaria Hj Yadi serta pegawai kanan TD. - Saifun Hakimi Zainon

## **PTD Terima Pemaszyuran MPAT Ahli Yang Ke-11**

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah dimasyhurkan sebagai Ahli *Hall of Fame* Ke-11 Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dalam Majlis Pemaszyuran *Hall of Fame* Siri 11/2019 yang diadakan di Dewan Trisakti MPAT, pada 30 Sep 2019.

Acara pemaszyuran telah disempurnakan oleh Komandan MPAT, Laksamana Pertama Mohd Fadzli Kamal Mohd Mohaldin yang mana idea mewujudkan *Hall of Fame* telah dicetuskan semasa Mesyuarat Lembaga Gabenor Maktab (*Board of Governors*) Ke-45 pada 30 Dis 2013.

Personaliti yang layak dimasyhurkan sebagai ahli *Hall of Fame* MPAT adalah terdiri daripada alumni maktab yang telah berjaya menjawat jawatan tertinggi di dalam perkhidmatan masing-masing.

Pemaszyuran ini secara langsung memberi pengiktirafan secara nyata dan merupakan penghormatan berprestij tertinggi MPAT kepada alumennya.

Selain Majlis Pemaszyuran, sebagai tanda penghargaan, mereka yang dimasyhurkan dengan status



kehormat ini akan menerima sijil peribadi dan momento *Hall of Fame* serta gambar potret penerima akan dipamerkan bersama penerima terdahulu di ruang yang dikhususkan.

Turut hadir di majlis tersebut, adalah pegawai-pegawai kanan ATM, alumni-alumni MPAT dan peserta kursus MPAT. - SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

# Kibar Jalur Gemilang Pamer Semangat Nasionalisme



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Seramai 600 warga Kementerian Pertahanan hadir dalam Perhimpunan Bulanan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang peringkat Kementerian Pertahanan Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 disempurnakan Menteri Pertahanan, (MENHAN) Hj Mohamad Sabu bertempat di Dataran Wisma Pertahanan pada 16 Ogos 2019.

Perhimpunan ini adalah sebagai platform bagi pengurusan tertinggi menyampaikan amanat selain menyeru warga Kementerian Pertahanan agar mempamerkan semangat

nasionalisme bersempena bulan kebangsaan.

Dalam ucapan MENHAN, beliau menyeru agar ATM sentiasa bersatu padu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dan mempercayai bahawa ancaman bukan tradisional dapat dibanteras sekiranya kebolehan dan keupayaan ATM ditambah baik dari semasa ke semasa seiring dengan negara-negara maju yang lain.

Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa penghinaan ke atas ATM adalah satu perkara yang jijik dan pihak yang terlibat dianggap sebagai musuh negara.

“Perkara ini berlaku adalah disebabkan kurangnya kefahaman sesetengah pihak berkaitan peranan Kementerian Pertahanan dan ATM dalam mempertahankan kedaulatan negara, keutuhan wilayah dan kesejahteraan rakyat,” tegasnya.

Tambah beliau lagi, rakyat Malaysia boleh mengkritik kredibiliti ATM tetapi tidak seharusnya ada elemen penghinaan di dalamnya.

MENHAN turut memasang Jalur Gemilang sebagai simbolik pelancaran kempen serta melepaskan 30 buah kenderaan Kementerian Pertahanan dan ATM dari garis permulaan sejajar dengan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini "Sayangi Malaysiaku:Malaysia Bersih".

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Zuki Ali, Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Affendi Buang TUDM.

## PUSPAHANAS Rasmi Kursus Pertama

**PUTRAJAYA:** Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin menyempurnakan Majlis Perasmian Kursus Ketahanan Nasional (KKN) Siri 2020, Kursus Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) Siri 40/2020 serta Kursus Pemerintahan dan Staf Malaysia (PDSM) Siri 49/2020 yang mana merupakan kursus pertama dilaksanakan di Kompleks Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS) pada 20 Sep 2019.

PUSPAHANAS merupakan sebuah pusat pengajian ATM yang dibangunkan sebagai sebuah kolej pengajian yang moden dan kondusif dengan menempatkan Maktab Ketahanan Nasional (MKN), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) dengan secara berperingkat melalui proses pemindahan operasi dari Jalan Padang Tembak ke Putrajaya.

Perasmian kursus buat pertama kalinya di kompleks ini melibatkan penuntut bagi Kursus PDSM Siri 49/2020 dengan penyertaan 165 pegawai meliputi pegawai ATM dan pegawai tentera luar negara, yang berpangkat Mej dan Lt Kol.

Bagi MPAT Siri 40/2020 dihadiri seramai 41 pegawai-pegawai kanan ATM, Awam, PDRM dan pegawai tentera luar negara yang berpangkat Lt Kol ke atas.

Pada masa sama turut diadakan acara menandatangani Memorandum Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk pelaksanaan program KKN di MKN.

Maktab ini menyediakan kursus berkaitan perkara



- perkara strategik dan pertahanan nasional kepada pegawai ATM yang berpangkat Kol dan Brig Jen, KKN 2020 melibatkan seramai 20 pegawai kanan dari Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara sebagai *pioneer* di maktab ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang (TUDM), Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah mewakili Panglima Tentera Darat dan Ketua Staf MK ATM, Lt Jen Datuk Kamarulzaman Mohd Othman (TUDM). - **Saifun Hakimi Zainon**

## **Pemakaian Pangkat DYMT Raja Muda Kedah**



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang

**KUALA LUMPUR:** Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah Darul Aman Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Panglima Tentera Darat (PTD),

Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah menyempurnakan Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Sukarela Askar Wataniah keatas Raja Muda Kedah, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al

Aminul Karim Sultan Sallehuddin di Istana Darul Aman pada 6 Sep 2019.

Acara diteruskan dengan Raja Muda Kedah dipakaikan pangkat Brig Jen oleh PTD dan menjawat jawatan sebagai Komander Rej Askar Wataniah (AW) berkuatkuasa 25 Mei 2019.

Serba ringkas keperibadian DYTM Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin diputerakan pada 2 Mac 1967 di Alor Setar, Kedah

Baginda merupakan anakanda pertama dan bertemu jodoh dengan DYTM Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff serta berpendidikan *Brunei University, Uxbridge Middlesex United Kingdom, Bachelor of Laws (Hons)*,

Kini baginda telah dilantik sebagai Pengerusi, di *Thong Guan Industries Berhad* dan sebagai Rakan Kongsi di *Kamil Hashim Raj & Lim Advocates & Solicitors*.

Turut hadir Pengerusi RAMD, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan Asisten Ketua Staf Cawangan Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad.

## **Pemakaian Pangkat Pegawai Tauliah Kehormat AW**

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi hadir dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Tauliah Kehormat Askar Wataniah yang disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia (MENHAN), Hj Mohamad Sabu di Wisma Pertahanan pada 23 Jul 2019.

Majlis dimulakan dengan pemakaian pangkat kepada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari yang dinaikkan pangkat dari Kol ke Brig Jen serta dilantik sebagai Penaung Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW) bagi Negeri Selangor.

Sementara itu, Ketua Menteri Melaka, Hj Adly Hj Zahari turut dipakaikan pangkat Brig Jen Kehormat serta dilantik sebagai Penaung JAKPAW bagi Negeri Melaka. Pelantikan Menteri Besar Selangor dan Ketua Menteri Melaka sebagai Penaung JAKPAW di peringkat negeri telah diperkenankan menerusi kelulusan Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke-575 berkuatkuasa pada 24 Mei 2019 dan JAKPAW merupakan suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di setiap negeri untuk menggalakkan rakyat menyertai Angkatan Simpanan Persekutuan (ASP).

Tujuan organisasi jawatankuasa ini ditubuhkan adalah untuk merancang semua jenis bantuan kepada ASP seperti kem gunasama, mempromosikan Askar Wataniah (AW) di kalangan masyarakat dan menggalakkan penyertaan orang awam menyertai ASP menerusi komitmen majikan di



mana Piagam Jawatankuasa Pendukung Angkatan Sukarela Persekutuan telah ditetapkan menerusi Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bilangan 1 Tahun 1996.

Perlantikan Pengerusi JAKPAW diberi kepada Menteri Besar/Ketua Menteri/Menteri Wilayah Persekutuan dengan diperuntukkan pangkat Kol Kehormat serta semua perjawatan tauliah kehormat ini perlu mendapat kelulusan MAT dengan perkenan Yang Dipertuan Agong terlebih dahulu sepertimana yang termaktub dalam Seksyen 198, Akta Angkatan Tentera 1972.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali. - **Kpl Ainur Aisyah Yahaya**  
Gambar: Kpl Mohd Zulkifli Awang



## Pegawai Kanan TD Naik Pangkat



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Seramai 21 pegawai kanan dari pelbagai Kor Tentera Darat (TD) termasuk empat pegawai sukarela dan lapan Pegawai Tugas Khas TD dinaikkan pangkat dalam Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD yang disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dewan Tanjung, Wisma Transit pada 23 Jul 2019.

Mendahului senarai adalah Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami yang dinaikkan pangkat daripada Mejar Jeneral ke Letenan Jeneral dan menjawat jawatan sebagai Panglima Medan Barat TD manakala Brig Jen Hashim Aman Shah dinaikkan pangkat daripada Brigediar Jeneral ke Mejar Jeneral dan menjawat jawatan Asisten Ketua Staf, Bahagian Operasi Latihan dan Pertahanan, Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada dua pegawai kanan yang dinaikkan pangkat daripada Kolonel ke Brigediar Jeneral didahului oleh Kol Abdul Rahman A. Wahab menjawat jawatan sebagai Panglima Briged Kesembilan Infantri Malaysia dan Kol Adnan Abu Hassan yang menjawat jawatan sebagai Pengarah Kor Jurutera Letrik dan Jentera Diraja.

Sementara itu, tiga pegawai dinaikkan pangkat Letenan Kolonel ke Kolonel, 14 pegawai dinaikkan pangkat Mejar ke Letenan Kolonel dan lapan Pegawai Tugas Khas TD dinaikkan pangkat ke Letenan Muda.

Dalam ucapan PTD, beliau menyatakan bahawa tiada istilah simpati mahupun kebetulan apabila seseorang dinaikkan pangkat sebaliknya ia adalah berdasarkan



pengiktirafan dan kelayakan di atas prestasi yang cemerlang serta teruji kredibilitinya.

"Kepada Pegawai Kanan Sukarela dan Kehormat yang dinaikkan pangkat, mainkan peranan masing-masing secara pro-aktif kerana pangkat yang diberi bukan untuk bermegah, malah jadikan ia sebagai pemangkin untuk menggerakkan aktiviti di peringkat masing-masing," tegas PTD.

Beliau juga mahukan Pegawai Kanan Sukarela ini turut gigih membantu mendokong matlamat TD tahun 2019 sebagai Tahun Latihan dan Penjajaran agar dapat menjamin tahap kewibawaan dan kesiagaan Askar Wataniah sebagai barisan kedua pertahanan negara.

Terdahulu PTD turut memakaikan pangkat Kolonel Kehormat kepada Dato' Kaya Setia Hj Nazran Muhammad yang menjawat jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Kelantan, Prof Dr Ahmad Bashawir Hj Abdul Ghani menjawat jawatan sebagai Komandan, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bagi kenaikan pangkat Lt Kol Sukarela pula, Prof Dr Hj Thomas Kana dinaikkan pangkat dan menjawat jawatan sebagai Timbalan Komandan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti Malaysia Sarawak manakala Datuk Hanafi Sakri dinaikkan pangkat ke Letenan Kolonel Kehormat, menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Melaka.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pertahanan, Senator Liew Chin Tong, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Mohd Amin Muslan dan pegawai kanan TD.



# Pemimpin Bukan Sekadar Memberi Arahan dan Ketetapan - PTD



Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD dan Penganugerahan Sayap Juruterbang Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) di Wisma Perwira Angkatan Tentera

sebagai Pengarah Cawangan Perkhidmatan Kejuruteraan Timur, MK ATM-BPKP dan Kol Dr Janudin Awang menjawat jawatan sebagai Pengarah Pendidikan MK ATM, BPA.

Sementara itu empat pegawai dinaikkan pangkat dari Leftenan Kolonel ke Kolonel, lapan pegawai dinaikkan pangkat dari Mejar ke Leftenan Kolonel serta kenaikan pangkat yang sama kepada dua Pegawai Sukarela Askar



Malaysia (ATM) pada 29 Ogos 2019.

Majlis kenaikan pangkat melibatkan 18 pegawai kanan dari pelbagai Kor TD dan dua pegawai sukarela dimulakan dengan kenaikan pangkat Brigediar Jeneral ke Mejar Jeneral yang didahului oleh Brig Jen Dr. Pakianathan Dawson @ A. Endry Nixon Alexander menjawat jawatan sebagai Asisten Ketua Staf, J3 Bahagian Operasi dan Latihan Bersama, MK AB manakala Brig Jen Dato' Zarondin Md Amin turut dipakaikan pangkat yang sama dan menjawat jawatan Asisten Panglima, MK TD-BPS.

Majlis diteruskan dengan pemakaian pangkat kepada empat pegawai kanan yang dinaikkan pangkat daripada Kolonel ke Brigediar Jeneral didahului oleh Kol Johari Mohd Jaafar menjawat jawatan sebagai Komander ATB 2, Kol Semaon Marjuki menjawat jawatan sebagai Panglima 10 Bgd (Para), Kol Ir Ruslan Sulaiman menjawat jawatan



Wataniah (AW) dan diakhiri dengan penganugerahan Sayap Juruterbang Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) kepada tiga pegawai yang telah menamatkan Kursus Asas Penerbangan di Institut Penerbangan 2 (INSPEN 2) dan *Aviation School Fort Rucker, Alabama, Amerika Syarikat*.

Dalam ucapan PTD, beliau berharap agar kekalkan dan pertingkatkan prestasi cemerlang demi mengesahkan pangkat yang diberi sememangnya tepat serta mengoptimalkannya demi perkhidmatan.

"Pemimpin bukan sekadar memberi arahan dan ketetapan, malah menunjukkan teladan serta membimbing anggota. Natijahnya, tanggungjawab pemimpin amat luas ruang lingkup yang memerlukan penajajaran ilmu, kemahiran, sikap dan spiritual," tegas PTD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami.

# Kempen Tabung Pahlawan 2019 Dilancarkan

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Penaung Kempen Tabung Pahlawan 2019, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali menyempurnakan Majlis Pelancaran Kempen Tabung Pahlawan 2019 bertempat di Wisma Perwira ATM pada 19 Sep 2019.

Terdahulu ketibaan Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali disambut oleh Menteri Pertahanan (MENHAN), Mohamad Sabu dan isteri serta Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Kempen Tabung Pahlawan adalah sebahagian daripada program sambutan Hari Pahlawan bagi mencapai objektif seperti memberi kesedaran kepada rakyat dan masyarakat di atas pengorbanan serta jasa bakti para pahlawan tanah air yang menjaga keselamatan dan kedaulatan negara yang selama ini menghasilkan keamanan dan kemakmuran berterusan.

Dalam ucapan MENHAN, beliau menyeru semua pihak untuk menghulurkan sumbangan ikhlas sebagai tanda terima kasih atas hadiah keamanan dan keselamatan yang kita nikmati pada masa kini.



“Sememangnya wang ringgit bukanlah tukaran kepada keamanan namun ianya adalah lambang kita menghargai jasa serta pengorbanan anggota tentera dalam mempertahankan negara,” ujarnya.

Selain itu, ianya dapat memupuk semangat patriotik dan cintakan negara terutama di kalangan remaja dan belia di dalam menghayati perjuangan serta pengorbanan para pahlawan tanah air.

Sumbangan Tabung Pahlawan akan disalurkan untuk bantuan

kebajikan kepada veteran dan ahli keluarga secara menyeluruh merangkumi Veteran Kelainan Upaya (VKU), bantuan kepada balu dan anak-anak dalam kategori Orang Kurang Upaya (OKU).

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mod Sany dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM.

## Majlis Tahlil Sempena Hari Pahlawan 2019



**KUALA LUMPUR:** Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan berangkat

menghadiri Majlis Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat sempena Sambutan Hari Pahlawan 2019 di Masjid Negara pada 18 Sep 2019.

Terdahulu keberangkatan tiba baginda berdua disambut Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu.

Seramai 2000 jemaah hadir terdiri daripada penjawat awam, wakil agensi kerajaan dan pelajar sekolah tahfiz yang mana majlis dimulakan dengan Solat Maghrib berjemaah diikuti Bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat, dipimpin Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad.

Turut hadir Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM. - Saifun Hakimi Zainon

## 3 Div Johan Tilawah Al-Quran TD 2019



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
 Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**NEGERI SEMBILAN:** Markas Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (MK 3 Div) muncul Johan Keseluruhan dalam Majlis Penutup Tilawah Al-Quran Peringkat Tentera Darat Tahun 2019 disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bertempat di Auditorium Sebatang Karah pada 19 Jul 2019.

Tilawah Al-Quran ini dilaksanakan dari 17 hingga 19 Jul 2019 anjuran Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (PLDTD) dengan tema 'Al-Quran Memberi Kejayaan Dunia dan Akhirat'.

Seramai 29 peserta daripada tujuh formasi dalam TD menyertai tilawah ini meliputi lima kategori iaitu Kategori Pegawai, Qari, Qariah, Qari Saudara Baharu dan Kategori Qariah Saudari Baharu.

Kesemua peserta akan dinilai permakalahannya daripada segi lontaran suara, fasolah, tajwid dan taranum masing-masing serta diadili oleh empat hakim awam diketuai oleh Pengarah Sel Agama TD.

Johan Kategori Pegawai dimenangi oleh Mej Muhammad Mushawwir Che Mohd Azuha dari 3 Div, Kategori Qari diberikan kepada SSjn Muhammad Hasanbasri Ahmad dari MK 4 Div dan Johan Kategori Qariah pula disandang oleh Rabia'htun Adauyiah Ismail dari MK 3 Div.

Johan Kategori Saudara serta Saudari Muslim Baharu dimenangi oleh Kpl Fariz Danial Abdullah dari MK 2 Div dan Kpl Nur Hayfa Jessica Robert dari Markas Pemerintahan Logistik Tentera Darat.

Dalam ucapan penutup oleh PTD, beliau menyeru kepada hadirin supaya jadikan amalan membaca Al-Quran sebagai amalan harian serta hayati pengajaran dan praktikkannya dalam apa jua urusan supaya mendapat keredhaan illahi dunia dan akhirat.

"Dalam konteks ini, Al-Quran adalah panduan mutlak bagi menghadapi dunia dan akhirat yang mana di dalamnya terkandung segala bentuk pedoman, pengajaran dan hikmah.

"Inilah kunci yang mencangkupi segala aspek sebelum dan sesudah mati kerana kewajipan beriman kepada Al-Quran adalah merupakan Rukun Iman yang ketiga," katanya.

Tambahnya lagi, TD mengorak langkah untuk mendekatkan warganya dengan Al-Quran di mana usaha ke atasnya sedang dilaksanakan bagi mendapat statistik tahap kebolehan membaca Al-Quran serta memastikan warga TD celik Al-Quran.

Turut hadir isteri PTD, Datin Seri Noor Akmar Yaacob, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami dan Panglima Logistik Tentera Darat, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar.

## Sambutan Maal Hijrah Peringkat ATM 2019

**KUALA LUMPUR:** Seramai 800 warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terdiri daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan dan kakitangan awam KEMANTAH hadir dalam Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat ATM 1441H di Masjid Khalid Al-Walid pada 24 Sep 2019.

Ketibaan Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1, Pahang Al-Fadhil Dato' Ustaz Hj Badlishah, disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pembangunan Insan, Brig Jen Dato' Hj Nawawi Hj Daud seterusnya ke Dewan Solat Utama, Masjid Khalid Al-Walid, KEMANTAH.

Majlis dimulakan dengan memperdengarkan bacaan Al-Quran Surah An-Nisa bermula ayat 95 oleh Mej Mohd Nizam Dato' Hj Tarmizi Al-Hafiz lalu diteruskan dengan syarahan oleh Imam Besar Masjid Negeri Sultan Ahmad Shah 1, bertajuk 'Buang Yang Keruh Ambil Yang Jernih'.

Sambutan ini adalah bersempena dengan kedatangan tahun baru Hijrah 1441H disamping bertujuan untuk mengingatkan kepada semua peringkat anggota ATM mengenai tahun baharu Islam dan membuka lembaran baharu ke arah penyebaran Islam yang lebih cemerlang.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato'



Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Udara (PTU), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affandi Buang, Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah serta pegawai kanan ATM.

- Saifun Hakimi Zainon



## Majlis Serah Terima Tugas Panglima Medan Barat Tentera Darat

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Seramai sembilan pegawai dan 169 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMB TD) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima Medan Barat Tentera Darat di perkarangan MK PMB TD pada 23 Jul 2019.

Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Norazmi Yaakob manakala Sarjan Mejar Rejimen Perbarisan adalah PW I Salman Abdullah dan pancaragam yang mengiringi perbarisan ialah Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (PP RAMD) dibawah pimpinan Mej Nor Azizan Yahya.

Acara dimulakan dengan menandatangani Dokumen Serah Terima Tugas PMB TD di antara Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dan Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami disaksikan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi .

Terdahulu dari itu, sebaik ketibaan PTD, beliau menerima tabik hormat dari kontinjen perbarisan terdiri dari dua detasmen diiringi Pancaragam Pusat RAMD.

Serba ringkas keperibadian Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, mengambil alih jawatan PMB TD pada 16 Dis 2016, beliau memulakan kerjaya

tentera dengan menyertai Maktab Tentera Diraja (MTD) sehingga beliau lulus pada tahun 1979, dalam pengakuan kepada integriti, kesetiaan dan perkhidmatan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan negara, beliau telah diberi dengan pelbagai pingat hiasan dan anugerah merit oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan ATM.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin dan pegawai-pegawai kanan TD.





# 5 Div dan 13 Bgd Dilancarkan

Oleh: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**SABAH:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi telah menyempurnakan Acara Pelancaran Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div) dan Briged Ke-13 Infantri Malaysia (13 Bgd) bertempat di Padang Kawad Rejimen Ke-6 Artileri Diraja, Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu pada 4 Sep 2019 yang mana 5 Div sebelum ini dikenali sebagai Angkatan Petugas 450 (AT 450).

Penukaran designasi ini adalah salah satu daripada keperluan penjajaran bagi memperkemas struktur organisasi TDM di Sabah dengan menubuhkan sebuah divisyen di negeri Sabah, selari dengan strategi pertahanan daratan TDM iaitu untuk mempertahankan dua wilayah secara serentak melibatkan Malaysia Barat dan Malaysia Timur.

Kemuncak kepada acara berkenaan adalah upacara penyerahan bendera 5 Div daripada PTD kepada Panglima 5 Div, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah dan juga bendera 13 Bgd kepada Panglima 13 Bgd, Brig Jen Datuk Arman Rumaizi Haji Ahmad di hadapan kontingen perbarisan seramai 12 pegawai dan 685 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang diketuai oleh Pegawai Memerintah Batalion Kelapan Rejimen Sempadan (8 RS), Lt Kol Mohd Johaizad Jarudin.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Pegawai Kanan TDM, Pembesar Negeri Sabah dan Ketua-ketua Jabatan Negeri Sabah, Mantan Panglima, Warga TD di Kem Lok Kawi serta Veteran ATM negeri Sabah.



# AT 450 Dibubar, MK 5 Bgd Dipindahkan

Oleh: SSJn Vijay Gaundar Arikrishnan

**SABAH:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyempurnakan Acara Menurunkan Bendera Angkatan Petugas 450 (AT 450) dan Paluan Berundur Markas Briged Kelima Infantri Malaysia (MK 5 Bgd) bertempat di Padang Kawad Rejimen Keenam Artileri Diraja (6 RAD), Kem Lok Kawi pada 3 Sep 2019.

Seramai 12 pegawai dan 685 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada anggota di bawah naungan AT 450 terlibat dalam perbarisan tersebut diketuai oleh Pegawai Memerintah Batalion Ke-22 Rejimen Askar Melayu Diraja (22 RAMD), Lt Kol Mohd Ridwan Abdullah.

Upacara paluan berundur merupakan satu aktiviti rejimental ketenteraan yang bertujuan untuk memperingati dan menzahirkan sejarah sesebuah formasi atau pasukan yang mana MK 5 Bgd telah bertapak selama 49 tahun di Kem Lok Kawi sejak pada 9 Okt 1970 akan berpindah dan diaturgerak ke Kem Paradise, Kota Belud.

Dalam pada itu, perbarisan ini merupakan pertukaran AT 450 didesignasi kepada 5 Div dan ditempatkan di Kem Lok Kawi agar selaras dengan pemodenan dan penetapan oleh pucuk pimpinan TD bahawa tahun 2019 merupakan Tahun Latihan dan Penjajaran.

Justeru itu, terdapat keperluan TD untuk menjajarkan semula struktur pemerintahan dan salah satu daripada keperluan penjajaran tersebut adalah memperkemas struktur organisasi TD di Sabah dengan menempatkan semula MK AT 450 di Kem Lok Kawi bagi mempertingkatkan kecekapan pemerintahan, kawalan dan komunikasi dalam menjaga keamanan dan keselamatan negeri Sabah.

MK AT 450 telah ditubuhkan pada 27 Mac 2014 di Kem Lok Kawi dan berpindah ke Kem Paradise pada 15 Apr 2015. Ini berlanjutan daripada insiden Lahad Datu dan selari dengan perkembangan geo-strategik semasa di Sabah dimana ketumbukan ini merupakan elemen nukleus sebuah Div yang berfungsi untuk melaksanakan tugas merancang, memerintah serta mengawal semua operasi daratan di Sabah.

Kemuncak acara menyaksikan upacara menurunkan bendera AT 450 dan 5 Bgd dengan diiringi oleh tiupan paluan akhir (last post) sebagai simbolik pertukaran designasi MK AT 450 kepada 5 Div serta perpindahan MK 5 Bgd.

Bendera AT 450 diserahkan kepada PTD oleh Panglima 5 Div, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah sebagai tanda persemadian AT 450 dan Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan telah menyerahkan bendera 5 Bgd kepada PTD serta diserahkan kepada wakil anggota 5 Bgd sebagai simbolik untuk bendera berkenaan dikibarkan di Kem Paradise, Kota Belud. Pada masa sama turut diadakan acara Pelancaran Kompilasi Buku Dari Meja Panglima Tentera Darat (DMPTD) Jilid Keempat dan Kompilasi Puisi DMPTD dengan menyaksikan demonstrasi dari 21 Gerup Gerak Khas (21 GGK) sebagai gimik pelancaran DMPTD Jilid Keempat.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Nazir Hj Mami dan Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain.





Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**PERAK:** LKpl Saddam Hussim Ahmad@Arifin di nobatkan sebagai Cef Terbaik dalam Majlis Penutup Ujian Kompetensi KPD Tahun 2019 disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi bertempat di Pusat Latihan Kor Perkhimatan Diraja (PULMAT) pada 17 Jul 2019.

Beliau yang mewakili Tim dari Zon Utara telah menunjukkan prestasi yang cemerlang semasa ujian tersebut dengan penilaian dikira dari penglibatan beliau dalam tiga acara berkumpulan iaitu *field cooking*, *hot cooking* dan *black box*.

Terdahulu PTD berkesempatan menyaksikan pelaksanaan Ujian Cef Tentera di mana beliau dipersembahkan serta menguji rasa masakan yang disediakan oleh peserta dalam Penyediaan Masakan Barat, Masakan Melayu, Hiasan Kek, Buah dan Sayuran.

Peserta-peserta yang terlibat ini telah diadili oleh juri-juri masakan yang terkemuka dan salah seorangnya ialah Master Chef Sabri Hassan.

Ujian Kompetensi KPD ini bertujuan menguji keupayaan dan menilai kemahiran anggota-anggota KPD melibatkan tiga tred kepakaran utama iaitu Tred Pengurusan Kenderaan Jenis B, Tred Pentadbir Logistik dan Tred Cef Tentera sejajar dengan hasrat PTD yang mahukan tahun 2019 adalah Tahun Latihan dan Penjajaran.

Seramai lapan pegawai dan 227 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam ujian ini meliputi pelaksanaan ujian seperti Penilaian Kemahiran Pengangkutan, Kemahiran Hantaran Udara, Kemahiran Bomba, Kepakaran Pemeriksa Stok, Kemahiran Memasak dan Seni Kulinari.

Ianya telah dilaksanakan pada 7 hingga 16 Jul 2019 dengan pelaksanaan lima ujian yang menguji setiap kemahiran anggota KPD dari setiap penjurong iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan dan Zon Timur.

Semasa Sidang Media, PTD berkata, kesemua ujian berkenaan wajib diikuti anggota KPD mengikut rujukan yang disediakan dan meskipun pihaknya berpuas hati dengan tahap pencapaian anggota mengikuti ujian kompetensi itu, namun masih banyak

ruang perlu diperbaiki.

"Dalam proses membuat penilaian, kita dapati doktrin sedia ada juga perlu dikemas kini mengikut keperluan semasa sepertimana dikehendaki TD.

"Ini kerana khidmat KPD dikehendaki di dua zon operasi kita termasuk Sabah dan Sarawak dimana kita akan melihat sejauh mana kompetensi mereka mampu memenuhi keperluan arahan," katanya.

Tambahnya lagi keupayaan yang dipamerkan menunjukkan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan berdasarkan landasan yang ditetapkan.

Selain itu, beliau amat yakin dengan kepimpinan yang ada sekarang akan terus membawa hala tuju KPD ketahap yang lebih unggul ditambah pula memasuki KPD adalah satu cabaran dimana ianya memberikan perkhidmatan kepada semua.

"Untuk kekalkan seorang tukang masak atau perkhidmatan yang baik adalah satu perkara yang amat sukar kerana ia memerlukan banyak sokongan dan dorongan.

"Oleh itu menjadi seorang anggota tentera memerlukan jiwa, minat dan disiplin yang tinggi bagi melaksanakan tugas yang telah diamanahkan," tegas PTD.

Turut hadir, Pengerusi KPD, Mej Jen Dato Hj Hasim Jabar, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad.





# LKpl Saddam Hussin Cef Terbaik TD

## BERSAMA PEMIMPIN

Oleh: Kpl Ainur Aisyah Yahaya  
Gambar: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

**KUALA LUMPUR:** Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (KPPP) merangkap Pengerusi Kor Risik Diraja (KRD), Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan merasmikan Majlis Tautan Kasih Jubli Emas KRD di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia pada 22 Sep 2019.

Terdahulu ketibaan Lt Jen Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan dan isteri disambut oleh Timbalan KPPP, Mej Jen Ahmad Norihan Jalal.

Majlis Tautan Kasih Jubli Emas KRD diadakan sebagai salah satu aktiviti Jubli Emas KRD sempena sambutan yang Ke-50 tahun selain bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim di antara pesara bersama warga KRD yang masih berkhidmat dan sebagai



# Tautan Kasih Erat Hubungan Warga KRD Dengan Veteran



tanda penghargaan ikhlas KRD di atas segala sumbangan serta khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh pesara KRD.

Dalam ucapan KPPP, beliau menyatakan bahawa tanggal 7 Nov 2019 nanti merupakan satu tarikh keramat kepada semua warga KRD kerana

kecil pada peringkat awalnya hingga sekarang mempunyai ketumbukan yang mantap.

“Dalam menyambut tahun keramat ini, saya menyeru agar warga KRD yang masih berkhidmat serta veteran KRD hendaklah kekal menyimpulkan ikatan silaturahim yang utuh dan mampan demi memartabatkan imej KRD ke arah kepentingan serta kebaikan bersama,” ujar KPPP.


Majlis diteruskan dengan Pelancaran Buku Sejarah KRD, Transformasi dan Keunggulan dengan cetusan idea dari mantan KPPP, Lt Jen Dato’ Sri Abdul Hadi Hj Hussin sejak tahun 2015 di mana segala perkembangan dan kemajuan KRD melakar pelbagai sejarah telah dibukukan sebagai rujukan generasi akan datang.

Turut hadir, mantan Ketua Staf Perisikan Pertahanan pertama, Jen Tan Sri Dato’ Ghazali Mohd Seth (B), mantan Ketua Staf Perisikan Pertahanan ketujuh, Jen Tan Sri Dato’ Ghazali Hj Che Mat (B), mantan Pegawai Memerintah KRD, Jen Tan Sri Dato’ Sri Abdul Rahman Hj Abdul Hamid (B), Presiden Kelab Veteran Risik Malaysia (KVRM), Mej Jen Dato’ Zahar Hashim (B) dan Pengarah KRD, Kol Hj Idros Hj Muhammad.



genaplah usia 50 tahun penubuhan KRD.

“Selari dengan transformasi perkembangan organisasi yang berlaku, maka elemen sumber manusia dan aset-aset perisikan turut berkembang dari saiz kekuatan yang







## PW I Hayazi SMR ATM Pertama

**A**ngkatan Tentera Malaysia (ATM) melakar sejarah apabila buat pertama kalinya melantik PW I Hayazi Abdul Aziz menjadi Sarjan Mejar Rejimen (SMR) ATM yang pertama. Perlantikan beliau secara rasminya dilaksanakan di Padang Kawad KD Pelandok, Pangkalan TLDM, Lumut pada 27 Sep 2019 semasa Perbarisan Hari ATM Ke-86 yang disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj. Zulkifli Hj. Zainal Abidin.

Mengimbas keperibadian SMR ATM, beliau dilahirkan pada 19 Sep 1974 di Alor Setar Kedah dan menceburi Perkhidmatan Tentera Darat pada 10 Apr 1993 di Pusat Latihan Rekrut (PLR) dahulunya dan sekarang dikenali sebagai Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) selama enam bulan di Port Dickson Negeri Sembilan.

Beliau kemudian ditempatkan di Batalion Ke Sembilan Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) Kem Terendak Melaka pada 3 Okt 1993. Sepanjang perkhidmatan, beliau telah menunjukkan sikap dedikasi dan ketekunan kerja yang tinggi dan berusaha dengan gigih untuk meningkatkan maju dalam kerjaya ketenteraan. Hasil daripada kesungguhan dan dedikasi yang telah dipamerkan dalam tempoh 26 tahun perkhidmatan, beliau telah berjaya menyandang jawatan sebagai SMR TD yang Ke-7.

PW I Hayazi Abdul Aziz juga telah memegang beberapa jawatan lain sepanjang tempoh perkhidmatan. Di antaranya adalah anggota repal (riflemen), Penolong Ketua Seksyen, Ketua Seksyen, Sarjan Platun, Kompeni Sarjan Mejar dan Pegawai Waren Jurulatih Payung Terjun di Batalion Kesembilan Rejimen Askar Melayu Diraja (*Paratrooper*) (9 RAMD Para).

Selain daripada itu, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai SMR di Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) pada 17 Ogos 2006 hingga 19 Ogos 2009, SMR Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 20 Ogos 2009 hingga 30 Jun 2013, SMR Markas Medan TD pada 1 Julai 2013 hingga 29 Apr 2014 dan SMR Kor Infantri pada 30 Apr 2014 hingga 6 Mei 2015.

Tanggal 7 Mei 2015, beliau telah diberi kepercayaan dan mandat oleh pucuk pimpinan Tentera Darat untuk menjawat jawatan sebagai SMR Tentera Darat yang Ke-7 sehingga 27 Sep 2019.

Kursus-kursus kerjaya dan kepakaran yang telah dihadiri beliau di sepanjang Perkhidmatan adalah Kursus Asas Payung Terjun di PULPAK, Asas Kerani di 17 RAMD (Para), Kadar Pasukan di 9 RAMD (Para), Asas Semboyan di 9 RAMD (Para), Jurulatih *Abselling Repelling* dan Penyelamat Udara di PULPAK, Pengesan Tempur di PULADA, Ketua Penerjunan di PULPAK, Ketua Seksyen di PULADA, Asas Tempur Tanpa Senjata (TTS) di 9 RAMD (Para), Jurulatih Payung Terjun di PULPAK, KPSP di 9 RAMD (Para), Sjn Platun di PULADA, KPSP di IPDA, KPPTTK di IPDA. Semua kursus-kursus yang dihidirinya memperolehi keputusan yang cemerlang dan membanggakan.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Yusandayu Yahaya dan dianugerahkan dua orang cahaya-mata lelaki yang memberi kekuatan kepada beliau untuk lebih berjaya demi anak-anak yang disayangi. Beliau juga memanfaatkan masa lapang beliau dengan aktiviti keroanian disamping beriadah bersama keluarga dan beliau merupakan seorang yang peramah serta amat disegani oleh rakan-rakan.

Didalam jawatan ini, beliau bertindak sebagai Penasihat kepada Panglima Angkatan Tentera di atas segala arahan dan polisi yang wujud ataupun cadangan yang melibatkan peraturan perkhidmatan anggota lain-lain pangkat.

Beliau juga bertindak sebagai penasihat kepada susunan acara Istiadat Perbarisan Rasmi Angkatan Tentera Malaysia seperti penganugerahan, Pertukaran dan mengarak panji-panji, Perbarisan Pertauliahan Diraja Pegawai-pegawai Kadet, Istiadat Pengkebumian Kebangsaan dan Perbarisan Hari Kebangsaan.

Sebagai SMR Angkatan Tentera Malaysia, beliau juga bertanggungjawab sebagai penasihat dan penyelarasan dalam semua perbarisan di semua formasi, pusat latihan dan pasukan.



## PW I Mohd Fauzi SMR TD Ke-8

**P**egawai Waran Satu Mohd Pauzi Mohd Ali telah dilantik menjadi Sarjan Mejar Rejimen (SMR) Tentera Darat (TD) Ke-8 semasa Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda (PM) Tentera Darat Siri 189/2019 Lelaki dan Siri 45/2019 Wanita di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) pada 5 Okt 2019.

Beliau menerima tongkat kuasa SMR TD daripada PW I Hayazi Abdul Aziz sebagai simbolik Serah Menyerah Tugas SMR TD yang disaksikan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi.

Mengimbas kembali keperibadian SMR TD Ke-8, beliau dilahirkan pada 3 Okt 1971 di Kluang, Johor dan mula menceburi Perkhidmatan Tentera Darat pada 10 Okt 1990 di Pusat Latihan Rekrut (PLR) dahulunya dan sekarang dikenali sebagai Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) selama enam bulan di Port Dickson Negeri Sembilan.

Pada 3 Okt 1993 beliau ditugaskan di Batalion Ke Sembilan Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) Kem Terendak, Melaka dan kemudian telah ditugaskan ke pasukan 18 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Seberang Takir, Kuala Terengganu. Sepanjang 29 tahun perkhidmatannya bersama TD, beliau telah mempamerkan kecemerlangan perkhidmatan, sikap dedikasi dan ketekunan yang tinggi.

Di atas keperibadian yang unggul dan rekod perkhidmatan yang cemerlang, pada 5 Okt 2019, PW I Mohd Pauzi Mohd Ali telah dilantik memegang perjawatan sebagai SMR TD Ke-8.

Beliau juga telah memegang beberapa jawatan lain sepanjang perkhidmatannya iaitu sebagai anggota Repal, Penolong Ketua Seksyen, Ketua Seksyen, Penolong Ketua Platun, dan Sarjan Mejar Kompeni. Di samping itu, beliau

diamanahkan dengan jawatan SMR untuk Divisyen Ke-4 Infantri Malaysia, SMR di Markas Medan, Kuala Lumpur pada 23 Sep 2011 hingga 30 Jun 2013 dan perjawatan terakhir sebelum menjawat jawatan SMR TD adalah sebagai SMR Istiadat pada 1 Jul 2013 hingga 4 Okt 2019.

Kursus-kursus kerjaya dan kepakaran yang telah dihadiri oleh beliau sepanjang perkhidmatan adalah Kursus Asas Tempur Tanpa Senjata (TTS), KADAR Pasukan (9 RAMD Para), Asas Payung Terjun (PULPAK), Senjata Bantuan Kompeni (18 RAMD), Jurulatih Risik Gempur (PULPAK), Jurulatih *Abseiling* dan Penyelamat Udara (PULPAK), Ketua Penerjunan (PULPAK), Ketua Seksyen (PULADA), KPSP (PUSARTI), Pengesan Tempur (PULADA), Sarjan Platun (PULADA), KPSMK dan KPPTTK (IPDA). Beliau memperolehi keputusan yang cemerlang dan membanggakan dalam semua kursus yang telah dihadiri.

PW I Mohd Pauzi Mohd Ali telah mendirikan rumah tangga bersama Zuhani Masud dan dianugerahkan dua orang cahayamata perempuan. Isteri dan anak-anak merupakan sumber kekuatan beliau dalam mencapai kejayaan. Beliau juga memanfaatkan masa lapang dengan menghadiri aktiviti kerohanian disamping beriadah bersama keluarga.

Beliau juga dikenali sebagai seorang yang peramah serta amat disegani oleh rakan-rakan. Diantara tugas beliau sebagai SMR TD adalah sebagai penasihat kepada PTD dalam melaksanakan segala arahan dan polisi yang wujud ataupun sebarang cadangan yang melibatkan peraturan perkhidmatan anggota Lain-Lain Pangkat.

Selain itu, beliau juga merupakan individu penting yang akan bertindak sebagai penasihat dalam semua perbarisan di semua pasukan, pusat latihan dan formasi, seperti susunan acara istiadat perbarisan rasmi TD seperti Penganugerahan, Pertukaran dan Mengarak Panji-Panji, Perbarisan Pentauliah Diraja Pegawai-Pegawai Kadet, Istiadat Pengebumian Kebangsaan dan Perbarisan Hari Kebangsaan.



# 62 Tahun Negara Bebas Merdeka



Sayangi  
Malaysiaku  
MalaysiaBersih

Oleh: Lt Iqbal Aqil Mohd Fadzludin  
Gambar: Sjn Saiful Fazley Rusli

## Pendahuluan

**T**ahun 2019 menandakan tahun di mana negara Malaysia menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Ke-62. Sekiranya diterjemahkan

angka ini ke dalam jasad seorang manusia, umur sebegini jelas mempamerkan rupa paras seorang yang boleh berfikir secara rasional, mencapai tahap kematangan tertentu dan mampu membuat sesuatu keputusan dengan penuh kebijaksanaan. Ia juga merupakan gambaran umur individu yang mempunyai pengalaman yang luas, mampu untuk maju ke hadapan dan dalam pada masa yang sama dapat memacu sebuah kumpulan untuk turut berjaya bersama-sama.



Sungguhpun begitu, seorang manusia normal juga tidak lari daripada sifatnya yang serba kekurangan dalam menilai sesuatu perkara, membuat keputusan yang relevan dan juga kadangkala terleka dibuai mimpi yang indah. Perkara sebegini sepatutnya tidak lagi berlaku dalam usia yang boleh dikatakan pernah melalui setiap perit jerih kehidupan terdahulu dan mengharungi fasa-fasa hitam negara. Walaubagaimanapun, tidak dinafikan bahawa sifat-sifat sebegini dapat dielakkan sekiranya seseorang itu benar-benar mendalami setiap intipati perjuangan dan erti kemerdekaan sebenar yang diperjuangkan oleh pahlawan-pahlawan terdahulu.

Menurut carian umum Kamus Pelajar Edisi Kedua, frasa Merdeka didefinisikan sebagai bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan, tidak bergantung pada yang lain dan berdiri dengan sendiri. Sangat jelas dan mudah difahami erti kemerdekaan ini bagi sebuah negara yang telah mencapai Ulang Tahun Ke-62 merasai nikmatnya. Media-media

kerajaan dan bukan kerajaan juga tanpa lelah menguar-uarkan erti kemerdekaan ini menerusi semua saluran yang ada supaya masyarakat Malaysia dapat memahami dan menghayati maksud sebenar kemerdekaan itu. Hal demikian, merujuk kepada petikan yang disampaikan oleh seorang penulis berbangsa Sepanyol iaitu George Santayana, "*Those who do not remember the past are condemned to repeat it*" yang bermaksud "Mereka yang tidak belajar dari sejarah pasti akan mengulangnya".

Sejarah adalah guru terbaik yang boleh mendidik kita mengenai tindakan yang seharusnya kita lakukan dan yang patut kita elakkan. Daripada sejarah, kita dapat mengetahui sejauh manakah kesan dan impak sesuatu perkara yang terjadi dan mempersiapkan diri agar perkara sedemikian tidak berulang lagi. Kurangnya penghayatan terhadap sejarah boleh dikatakan sebagai liabiliti dalam sesebuah masyarakat kerana mereka tidak dapat menyumbangkan buah fikiran dan pengalaman dalam menghadapi sesuatu



Apakah Erti Kemerdekaan? Ianya adalah sesuatu yang subjektif dan pastinya setiap daripada kita mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza-beza. Ramai daripada kita merupakan generasi yang dilahirkan

jasa generasi yang telah bertungkus lumus mempertahankan negara, berjuang mendapatkan kebebasan dan memberikan nikmat kemerdekaan ini.

Golongan ini juga seharusnya lebih berusaha untuk meneruskan nikmat merdeka

yang kita kecapi dan mewariskannya kepada generasi akan datang. Jika kesedaran ini tidak disemai kepada semua, tidak keterlaluan dikatakan bahawa generasi yang digelar 'generasi pasca merdeka' akan menjadi leka



di negara yang sudah pun mengecapi kemerdekaan dan kemerdekaan di sini adalah bermaksud sebuah negara yang bebas dari penjajahan, baik dari segi fizikal atau psikologikal. Kemerdekaan bermakna kita boleh membuat keputusan dan pilihan tanpa pengaruh atau diganggu gugat oleh mana-mana pihak. Ianya juga memberi kebebasan kepada kita merancang dan membangunkan negara di bidang sosio-ekonomi, politik dan ketenteraan secara tersendiri.

Dalam jangka 62 tahun kemerdekaan, Malaysia telah banyak berubah dari negara yang struktur geografinya terhad kepada Semenanjung Tanah Melayu sahaja. Kita telah membesar menjadi Malaysia dengan penyertaan negeri Sabah dan Sarawak. Generasi hari ini atau lebih tepat lagi generasi pasca merdeka, sewajarnya bersyukur dengan nikmat kemerdekaan, keamanan dan keharmonian yang kita rasai sejak 1957.

Mereka sewajarnya menghargai

serta lalai dan ini akan mengembalikannya negara kita ke zaman ketuanan asing dan dibelenggu semula oleh penjajahan tidak henti-henti akan kembali mencabul tanah berdaulat Malaysia ini.

## Sejarah Kemerdekaan

Kemerdekaan dicapai selepas wujudnya semangat bersatu padu yang kukuh dalam pelbagai etnik walaupun menganuti pelbagai agama, budaya dan kepercayaan. Semangat inilah yang memupuk kesepakatan dan akhirnya melahirkan keharmonian dalam hidup bermasyarakat, sama ada di desa atau bandar sehingga menjadi asas bagi Parti Perikatan meneruskan perbincangan bagi mendapatkan kemerdekaan dari British.

Kerjasama antara kaum menjadi asas perjuangan kemerdekaan kerana masyarakat dunia, malah rakyat negara ini sendiri ketika itu tidak yakin Malaysia boleh kekal aman dengan struktur masyarakat majmuk. Sejak abad ke-19, semangat nasionalisme wujud di Malaysia dan pada abad ke-20 memperlihatkan lebih ramai pejuang kemerdekaan muncul di seluruh tanah air.

Semangat kebangsaan ini sedikit demi sedikit menular ke segenap pelosok negara. Justeru, setahun selepas Jepun menyerah kalah pada Perang Dunia Kedua, muncul Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays Nasional Organisation* (UMNO) dipimpin oleh Datuk Onn Jaafar.

Perjuangan ke arah kemerdekaan bukan perjuangan orang Melayu semata-mata. Walaupun orang Melayu menguasai kepimpinan politik, pemimpin Melayu sedar struktur masyarakat Tanah Melayu diibaratkan seperti aur dengan tebing. Mereka sedar, perjuangan kemerdekaan tanpa penyertaan kaum lain tidak akan berhasil. Mereka dapat melihat dalam masa jangka yang panjang, Tanah Melayu mesti ditadbir anak tempatan, di bawah satu payung politik yang teguh dan kukuh. Pada Jan 1956, Tunku Abdul Rahman (yang mengambil alih kepimpinan UMNO pada 1951) mengetuai satu rombongan mengandungi empat wakil daripada Parti Perikatan dan empat wakil daripada Majlis Raja-Raja ke London membincangkan kemerdekaan.

Selepas tiga minggu mengadakan rundingan pada 8 Feb Tunku menandatangani Perjanjian Kemerdekaan London. Kerajaan British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos tahun berikutnya iaitu pada tahun 1957.

## Pembangunan Negara yang Merdeka

Negara yang telah mencapai







kemerdekaan selama 62 tahun ini juga telah menunjukkan peningkatan yang cemerlang dalam pembangunan infrastruktur bagi kesejahteraan rakyat dan cita-cita menegakkan negara yang membangun.

Maka dalam menuju cita-cita ini, negara haruslah mengalami pembangunan moden di dalam semua aspek, termasuk aspek fizikal, kejuruteraan, perindustrian, komunikasi, sains dan teknologi. Dengan itu terbangunlah gedung-gedung untuk bangunan pentadbiran, institusi pengajian tinggi, kemudahan pengangkutan darat, laut dan udara, pembangunan berteknologi tinggi dan multimedia.

Pembangunan ini membawa negara kita ke hadapan puluhan tahun lebih maju dari negara-negara membangun lain yang tarikh kemerdekaannya jauh lebih awal dari kita. Ini bukanlah *cosmetic change* semata-mata, kerana pembangunan ini mempunyai fungsi kemajuan ilmu pengetahuan dan peningkatan maklumat pada zaman moden ketika semua umat manusia bercita-cita untuk menguasai bidang teknologi dan komunikasi yang canggih dalam dunia yang tidak bersempadan ini. Jadi kita harus bersaing dengan dunia lain, termasuk negara maju, untuk kita juga dapat berlumba dengan mereka dan dapat berdiri sama tegak dengan mereka.

Secara tidak langsung ianya telah meletakkan negara kita ke hadapan yang agak selesa untuk membina tamadun masyarakat kita dan menebus semula maruah umat kita yang selama ini dipandang rendah terutama

sekali oleh mereka dari negara Barat. Inilah pengisian kemerdekaan yang amat bererti sekali kepada kita semua kerana kemerdekaan bukanlah merupakan matlamat terakhir.

Kemerdekaan bukanlah hanya setakat nama dan slogan, kalau hanya slogan, maka rakyat dan pemimpin akan hanya berpeluk tubuh setelah mencapai kemerdekaan. Kemerdekaan bererti satu titik permulaan untuk mengangkat martabat negara dan rakyat, memajukan segala-galanya ke hadapan dan membangunkan diri melalui kekuatan daya ketahanan diri dan kemampuan tenaga dan pemikiran sendiri.

**Individu Yang Merdeka**

Sebagai seorang individu yang hidup di bawah panji-panji Jalur Gemilang, pelbagai perkara boleh dilakukan sekiranya kita dilahirkan dalam suasana aman dan merdeka.

Kebebasan yang diperolehi ini membolehkan seseorang individu bebas untuk melakukan apa sahaja, bebas beragama, bebas pergi ke mana sahaja dan bebas bersuara mengutarakan pendapat masing-masing.

Namun, kebebasan tanpa kawalan ini menjadikan ada sesetengah pihak mengambil kesempatan dengan

melakukan pelbagai bentuk jenayah dan cuba menyuntik virus perkauman dalam kalangan rakyat Malaysia. Tindakan ini dilihat sebagai satu cubaan untuk memecahbelahkan keharmonian hidup rakyat Malaysia dan secara langsungnya menggugat keamanan yang dikecapi sejak sekian lama.

Tindakan yang lahir dari pemikiran yang jumud dan tohor ini har-



uslah dikikis dalam kalangan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian.

Di Malaysia, orang ramai bebas untuk keluar mengundi bagi menentukan sendiri kerajaan yang akan memerintah negara ini. Sesiapa sahaja boleh menjadi menteri sekiranya memenangi kerusi pilihan raya walaupun individu tersebut tiada latar belakang politik. Ini membuktikan Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang dilihat



sangat stabil dan sempurna di mana ia juga diamalkan oleh negara-negara maju yang lain seperti Britain, Jepun dan India.

Walaupun bagaimanapun, sistem ini juga tidak terlepas dari memiliki kekurangan yang berpunca daripada sikap tamak haloba dan mementingkan diri sesetengah pihak yang berkecimpung dalam arena ini.

### **Masyarakat Yang Merdeka**

Dalam konteks kehidupan bermasyarakat yang merdeka pula, sesebuah kumpulan masyarakat itu akan berupaya membentuk satu jaringan persefahaman di antara satu komuniti dengan komuniti yang lain. Masyarakat berbilang kaum yang merdeka juga mampu hidup bersama-sama tanpa adanya perasaan prejudis, sombong, iri hati dan dengki.

Hidup di kawasan kejiranan juga akan menjadi lebih selamat dan tenteram sekiranya setiap penduduk

memainkan peranan masing-masing dan bekerjasama dalam mempertingkatkan kawalan keselamatan dan melaksanakan aktiviti secara bergotong-royong

misalnya. Apabila hubungan antara masyarakat menjadi erat, mereka akan sentiasa berganding bahu untuk menyelesaikan masalah yang sukar diselesaikan. Kemerdekaan juga dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum.

Umum mengetahui bahawa Melayu, Cina dan India merupakan kaum majoriti di negara kita selain kaum Kadazan, Bidayuh, Iban, Melanau dan lain-lain yang menjadi kaum minoriti. Negara yang harmoni dan sejahtera hanya akan dapat dibentuk jika semua kaum ini bersatu padu, bekerjasama dan bertoleransi.

Dewasa ini, kebanyakan generasi muda terutamanya remaja terlalu mengagung-agungkan budaya Barat. Lebih menyedihkan, ada segelintir yang sanggup memburukkan nama Malaysia di mata dunia dengan melamparkan pelbagai tohmahan dan fitnah yang tidak berasas.

Hal demikian boleh dikaitkan

dengan faktor modenisasi yang memudahkan capaian mereka kepada budaya Barat yang bebas melakukan apa sahaja menerusi media sosial. Budaya Barat yang semakin menjadi ikutan generasi kini dilihat mengancam jati diri mereka yang jauh sekali tersasar dengan sifat dan budaya Timur yang terkenal dengan kesopanan dan keperibadian mulia.

Sangat berbeza dengan tindakan generasi terdahulu yang sanggup berjuang bermati-matian menentang penjajah Barat, keganasan Komunis dan Konfrontasi Indonesia demi mencapai keamanan dan ada yang sanggup mengerah keringat dalam mengharumkan nama negara di persada antarabangsa dalam bidang sukan.

### **Sambutan Hari Kebangsaan 2019**

Pemilihan tema Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih adalah bertepatan dengan semangat cintakan Negara dan usaha kerajaan Pakatan Harapan (PH) untuk membudayakan tadbir urus negara yang baik, berintegriti tinggi serta menolak secara total amalan jenayah rasuah.

Kemuncak sambutan adalah Acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2019 yang memperlihatkan ribuan rakyat dari pelbagai

kaum dan bangsa tanpa mengira usia membanjiri Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2019. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj berkenan mencemar duli untuk bersama-sama rakyat meraikan sambutan Hari Kebangsaan 2019.

Sejurus keberangkatan tiba, Seri Paduka Baginda menerima tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan sementara di ruang udara pula lintas hormat dari lima buah helikopter milik Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

Turut menarik perhatian buat pertama kalinya di Putrajaya telah diadakan persembahan Grafik Manusia



Lain-Lain Pangkat (LLP) disokong dengan 115 aset utama Darat, Laut dan Udara serta 68 pesawat udara memeriahkan lagi kemuncak acara perbarisan pada kali ini.

Turut hadir, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin dan Panglima-panglima Perkhidmatan.

melepaskan diri dari belengu penjajahan negara luar.

Melalui penghayatan dan penyertaan di dalam apa sahaja aktiviti yang dianjurkan, ia setidak-tidaknya dapat menerbitkan setinggi-tinggi rasa syukur kerana lahir di dalam sebuah negara yang aman dan harmoni. Kemerdekaan pada hakikatnya, tidak boleh berdiri sendiri. Ia harus dikaitkan dengan kemerdekaan diri hakiki manusia. Kemerdekaan hakiki pada diri manusia ialah apabila manusia dipandu oleh akalunya yang sihat dan jiwanya yang bersih. Kemerdekaan diri sebenar juga merujuk kepada diri yang bebas dari pengaruh-pengaruh dalam bentuk dorongan hawa nafsu dan sifat-sifat buruk yang sentiasa menarik manusia ke jurang kemusnahan.

Walaupun kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu tidak dicapai menerusi pertumpahan darah sebagaimana negara-negara Asean lainnya, namun jerit-perih dan pengorbanan yang diberikan oleh rakyat pada masa itu dan sebelumnya amatlah besar. Nama-nama seperti Mat Kilau, Datuk Bahaman, Dol Said, Tok Janggut, Datuk Maharajalela, Rosli Dhobi, Mat Salleh, Panglima Hitam dan ramai lagi telah menjadi sebutan di bibir orang Melayu khususnya dari generasi ke generasi.

Begitu juga semangat yang ditunjukkan oleh pasukan keselamatan yang turut berjuang menentang penduduk Jepun dan komunis. Pengorbanan mereka bukanlah kecil tetapi demi negara, nyawa mereka dipertaruhkan seperti Lt Adnan Saidi, Peristiwa Bukit Kepong dan banyak lagi. Semuanya kerana negara tercinta.

Penjajahan selama 219 tahun dan setelah mengaut kekayaan khazanah negara pastinya tidak lagi dikehendaki oleh rakyat negara ini. Pengorbanan pejuang-pejuang kebebasan dan mempertahankan kedaulatan negara haruslah kita pertahankan kerana tiada kemerdekaan tanpa pengorbanan.

**Kesimpulan**

Seperti umum mengetahui, penghayatan terhadap sambutan kemerdekaan boleh memberikan makna dan nilai yang sangat besar terhadap diri seorang individu. Impak ini merupakan batu loncatan ke arah impak lain yang lebih besar.

R a k y a t Malaysia yang sayangkan negaranya pasti akan berasa megah dengan Hari Kemerdekaan



yang mempersembahkan pelbagai jenis grafik yang menarik dengan mesej-mesej selari mengikut tema dan acara yang berlangsung. Persembahan ini melibatkan seramai 2250 pelajar dari 53 buah sekolah daripada negeri Selangor.

Secara keseluruhannya, 34 kontinjen ini dibahagikan kepada enam kontinjen utama terdiri daripada Kenegaraan, Sayangi Malaysiaku:Malaysia Bersih, Perkhidmatan Awam, Kontinjen Ketenteraman Awam dan Keselamatan Negara. Salah satu Kontinjen Keselamatan Negara adalah Kontinjen Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang disertai 151 pegawai dan 3620 anggota



kerana ia menandakan kemenangan bagi sesebuah negara yang berjaya



# Tugu Peringatan Negara Lambang Kemegahan Perwira

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

**P**erdana Menteri Malaysia Pertama, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Hari Pahlawan pada 31 Jul 1961 sebagai tarikh keramat memperingati dan menghargai jasa-jasa pahlawan yang terdiri daripada anggota tentera, polis dan mereka yang terkorban dalam memelihara kedaulatan, agama, bangsa dan tanah air sempena tamatnya tempoh darurat di negara ini.

Kekentalan jiwa, semangat juang dan sumbangan tenaga yang mereka curahkan bagi memerangi anasir-anasir subversif dan petualang negara memanglah tiada bandingannya. Menyentuh mengenai semangat patriotisme, rakyat yang setia perlu mempunyai perasaan cintakan tanah air serta semangat sanggup berkorban demi negara yang perlu dipupuk dan disemarakkan sepanjang masa.

Sebelum ini sebuah tugu telah didirikan berhampiran dengan stesen kereta api, selepas Perang Dunia Pertama berakhir bagi tujuan memperingati para pejuang yang gugur semasa peperangan tersebut.

Perbarisan ringkas diadakan di sisi Tugu Peringatan ini pada setiap 1 Nov setiap tahun.

Setelah tamat Perang Dunia Kedua, nama-nama pejuang yang terkorban telah di tambah pada tugu bagi memperingati pengorbanan mereka sehingga digantikan dengan Tugu Peringatan Negara yang ada sekarang. Tugu Peringatan Negara terletak di Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur dengan keluasan 12 ekar yang mempunyai satu kumpulan tujuh lembaga gangsa, tiap-tiap satunya empat kali ganda saiznya dengan orang biasa yang terletak di atas satu asas yang bujur di tengah-tengah pulau dalam sebuah kolam.

Tugu ini dibina dengan tujuh patung gangsa melambangkan kemenangan pasukan keselamatan menghadapi musuh. Reka bentuk tugu ini diilhamkan oleh seorang pengukir berbangsa Amerika, Felix de Weldon dan siap dibina pada awal tahun 1966. Asas Tugu Peringatan yang disalut dengan batu pejal berkilau berwarna zamrud daripada Sweden sebagai Lambang Persekutuan Tanah Melayu. Manakala tulisan jawi disebelah kanan dan tulisan berbahasa





Inggeris disebelah kiri berbunyi 'Memperingati perwira-perwira yang berjuang untuk menegakkan keamanan dan kebebasan.

Moga-moga Allah cururkan rahmat ke atas mereka'. Lima lembaga menggambarkan Pasukan Keselamatan Tanah Melayu yang beroleh kemenangan manakala dua lembaga terbaring adalah mayat penganas komunis. Lembaga yang teratas sedang memegang bendera Malaysia tanpa senjata, manakala dua lembaga yang rendah sedikit itu berada dalam aksi menyerang dan dua lembaga lagi menunjukkan seorang perajurit yang sedang membantu perajurit lain yang tercedera.

Pembinaan Tugu Peringatan Negara telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj ketika lawatan rasminya ke Amerika Syarikat pada Okt 1960. Tunku menjadi tetamu Presiden Eisenhower yang pada itu hendak meletakkan kalungan bunga pada kubur askar di Perkuburan Negara Arlington.

Setelah selesai Tunku berangkat ke Mount Vernon hendak meletakkan

kalungan bunga pada Kubur George Washington. Dalam perjalanan beliau ternampak Tugu Peringatan Iwo Jima yang masyur pada ketika itu yang mana Tugu Peringatan ini mempunyai patung gangsa sekumpulan enam orang menunjukkan bagaimana bendera Amerika Syarikat dinaikkan oleh Angkatan Laut Amerika Syarikat di Gunung Surabaya.

Tunku mengambil kesempatan berjumpa dengan tukang arca iaitu Felix de Weldon dan bercita-cita hendak mendirikan sebuah tugu peringatan yang memberi perangsang di Kuala Lumpur untuk menjadi ingatan kepada mereka yang gugur atau menderita dalam masa dua belas tahun Tanah Melayu berjuang melawan penganas-penganas komunis.

Pada 10 Dis 1960, Tunku menerima sepucuk surat daripada Felix de Weldon dan mengiriskan lukisan rekabentuk bagi tugu yang difikirkannya menunjukkan rupa tujuh patung. Tunku telah meminta supaya 24 orang askar dan polis daripada pelbagai keturunan memakai pakaian uniform meronda hutan untuk memilih antara mereka untuk menyediakan satu set gambar berwajah sebuah tugu.

Jemaah Menteri bersetuju iaitu perbelanjaan bagi patung-patung dibayar dengan derma orang ramai ditambah dengan wang kerajaan dan disyorkan dibina dikemuncak sebuah bukit kebun bunga iaitu tapak Istana Hinggap Negeri Sembilan. Pada 31 Jan 1961, Duta Besar Tanah Melayu dan Felix de Weldon telah menandatangani satu perjanjian di Washington bagi membentuk sebuah tugu peringatan di Tanah Melayu.

Tunku telah menulis surat kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri menyatakan hasratnya hendak mendirikan sebuah tugu peringatan untuk memperingati kemenangan kuasa-kuasa demokrasi dan menaikkan semangat yang bukan sahaja menjadi kemenangan orang-orang kita bahkan juga akan menjadi galakan bagi keturunan-keturunan masa hadapan.

Pada tanggal 31 Jul 1961 adalah Hari Ulang Tahun yang pertama bagi pengisytiharan rasmi menamatkan darurat di Persekutuan Tanah Melayu dan dalam ucapan pengisytiharan itu, Tunku menyatakan peristiwa ulang tahun yang pertama ini nampaknya menarik perhatian khas



menyeliakan sendiri kerja memasang patung-patung di tapak yang disediakan. Pelbagai cadangan dibuat bagi mengelokkan lagi seluruh kawasan tugu iaitu kolam, balai ketibaan, batu ingatan dan taman bunga.

Tanggal 8 Feb 1966, pembinaan Tugu Peringatan dapat disiapkan dengan jayanya dan upacara perasmian-nya disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong ketika itu, Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin. Dengan siapnya Tugu Peringatan yang dicita-citakan oleh Tunku, maka tercapailah hasrat Tunku untuk melaksanakan pembinaan Tugu Peringatan supaya menjadi sanjungan generasi hari ini bagi menghargai semangat-semangat perjuangan anggota keselamatan yang terdahulu dan sesungguhnya perjuangan perwira kita mempertahankan agama, bangsa dan negara adalah satu jihad menurut pandangan Islam.

Semoga Allah swt mencucuri rahmat ke atas pahlawan-pahlawan kita yang telah gugur. Al-Fatihah.



kepada satu projek yang sangat dicintai iaitu membina sebuah Tugu Peringatan Negara untuk memuliakan semua orang yang gugur atau menderita dalam masa darurat.

Beliau menyifatkan kerja yang menaikkan semangat ini sebagai satu tugu kebangsaan orang ramai yang didirikan dan belanjanya dibayar oleh mereka bersama-sama dengan kerajaan. Pada awal tahun 1966, Bank Negara menerima kutipan derma daripada orang ramai berjumlah RM 1,254,004.22.

Pada waktu itu juga diputuskan Batu Ingatan yang dibina bagi penghargaan jasa orang-orang yang terkorban dalam Perang Dunia Pertama dan Kedua yang berada dekat stesen kereta api diubah dan didirikan semula pada tapak yang sedia ada sekarang. Dalam masa yang sama, kerja-kerja menempa tujuh buah patung gangsa itu telah disiapkan di Rome dan proses penghantarannya ke Tanah Melayu sedang giat dilaksanakan.

Tujuh buah patung gangsa ini tiba di Port Swettenham dengan kapal M.V. Express pada Jun 1965. Felix de Weldon telah datang ke Kuala Lumpur dalam bulan Jul dan Ogos 1965 untuk





## Sambutan Hari Kebangsaan Ke-62, Apa Kata Mereka

Setiap tahun pada 31 Ogos negara akan menyambut Hari Kebangsaan bagi meraikan kemerdekaan negara sejak dari tahun 1957. Suatu ketika dahulu Bapa Kemerdekaan negara iaitu Perdana Menteri Malaysia pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah menuntut kemerdekaan dari pihak British.

Ramai rakyat bersatu padu ketika itu bagi membolehkan Tanah Melayu bebas merdeka. Hingga ke hari ini kita dapat menghirup udara kemerdekaan hasil dari jerit perih perwira terdahulu. Setiap tahun negara akan menyambut Hari Kebangsaan dan kali ni setelah 62 tahun merdeka sekali lagi sambutan Hari Kebangsaan diadakan di Putrajaya di bawah pemerintahan Pakatan Harapan

(PH). Ribuan pengunjung membanjiri Dataran Putrajaya sejak jam lima pagi bagi memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2019. Pelbagai lapisan masyarakat membawa sepanduk dan Jalur Gemilang bagi merayakan kemerdekaan negara ke-62 dengan ada antara mereka mengenakan pakaian melambangkan Malaysia dan bertemakan patriotik.

Sambutan kali ini bertemakan Sayangi Malaysiaku:Malaysia Bersih dan ianya begitu istimewa apabila Putrajaya menerima keberangkatan Yang di-Pertuan Agong baharu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ke acara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan. Sultan

Abdullah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 30 Jul 2019. Berseduaian tema sambutan tahun ini seramai 1,000 pelajar sekolah bergabung membuat persembahan khas menampilkan analogi sifat anai-anai sebagai simbolik kejelikan jenayah rasuah serta rakyat Malaysia yang tidak rela membiarkan negara hancur akibat jenayah itu.

Selain itu seramai 15,000 peserta dan 300 aset terbabit dalam acara perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan 2019. Bagi mengetahui kemeriahan sambutan pada kali ini, ikutilah Tinjauan Pendapat **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), Kpl Ainur Aisyah Yahaya dan Jurugambar BTDM, SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan** dengan pengunjung yang hadir di Dataran Putrajaya.



**SSjn Othman Ismail PGB (B)**

“Saya berasa amat teruja dengan persembahan perbarisan ketenteraan kali ini yang mempamerkan segala aset dan peralatan persenjataan yang sangat lengkap dan canggih demi menjaga kedaulatan serta mengekalkan keamanan negara, tidak seperti zaman saya dahulu yang hanya mampu pameran kemampuan tenaga, semangat dan disiplin yang tinggi.”





Mohd Adi, 43

“Bagi saya semangat patriotisme perlu disemai dalam golongan remaja masa kini sejak dibangku sekolah lagi agar kita dapat menjiwai dan diamalkan dengan sebaik mungkin dimana sedikit sebanyak dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi serta berakhlak mulia. Selain itu sikap kenegaraan perlu ada dalam diri kita dimana Malaysia amat terkenal dengan adanya masyarakat majmuk yang berbilang kaum.”



Alka Aiswarya Vandana, 36

“Zaman sekarang, terutamanya golongan remaja memandang enteng nikmat keamanan kerana mereka lebih gemar mengagungkan budaya barat yang amat bertentangan sekali dengan norma masyarakat timur. Lantaran itu, merdeka pada hari ini hanyalah sebuah cerita lampau yang seakan tidak bermakna kepada masyarakat era baharu.”



Hanifah Mokhtar, 53

“Sambutan Hari Kemerdekaan perlu teruskan bagi mengingati tarikh keramat yang sentiasa diraikan saban tahun kerana tanpa mereka, tiada kita yang sekarang dalam keadaan negara yang aman dan harmoni. Selain itu bagi menzahirkan rasa syukur, bahagia dan gembira dengan kemerdekaan yang telah dikecapi oleh perajurit dan wira tanah air Negara terdahulu sejak 1957.”



Osman Jaafar, 74

“Saya rasa negara kita telah pun mengecapi kemerdekaan, namun mentaliti anak muda sekarang masih dijajah dengan aktiviti yang tidak sihat dan tidak bermoral seperti dadah, pesta minuman keras serta ditangkap basah di hotel bajet menjelang malam ambang merdeka. Walaupun pihak berkuasa sudah mengambil tindakan, tetapi perbuatan tersebut masih berulang kerana mereka hanya memikirkan keseronokkan bersama teman masing-masing dek kerana terhakisnya perasaan cinta terhadap keamanan Negara.”



Rosman Al-Syakim, 26

“Pandangan saya, kemeriahan sambutan sedikit tercemar dengan sikap orang ramai yang tidak mempedulikan soal kebersihan sejurus selepas acara kemuncak hari merdeka. Malah keadaan sedemikian tidak akan berlaku sekiranya setiap pengunjung dan peserta ada kesedaran sivik untuk menjaga kebersihan kawasan sekeliling. Sikap sebegini sedikit sebanyak bertentangan dengan semangat dan keindahan kemerdekaan itu sendiri.”





# ATM

**KEDAULATAN NEGARA  
TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**A**ngkatan Tentera Malaysia (ATM) mengalami evolusi yang berterusan daripada sekadar pasukan tambahan dalam Tentera British kepada pasukan menentang insurgency hingga terbentuk menjadi sebuah angkatan konvensional yang digeruni dan dihormati. Selama 86 tahun pelbagai dugaan dan cabaran dihadapi ATM. Sebagai tiang seri kedaulatan dan pertahanan negara, ATM mesti berada pada tahap kesiagaan yang tinggi pada sebarang masa bagi menghadapi perkembangan Geo-Strategik semasa dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Berkat dengan pegangan prinsip “Profesionalisme Angkatan” yang didukung selama ini serta sokongan padu rakyat, memberi suatu legitimasi dan pengiktirafan kepada ATM untuk terus melangsungkan peranannya sebagai Perisai Negara.



# 86 Tahun ATM Gah Menjaga Kedaulatan Negara

Dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar-bagai ancaman dari dalam mahupun luar. Pengurusan pertahanan dan keselamatan nasional perlu mengorak langkah seiring dengan perkembangan semasa. Cabaran ini menuntut satu Transformasi Angkatan dibuat agar segala tindakan angkatan tentera adalah sejajar dengan tuntutan semasa. Satu angkatan berspektrum penuh memerlukan perancangan yang jitu dan komitmen yang kental. Secara tidak langsung ianya juga akan memperkembangkan peranan dan tugas setiap warga ATM.

## Sejarah

Secara umumnya, sejarah Penubuhan Angkatan Tentera Malaysia dan sejarah Penubuhan Tentera Darat Malaysia bermula dengan usaha untuk menubuhkan satu pasukan pertahanan yang dianggotai oleh anak-anak Melayu. Usaha ini bermula semenjak tahun 1902 lagi.

Banyak perbincangan oleh Raja-Raja Melayu dan Penasihat-Penasihat British telah dijalankan bagi mewujudkan pasukan ini. Dalam tahun 1913 Almarhum DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Muhamad Ibni Yam Tunku Antah, Almarhum DYMM Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah, Almarhum Raja Di Hilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah Haji Damad telah menyuarakan hasrat menubuhkan pasukan Askar Melayu.

## Penubuhan Tentera Darat Malaysia

Hasrat Raja-Raja ini telah menjadi kenyataan apabila di dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Jan 1933, Rang Undang-Undang Askar Melayu telah diluluskan dan dikenali sebagai Undang-Undang No. 11. Bagi menyahut seruan untuk mempertahankan ibu

pertiwi, lebih dari seribu pemuda-pemuda Melayu tampil dari pelusuk tanahair telah tampil menawarkan khidmat mereka, tetapi hanya 25 orang sahaja yang berjaya dipilih sebagai pengasas Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu.

Mereka telah diarahkan untuk melapor diri ke Haig Lines (sekarang IPDA), Port Dickson untuk memulakan latihan pada 1 Mac 1933. Seramai 25 orang pemuda Melayu sebagai skuad percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Skwad Pertama ini telah menjalankan latihan dengan gigih dan penuh tabah dan pihak pegawai-pegawai British, selaku jurulatih sangat berpuas hati dengan kebolehan, kecekapan serta semangat keperwiraan yang ditunjukkan.

Pada pertengahan tahun 1934, Kompeni Percubaan telah diisytiharkan sebagai berjaya dengan cemerlangnya dan layak diperbesarkan ke satu batalion yang lengkap. Seterusnya buat julung kali, pada 4 Nov 1936, seramai empat pemuda anggota Skwad Pertama telah ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda. Mereka adalah No. 8, Ariffin Hj Sulaiman, No. 12 Ibrahim bin Sidek, No. 13, Ismail Tahar dan No.25 Raja Lope Nor Rashid Raja Abdul Rahman.

Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Jan 1938. Dengan tercetusnya peperangan di Eropah pada 3 Sep 1939, latihan anggota Askar Melayu telah dipertingkatkan dan kekuatannya diperbesarkan.

## Pembesaran Tentera Darat Malaysia

Pada 1 Dis 1941, Batalion Kedua Askar Melayu telah ditubuhkan iaitu enam hari sebelum Perang Dunia Kedua bermula di Malaya, bagi menghadapi serangan Tentera



Jepun yang sedang mara.

Kompeni A, Batalion Kedua adalah unit Askar Melayu pertama menentang Tentera Jepun yang mendarat di Pantai Cinta Berahi (sekarang Pantai Cahaya Bulan), Kelantan pada 8 Dis 1941. Kedua-dua batalion ini telah menunjukkan kebolehan mereka dalam peperangan menentang tentera Jepun. Kekuatan Tentera Jepun yang berlipat ganda telah memaksa kompeni tersebut berundur ke Kuala Krai dan seterusnya Singapura. Di Singapura, Batalion Pertama dan Kedua Askar Melayu telah berjuang bersama Tentera British menentang kemaraan musuh. Askar Melayu telah berjuang dengan penuh semangat di sekitar kawasan Pasir Panjang, Buona Vista Labrado dan Alexander.

Selepas perang, negara dilanda pula ancaman Komunis dan keadaan Darurat telah diisytiharkan pada tahun 1948. Keadaan ini memerlukan pembesaran angkatan tentera. Menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu telah ditambah menjadi tujuh batalion. Pada zaman darurat juga, angkatan tentera telah melihat penubuhan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada tahun 1952.

Salah satu peristiwa yang sukar dilupai dalam sejarah Tentera Darat ialah peristiwa tindakan Tentera Jepun manawan Bukit Chandu yang dipertahankan oleh Platoon No. 7, Kompeni C, Batalion Pertama Askar Melayu yang diketuai oleh Lt Adnan Saidi. Tentera musuh, setelah gagal dalam percubaan yang pertama, mengulangi serangan dengan kekuatan yang berlipat ganda. Di dalam pertempuran yang sengit ini, anggota Platoon No. 7 telah berjuang

dengan semangat yang gigih tanpa mengaku kalah. Lt Adnan sendiri mengendalikan senjata *Lewis Machinegun* dan mara untuk memberi semangat dan perangsang.

Walaupun mengalami kecederaan, namun beliau telah menunjukkan semangat untuk terus berjuang hingga ke titisan darah terakhir. Akhirnya tentera musuh telah berjaya menawan Bukit Chandu dan Lt Adnan telah ditikam dengan benet dan mayat beliau digantung kepala ke bawah di sebatang pokok.

Satu lagi peristiwa yang menyayat hati berlaku pada 28 Feb 1942, apabila seramai lapan pegawai Askar Melayu, setelah menjadi tawanan perang dibunuh di Pasir Panjang disebabkan keengganan mereka menanggalkan pakaian seragam tentera mereka. Selain dari anggota-anggota Askar Melayu, ramai lagi anak-anak Melayu menceburi diri sebagai anggota dalam *Federation Volunteer Forces* menentang tentera musuh dan ramai yang turut terkorban. Apabila Singapura jatuh ke tangan Jepun pada 15 Feb 1942 dan anggota Askar Melayu yang masih hidup telah menjadi tawanan perang. Mereka yang terselamat diperintah pulang ke kampung masing-masing tetapi ramai dari mereka meneruskan perjuangan menentang pemerintahan Jepun melalui pergerakan bawah tanah.

Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tentera Darat Malaysia telah berkembang maju dan lengkap untuk menjalankan operasi melawan insurgensi. Pada masa ini pasukan TD sedang pesat dipermodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu untuk menghadapi cabaran masa depan.





## Penubuhan Tentera Laut Diraja Malaysia

Sejarah Tentera Laut Diraja Malaysia pula bermula dari Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Negeri-negeri Selat pada 27 Apr 1934 di Singapura. Pasukan ini diperbesarkan pada tahun 1938 dengan penubuhan cawangan Pulau Pinang dan ditukarkan nama kepada Pasukan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaya.

Menjelang Perang Dunia Kedua, seksyen Melayu dalam *Royal Navy* telah ditubuhkan dan kekuatan pasukan ini mencapai jumlah 1430 anggota pada tahun 1941. Selepas kejatuhan Singapura pada tahun 1942, seramai 150 orang anggota Tentera Laut Malaya telah berundur ke Ceylon, India dan Afrika Timur.

Anggota-anggota ini kembali ke Malaya apabila perang tamat. Malangnya disebabkan kekurangan kewangan selepas perang, Tentera Laut Malaya telah dibubarkan pada bulan Apr 1947. Apabila darurat tercetus pada tahun 1948, Tentera Laut Malaya telah dihidupkan semula dan diwartakan pada 4 Mac 1949.

Tentera Laut Malaya dianugerahkan gelaran Diraja oleh baginda Queen Elizabeth II pada tahun 1952 dan setelah menjadi sebahagian daripada *Royal Navy* ianya telah dipindahkan dari Singapura ke Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Jul 1958. Serentak dengan itu, Panji-panji *Royal Navy* telah ditukarkan dengan Panji-panji Persekutuan Tentera Laut Diraja Malaya. Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963 ia dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia.

Kemudiannya TLDM menggunakan kapal-kapal berenjin turbin gas yang laju, bersenjatakan peluru-peluru berpandu untuk peperangan dari permukaan ke permukaan, dari permukaan ke udara dan meriam-meriam jarak jauh. Kemasukan TLDM ke zaman peluru berpandu adalah satu langkah yang bersejarah dalam kemajuan TLDM di mana telah menjadi tradisi mempergunakan kemajuan perkembangan sains dan teknologi.

## Penubuhan Tentera Udara Diraja Malaysia

Titik mula Tentera Udara Diraja Malaysia ialah dengan penubuhan Pasukan Sukarela Tentera Udara Negeri-negeri Selat (SSVAF) oleh British pada tahun 1936. Pasukan ini ditukar nama kepada Pasukan Simpanan Tentera Udara Malaya pada tahun 1940 tetapi telah dibubarkan selepas Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950 pasukan ini telah dihidupkan semula sebagai *Royal Air Force Malaya* (RAF Malaya).

Tentera Udara Malaya menjadi kenyataan pada tahun 1958 apabila pesawat *Twin Pioneer* pertama mendarat di pangkalan RAF Kuala Lumpur. Tentera Udara Diraja Malaya ditubuhkan dengan rasminya pada 2 Jun 1958 apabila sebuah pasukan yang dikenali sebagai Tentera Udara Diraja Persekutuan Tanah Melayu (*Royal Federation of Malaya Air Force*) ditubuhkan dengan rasminya.

Bagaimanapun, sejarah awal pasukan udara di Tanah Melayu dikesan sejak tahun 1936 selaras dengan penubuhan *Straits Settlement Volunteer Air Force* (SSVAF) oleh pentadbiran British bagi membantu pertahanan Negeri-negeri Selat.

Sekumpulan pegawai dan anggota yang menjadi perintis



Tentera Udara Diraja Persekutuan telah dilengkapi dengan pesawat *Hawker Audax*. Pada tahun 1940 SSVAF diperbesarkan sebagai persediaan menghadapi ancaman perang dari Empayar Jepun yang telah mula memperluaskan pengaruhnya ke Tanah Besar China.

Sebuah pasukan yang dinamakan *Malayan Volunteer Air Force* (MVAF) yang dilengkapi dengan pesawat *Tiger Mooth*, *Leopard Moth* dan *Dragon Rapide* ditubuhkan. Bagaimanapun pasukan udara ini dimusnahkan oleh Jepun di Sumatera pada tahun 1942. Kemudian, dalam tahun 1950, *Malayan Auxillary Air Force* (MAAF) ditubuhkan di Singapura pada tahun 1950.

Unit ini turut membantu operasi ketenteraan semasa darurat yang telah diisytiharkan pada tahun 1948. MAAF inilah yang menjadi tunggak penubuhan TUDM pada tahun 1958.



## Perkembangan dan Kesiapsiagaan ATM

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan tunggak utama kepada kerajaan Malaysia dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan negara dapat terus dilindungi dan dipelihara pada sebilang masa. Ini adalah sejajar dengan wawasan ATM untuk menjadikan ATM sebagai sebuah angkatan tentera yang versatil di abad ke-21.

Versatil bermaksud satu ketumbukan bersenjata yang fleksibel, tangkas, responsif dan dapat disesuaikan kepada peperangan yang sentiasa berubah-ubah. Keadaan keselamatan dunia masa kini adalah tidak menentu. Senario ini menyebabkan ATM perlu sentiasa siapsiaga pada sebilang masa untuk menghadapi sebarang ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan, kedaulatan, keutuhan dan kepentingan negara.

Sehubungan itu, ATM perlu memberi keutamaan terhadap usaha-usaha untuk mempertingkatkan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan, seiring dengan perubahan semasa landskap geo-politik dan strategik antarabangsa. Sebagai perisai pertahanan negara, pengukuhan pertahanan ATM mesti dilakukan secara spektrum penuh atau *full spectrum* bagi mendapatkan impak perlindungan yang berkesan dalam menghadapi kesan dari kemunculan ancaman-ancaman bentuk baharu yang bakal mendatang dalam pelbagai bentuk dimensi, masa kini dan masa hadapan.

Masa kini, walaupun rantau Asia Tenggara khususnya Malaysia kelihatan aman dan bebas dari sebarang bentuk ancaman tradisional, namun beberapa isu dalaman serta luaran dilihat mampu mencetuskan konflik baharu pada bila-bila masa. Dalam masa yang sama, peningkatan aktiviti-aktiviti ancaman bukan tradisional yang berbentuk militan di sekitar Perairan Malaysia-Filipina dan Indonesia juga perlu diberi perhatian khusus oleh ATM.

Ini kerana, pihak tersebut kerap melakukan tindakan-tindakan yang jelas melanggar undang-undang antarabangsa dan negara Malaysia seperti melakukan aktiviti-aktiviti keganasan, lintas sempadan, penyeludupan, pemerdagangan manusia, aktiviti sosial yang boleh menggugat ketenteraman awam termasuk kesan yang

wujud semasa pasca bencana alam. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan baik, ancaman-ancaman sebegini boleh menggugat kestabilan keselamatan negara dan mendedahkan negara kepada campur tangan pihak luar untuk jangka panjang.

Perkembangan semasa landskap geo-politik dan strategik antarabangsa masa kini yang tidak menentu serta sentiasa berubah-ubah, ada kalanya telah mewujudkan fenomena peningkatan ketegangan atau *escalation of tension* khususnya di rantau sebelah Timur dan Timur Tengah. Keadaan lanskap yang kompleks di mana kebanyakannya tidak menyebelahi Malaysia telah memberi justifikasi yang kukuh kepada ATM untuk meningkatkan lagi tahap kesiapsiagaan serta keupayaan bagi menangani sebarang kemungkinan agar berupaya memberikan tindakbalas yang pantas, tepat dan efektif setelah pilihan diplomasi pertahanan yang proaktif menemui kegagalan. Dalam mencapai hasrat ATM untuk menjadi sebuah angkatan tentera yang kredibel, responsif, dinamik dan mampu mengeksploitasi teknologi, ATM juga perlu siapsiaga untuk membantu agensi-agensi keselamatan lain dan Pihak Berkuasa Awam dalam memelihara ketenteraman awam serta memberi bantuan semasa berlakunya bencana alam di seluruh negara.

Oleh yang demikian, ATM perlu menentukan keseimbangan gabungan keupayaan antara elemen manusia, mesin dan kaedah atau *man, machine and method* dapat dicapai dengan maksima bagi mendapatkan tindak balas positif yang *holistik*, bersepadu, berkesan dan menyeluruh.

## Sambutan Hari ATM Ke-86

Bersempena Hari ATM Ke-86 seramai 54 pegawai dan 868 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) melibatkan 12 kontinjen dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan Darat, Laut dan Udara termasuk tiga kontinjen wanita diketuai oleh Komander Yusman Darmawan terlibat dalam Perbarisan Hari ATM Ke-86 yang disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj. Zulkifli Hj. Zainal Abidin. Buat julung kalinya sambutan kali ini diadakan di Pangkalan TLDM, Lumut berkonsepkan Perbarisan Tempur dan bertemakan Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama.

Perbarisan yang gilang-gemilang ini menggambarkan



testimoni pengorbanan tidak ternilai yang telah dicurahkan oleh ATM. Ia mencerminkan manifestasi kesedaran dan kesediaan ATM untuk terus berikrar serta berkorban jiwa dan raga mempertahankan bumi pertiwi. Acara perbarisan turut diisi dengan Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara, penyampaian Sijil Kejujangan PAT, Anugerah Kesiagaan PAT Tahun 2019, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu Tahun 2018 dan Piala Pusingan kepada Johan Pertandingan *Special Forces Ultimate Challenge* (SFUC) 2019. Pada masa sama, perbarisan kali ini mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila Sarjan Mejar Rejimen Tentera Darat (SMR TD), PW I Hayazi Abdul Aziz di lantik menjadi SMR ATM yang pertama.

Dalam ucapan PAT, beliau menzahirkan rasa bangga kerana setelah lapan dekat usia ATM, pelbagai kejayaan diraih dimana warganya terus gemilang dan setia menggalas tanggungjawab kepada negara dan rakyat. Ianya juga lahir serta diperkukuhkan atas keringat, darah dan air mata para pejuang yang terdahulu kerana mereka telah berjuang serta mengabdikan diri demi memastikan generasi pewaris dapat terus hidup dalam suasana aman dan harmoni.

Beliau juga berharap agar masyarakat umum lebih memahami signifikan tugas dan tanggungjawab tentera dan juga masyarakat dalam mempertahankan kedaulatan negara serta mengingatkan semua warganya agar sentiasa menjaga nama baik organisasi sebagai institusi yang terhormat.

“Dengan ledakan teknologi komunikasi tanpa sempadan terutamanya kemunculan media sosial, ATM sentiasa diteliti dari segenap sudut sama ada dari aspek keupayaan angkatan, profesionalisme ketenteraan, keterampilan malahan sikap setiap anggota turut menjadi perhatian dan buaian masyarakat.

“Saya berkehendakkan warga ATM bersikap lebih eksklusif dalam menjaga sebarang maklumat yang melibatkan ATM kerana dikuatiri sekiranya tidak dikawal ia boleh mengakibatkan kritikan, toman dan fitnah yang akan mengugat keyakinan rakyat sehingga akhirnya melemahkan ATM sendiri,” tegasnya.

Jelasnya lagi, anggapan sesetengah pihak bahawa organisasi ATM bercenderung kepada ketirisan atau pembaziran wang rakyat adalah satu pemikiran dangkal yang didasari oleh sikap tidak mengenang budi namun beliau mengatakan keyakinan bahawa rakyat secara majmuknya

lebih arif menilai jasa dan bakti ATM.

Selain itu turut diadakan Karnival Hari Terbuka ATM 2019 yang menyaksikan hampir 70,000 pengunjung hadir ke Carnival tersebut yang julung kali diadakan di Pangkalan TLDM, Lumut. Pelbagai aktiviti dan demonstrasi daripada TD, TLDM dan TUDM diadakan pada karnival dua hari itu. Terdapat 35 khemah pameran aset senjata daripada ketiga-tiga perkhidmatan dan 40 khemah menjual makanan serta cenderahati untuk pengunjung pada karnival tersebut.

Karnival ini yang bertemakan Tentera dan Rakyat Berpisah Tiada memberi peluang orang ramai untuk melihat lebih dekat pelbagai aset-aset tempur milik ATM termasuk kapal-kapal perang untuk dilawati. Selain itu pelbagai aktiviti telah disusun pada hari tersebut dengan objektif agar masyarakat mendapat pendedahan sendiri mengenai bidang tugas dan peranan ATM selain mendekati warga kerjanya.


## Penutup

Sebagai sebuah angkatan yang profesionalisme dan berdisiplin, ATM sentiasa peka dan bersedia menghadapi apa jua bentuk peperangan moden yang lebih mencabar. Usaha untuk memperkasakan ATM bukan sahaja tertumpu kepada kemantapan fizikal sahaja, malah turut diperluaskan kepada aspek kepandaian dan kerohanian individu.

Kekuatan rohani merupakan benteng pertahanan yang paling utuh dan kukuh yang mampu menghadapi sebarang ancaman dan serangan. Sebagai satu angkatan yang kredibel, ATM tidak boleh memisahkan dirinya mengimbau faktor-faktor kekuatan dan kejayaan generasi silam.

Sesungguhnya kesanggupan anggota-anggota tentera memikul amanah sebagai benteng pertahanan negara amatlah berat. Oleh itu, sewajarnya masyarakat perlu bersyukur dan menghargai sumbangan anggota tentera kerana telah memikul tuntutan fardhu kifayah dalam aspek pertahanan dan keselamatan negara.

Bagi menzahirkan penghormatan tersebut marilah kita bangun dan bangkit dengan hati yang ikhlas dan tekad melangkah ke hadapan dengan jiwa yang gagah dan merdeka dalam satu solidariti. Ini membuktikan kesetiaan dan kecintaan untuk mempertahankan kedaulatan serta kepentingan strategik terus utuh dan kukuh dalam menjaga keselamatan negara disamping memelihara kesucian agama.



## PW II Hamdan Pengedar Tunggal Jenama 5:11 Malaysia



U mum mengetahui *trend* penggunaan dan pemakaian barangan taktikal menjadi kegilaan dikalangan remaja dan juga dewasa. Barangan taktikal ini boleh diklafikasikan sebagai barang yang lasak bagi kegunaan aktiviti-aktiviti ekstrim seperti mendaki, aktiviti paint ball, menembak dan juga aksesori tertentu yang digunakan oleh pasukan keselamatan.

Pelbagai jenama dipasaran boleh

didapati untuk memiliki barangan taktikal ini dan salah satu jenama yang menjadi kesukaan ramai ialah 5:11 dimana pengedar jenama ini ialah seorang pesara tentera iaitu PW II Hamdan Ahmad (Bersara) yang telah berkhidmat selama 21 tahun dalam perkhidmatan.

Beliau juga merupakan pengedar tunggal di Malaysia bagi jenama ini yang telah mendapat kepercayaan dari pembekal utamanya di Amerika

Syarikat. Bagi mengetahui lebih lanjut tentang perniagaan yang dijalankan olehnya, ikuti **Wawancara Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), Sjn Saiful Fazley Rusli bersama Jurugambar BTDM, Sjn Nurul Haswani Ruzaini** di Pejabat H&N RIKA Sdn Bhd milik beliau.

Mengimbuai detik permulaan PW II Hamdan Ahmad (Bersara) membuka perniagaan, dirinya merasakan kurang keyakinan dan takut kerana tidak ada







latar belakang serta ilmu perniagaan. Menceburi bidang perniagaan berlaku secara spontan kerana selepas bersara beliau bekerja dengan Majlis Sukan Negara (MSN).

Namun atas dorongan isterinya Noor Hashimah Saadudin beliau memberanikan diri nekad membuka perniagaan pada tahun 2001 bermula dengan RM30,000.00 dengan nama syarikatnya HN Nadi Niaga *Enterprise*.

“Modal pertama saya banyak dihabiskan dengan menyiapkan pejabat terlebih dahulu yang mana pejabat operasi pertama saya di Taman Dagang, Ampang dan yang menguruskan perniagaan ketika itu ialah isteri saya kerana saya masih bekerja dengan MSN.

“Kawan-kawan ada menegur mengatakan jika Syarikat *Enterprise* ini, sukar sedikit untuk mendapatkan projek-projek besar dan disebabkan perkara tersebut, pada bulan Jun 2002 kami membuka Syarikat H&N RIKASdn Bhd sehingga kini,” katanya.

Permulaan perniagaan beliau bermula dengan ilmu perniagaan yang hanya kearah membekal peralatan menembak kerana sebelum itu PW II Hamdan Ahmad dan isterinya terlibat mewakili perkhidmatan dalam acara sukan menembak.

Diatas pengalaman dalam bidang tersebut beliau dan isteri memberanikan diri membekal peralatan sukan menembak seperti senjata dan peluru sehinggakan ada pihak yang iri hati dengan cara perniagaan mereka. Ini disebabkan ilmu sukan menembak yang dimilikinya telah memberikan cara dan bagaimana untuk menjalankan perniagaan kerana beliau bukan hanya membekal tetapi turut mengajar kepada pembeli tentang penggunaan barang tersebut.

Pada tahun 2008 beliau mendapati pasaran sudah semakin kecil kerana ramai pihak pembekal yang sudah mengetahui cara menjalankan perniagaan menjual senjata sukan sambil memberi khidmat cara penggunaan peralatan. Disebabkan persaingan yang banyak beliau mengambil keputusan untuk menjadi pengedar dan menjual barangan taktikal 5:11 yang asli diatas nasihat seorang sahabat dari Switzerland bermula pada tahun 2009.

Beliau kemudiannya telah menghantar email kepada pembekal asal jenama 5:11 di Amerika Syarikat dan me-

nyatakan berminat untuk menjadi pengedar barangan tersebut di Malaysia.

Permohonan beliau diterima tetapi syaratnya jika ingin menjadi pengedar di Malaysia beliau mesti membeli dengan minima pembelian pertama sebanyak USD 20,000.00 barangan 5:11.

Beliau kemudiannya bersetuju dengan syarat tersebut malah telah membuat tempahan dan pembelian pertama sebanyak USD 80,000.00 lalu pembekal utama telah memberi keutamaan kepada syarikannya.

“Saya merupakan pembekal tunggal barangan taktikal 5:11 di Malaysia dan telah berjaya membuka empat buah kedai 5:11 apabila mendapati perniagaan ini amat memberangsangkan serta mendapat sambutan yang hangat.

“Kedai kami ketika itu terdapat di Pulau Langkawi, *Komtar Penang*, Kompleks Pertama di Kuala Lumpur dan di Taman Puncak Jalil yang merupakan pejabat dan stor penyimpanan stok barang taktikal 5:11.

“Namun langit tidak selalunya cerah kerana dalam perniagaan pasti ada permasalahannya iaitu saya mengalami sedikit kerugian apabila sikap staf yang menjaga kedai kami tidak jujur.

“Barang habis tetapi keuntungan tidak ada dan saya mengambil keputusan menutup dua kedai iaitu di Langkawi dan Pulau Pinang kerana sukar untuk saya membuat pementauan walaupun ditempat tersebut sebenarnya mendapat banyak permintaan,” jelas beliau.

Tambah beliau lagi pada permulaannya agar sukar untuk menjual jenama 5:11 kerana pada ketika itu barangan taktikal ini tidak dikenali ramai namun setelah dikenali ianya tidak putus-putus mendapat permintaan dan tempahan. Jenama yang



diedar beliau juga mula mendapat tempahan dari agensi-agensi keselamatan terutamanya pihak Polis Diraja Malaysia kerana barang yang dijual begitu berkualiti dan terbaik serta tahan lama penggunaannya. Syarikatnya turut menjelaskan kepada pembeli akan jenis bahan mentah atau *material* sesuatu barang taktikal yang dijual bagi memastikan pelanggan berpuas hati sepenuhnya. Kini syarikatnya telah banyak membuat promosi melibatkan barangan 5:11 serta turut terlibat dalam gerai-gerai jualan membabitkan pameran persenjataan seperti DSA.

Selain itu pelbagai cabaran juga dihadapi beliau dan salah satunya ialah penjualan jenama yang sama tetapi ianya adalah barangan tiruan. Barang taktikal yang dijual beliau amat berkualiti walaupun mahal kerana ianya asli tetapi sesetengah pembeli ada yang tidak memikirkan kualiti sebaliknya inginkan harga murah dan sanggup membeli barangan tiruan dengan jenama yang sama.

Namun ianya tidak mematahkan semangat beliau untuk terus menjadi pengedar tunggal yang asli tetapi menganggapnya sebagai persaingan yang sihat. Pada masa sama pihak Lazada iaitu perniagaan atas talian

turut menjemput syarikatnya menjual barangan 5:11 di dalam Lazada bagi memudahkan orang ramai membeli belah secara dalam talian. Kini sudah empat tahun syarikatnya bekerjasama dengan Lazada.

Menurutnya, beliau juga ada perancangan bagi memperkembangkan perniagaannya iaitu telah membeli sebuah kedai di sebelah Alamanda Putrajaya tetapi dengan keadaan semasa sekarang, beliau menangguk dahulu hajat membuka cawangan tersebut sebaliknya kedai yang dibeli tersebut disewakan dahulu kepada orang lain. Ini berikutan *trend* netizen masa kini yang suka membeli belah di dalam talian.

“Alhamdulillah setelah 17 tahun dalam bidang perniagaan, syarikat saya tidak pernah atau memiliki hutang dengan mana pihak mahupun bank dan ramai orang mengatakan syarikat kami besar tetapi syarikat ini kecil dan hanya keluarga yang bekerja serta mempunyai sedikit staf.

“Syarikat H&N RIKA ini juga tidak



sehingga RM 1 juta tanpa ada penanguhan wang seperti sesetengah syarikat yang memerlukan masa dua minggu untuk penyelesaian bayaran,” tegasnya.

Berikutan cara pembayaran secara tunai dan cepat syarikatnya dikenali oleh pembekal luar negara dan segala urusan dipermudahkan tanpa ada sebarang masalah. Syarikatnya kini semakin mendapat tempat dan menjadi pilihan buat mereka yang gemar akan barangan taktikal.

Disamping itu terdapat 3/4 Lapang Sasar Sukan Menembak seperti *Air Rifle* dan *Air Pistol* yang di buat oleh syarikatnya termasuklah Lapang Sasar 25meter di TUDM dan juga PULAPOT. Selain itu, syarikatnya juga pernah menyumbangkan 1 juta butir peluru sukan menembak dan juga senjata kepada Persatuan Menembak Tentera Darat.

Mengimbas serba sedikit keperibadiannya, beliau dilahirkan pada tanggal 6 Feb 1956 dan berasal dari Selangor. Mula memasuki tentera pada 1 Jun 1976 di Port Dickson dan pasukan pertamanya ialah Batalion Kesembilan Rejimen Askar Melayu Diraja (9 RAMD) berpangkalan di Sungai Besi ketika itu. Pada tahun 1978 beliau telah memohon Kursus Asas Komando dan lulus dengan cemerlang sehingga di nobatkan Penuntut Terbaik serta diserapkan ke pasukan 2 RGKM. Namun pada tahun 1981 beliau telah memohon untuk kembali ke pasukan asal iaitu 9 RAMD yang telah berpindah ke Alor Star, Kedah.

Harapan beliau buat anggota tentera yang akan menamatkan perkhidmatan agar mempergunakan ilmu pengetahuan yang ada serta merancang kewangan mereka agar tidak mudah ditipu dan terleka dengan wang hadiah yang akan diterima kelak. Sebaiknya harus dirancang lebih awal akan apa yang ingin dilakukan setelah bersara nanti.



mahu terlebih menonjol tetapi kami sentiasa menjadi keutaaman syarikat luar kerana setiap barangan yang kami beli dari pembekal, tidak akan berlakunya penanguhan bayaran yang mana kami mengamalkan pembayaran secara tunai.

“Ada satu ketika kami membayar



“Latihan dan budaya senggaraan merupakan tumpuan utama pasukan, bagi menjamin tahap kesiapsagaan yang diperlukan”

- Lt Kol Suresh Subramaniam



## PT-91M PENDEKAR: Aset Kebanggaan TD



Setiap negara akan berasa bangga jika memiliki aset ketenteraan yang canggih bagi meningkatkan lagi keupayaan Tentera Darat negaranya. Masing-masing sentiasa berlumba untuk membeli dan memiliki aset pertahanan darat yang terbaik dan canggih. Begitu juga dengan Tentera Darat Malaysia (TDM) yang tidak terkecuali daripada memiliki aset TD yang boleh dibanggakan.

Salah satu aset yang dimaksudkan ialah Kereta Kebal jenis PT-91M yang diberi nama PENDEKAR. Kereta kebal yang dimiliki oleh TDM ini secara amnya akan mengerunkan pihak musuh dengan keupayaannya serta sistem-sistem yang dilengkapkan padanya. Namun





sejauh manakah hebatnya PT-91M PENDEKAR ini? Bagi mengetahui lebih lanjut berkenaannya ikuti Wawancara **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), SSjn Vijay Gaundar Arikrisnan bersama Jurugambar BTDM, Saifun Hakimi Zainon** bersama Pegawai Memerintah Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja (KAD), Lt Kol Suresh Subramaniam di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan.

Kor Armor Diraja (KAD) adalah salah satu Kor tempur di dalam TDM yang mana KAD mempunyai lima Rejimen yang dilengkapi dengan Kereta Kebal Tempur Utama (MBT), Kenderaan Pengangkut Anggota Perisai (APC), Kenderaan Bantuan Tembakan (FSV), Kenderaan Pemerintah Perisai (ACV) dan juga dengan kereta kebal ringan jenis Alvis Scorpion. Suatu ketika dulu KAD dikenali

sebagai Kor Kavalri dan telah ditukarkan nama sebagai Kor Armor Diraja pada 8 Dis 1986. Salah satu pasukan di dalam KAD ialah Rejimen Ke-11 KAD yang telah ditubuhkan secara rasminya pada 18 Nov 1980 di Kem Imphal, Kuala Lumpur. Pada 18 Ogos 1982, dua Light Tracked Skn dari 1 dan 2 Kavalri ditumpangkan ke 11 Kavalri. Pada 1 Nov 1984, 11 Kavalri berpindah ke Kota Kinabalu dan seterusnya ke Kem Paradise, Kota Belud, Sabah dan dilengkapi dengan kereta kebal jenis Scorpion dan Stormer. Seterusnya satu Skn dari Rejimen ini iaitu Skn B telah dipisahkan sebagai Skn Armor (Para) dan ditempatkan di Sungai Buloh, Selangor dibawah pemerintahan 10 Bgd (Para).

Rejimen ini telah terlibat di dalam konsolidasi TD dan Rancangan Penempatan Semula Rejimen ke Gemas, Negeri Sembilan. Perpindahan dari Kem Paradise, Kota Belud, Sabah ke Kem Sunggala, Port Dickson bermula dari Jan hingga Apr 2003. Upacara menaikkan bendera Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja disempurnakan oleh Brig Jen Dato' Abidin Aluwi, Pengerusi Kor Armor Diraja ketika itu yang telah diadakan di Padang Kawad 2 Armor pada





22 Mei 2003.

Semasa penempatan di Kem Sunggala, Rejimen ini telah diberi status Non Operational. Rejimen kemudian berpindah dari Kem Sunggala ke Kem Syed Sirajuddin, Gemas secara berperingkat mulai 1 hingga akhir bulan Jun 2005. Rejimen ini sekali lagi mencatat sejarah apabila diarahkan berpindah ke penempatan tetap di Kem Syed Sirajuddin, Gemas yang telah bermula pada 1 Jun 2005. Upacara menaikkan bendera Rejimen Ke-11 Kor Armor Diraja di Kem Syed Sirajuddin telah disempurnakan oleh Mej Jen Dato' Mohd Yunus Long, Pengerusi Kor Armor Diraja ketika itu yang telah diadakan di Padang Kawad Rejimen pada 6 Sep 2005. Ianya sebagai simbolik yang menandakan bermulanya penugasan Rejimen ini dengan rasminya di Kem Syed Sirajuddin, Gemas.

Pada 4 Sep 2007, Rejimen telah mula menerima Kereta Kebal PT- 91M buatan Negara Poland dan pada 5 Apr 2008 Panglima Tentera Darat (PTD) telah melancarkan penamaan Kereta Kebal PT-91M kepada nama PENDEKAR yang mana tanggal 8 Sep 2008, upacara serah terima PENDEKAR ke Skn A dan B telah dilaksanakan bagi memikul tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada Rejimen ini. Seterusnya pada 20 Mei 2009, Rejimen ini telah menerima perjawatan baharu melibatkan kekuatan seramai 664 anggota dan 178 buah KJA dan KJB sehinggalah pada 1 Sep 2010, Rejimen ini telah diberi status operasi.

Kini Rejimen Ke-11 KAD dilengkapi dengan 51 kereta kebal PENDEKAR serta varian di mana ia terdiri daripada 44 kereta kebal utama (MBT), tiga kereta kebal pelancar jambatan (AVLB) dan empat kereta kebal kemalik (ARV) yang mana semua kenderaan ini adalah versi kereta kebal T-72 yang dimodenkan dan dilengkapi dengan peralatan elektronik dari Perancis yang mana mengubah landskap pertahanan negara khususnya bagi TD.

Perolehan aset tersebut turut memberi pengandaan kuasa dan meningkatkan kuasa tembak yang belum pernah dirasai oleh KAD sebelum ini. Oleh sebab itu, kereta kebal ini dinamakan PENDEKAR, sesuai dengan peranannya sebagai mata dan hujung tombak ketumbukan TD sama ada ketika melakukan operasi ofensif mahu pun semasa bertahan. Pengandaan kuasa itu lahir kerana PENDEKAR mempunyai kemampuan mobiliti, kuasa tembak dan perlindungan armor yang sesuai dengan persekitaran muka bumi negara.

Paling menggerunkan, kuasa tembak daripada meriam Smoothbore 2A46MS berkaliber 125 milimeter buatan Slovakia dengan peningkatan ketepatan tembakan sehingga 23 peratus berbanding meriam asal. Ia mampu memusnahkan semua jenis kereta kebal mahupun kereta perisai di jarak empat kilometer. Kemampuan itu sudah



pasti menjadi igauan ngeri kepada pihak yang berniat untuk mengganggu-gugat kedaulatan negara. Apatah lagi, sistem kawalan tembakan PENDEKAR menggunakan teknologi dari Perancis yang turut dipakai oleh kereta kebal moden Perancis, AMX-56 Leclerc. Sistem ini di kawal sepenuhnya oleh komputer kawalan tembakan (FCC) bagi menjamin ketepatan tembakan yang dilaksanakan.

Gabungan teknologi Slovakia dan Perancis itu membolehkan meriam utama PENDEKAR memuntahkan sehingga lapan tembakan seminit bagi semua jenis peluru sama ada APFSDS, HEAT dan HE tanpa sebarang masalah tidak kira ketika sedang bergerak laju atau dalam keadaan pegun. Kegagalan PENDEKAR bukan hanya terletak pada meriam utamanya tetapi turut disokong dengan sistem navigasi SBMS dan blok armor reaktif (ERAWA-2) pada bahagian hadapan, bumbung dan sisi hadapan. Ia bertujuan mengurangkan impak hentaman daripada sistem peluru berpandu anti-armor dan juga perobek armor. Bagi tujuan meningkatkan daya pengesanan terhadap ancaman peluru musuh pula, PENDEKAR dilengkapi dengan sistem penerima pancaran laser (LWS) dan ia diintegrasikan pula dengan sistem greded asap. Sebelum perolehan PENDEKAR dibuat, TD bergantung sepenuhnya pada kereta kebal ringan Scorpion yang dipasang dengan meriam Cockerill 90 mm dalam melatih dan merangka doktrin peperangan rejimen kereta kebal. Walaupun di gelar sebuah kereta kebal ringan, prestasi mobiliti, kuasa tembak dan perlindungan Scorpion jauh ketinggalan berbanding PENDEKAR.

Menurut Pegawai Memerintah Rejimen Ke-11 KAD, Lt Kol Suresh Subramaniam berkata, latihan merupakan

teras utama bagi menentukan keupayaan pasukan ini. Sistem PENDEKAR yang canggih dan berteknologi tinggi ini memerlukan mutu latihan yang tinggi dan berterusan bagi anggota krew. Bagi menyahut cabaran ini, Rejimen ini kini berupaya melaksanakan kursus-kursus kerjaya mahupun kursus penyesuaian untuk anggota krew pasukan ini secara kerap. Pasukan ini mempunyai fasilitas yang secukupnya dan mampu menganjurkan kursus secara decentralise seperti Kursus Komander Kereta Kebal dan Kursus Peningkatan Krew Kelas I (Runut) di mana kedua-dua kursus ini dilaksanakan selama 16 minggu.


“Selain dari latihan-latihan individu dan kolektif yang ditetapkan oleh TD, pasukan ini juga melaksanakan latihan kompetensi tambahan bagi anggota krew meliputi aspek pengeoperasian kereta kebal mahupun penyelenggaraan di dalam pasukan di mana krew akan diuji melalui ujian kompetensi yang ditetapkan oleh pasukan ini secara teori mahupun amali.

“Anggota krew mempunyai cabaran yang berat di dalam mengendalikan kereta kebal PENDEKAR kerana pengendalian, pengoperasian mahupun penyelenggaraan harian bagi setiap kereta kebal ini dilaksanakan hanya tiga anggota krew iaitu Komander, Jurumeriam dan Pemandu. Setiap krew ini mempunyai tugas masing-masing dan mereka memerlukan penyatuan dan kerjasama yang tinggi bagi mengendalikan kereta kebal ini,” jelas beliau.

Tambahnya lagi, Krew PENDEKAR mestilah mahir dan mempunyai kepakaran mengendalikan sistem kereta

kebal kerana keupayaan krew di dalam medan pertempuran bergantung kepada kepantasan mereka bertindak terhadap pihak musuh. Selain daripada itu, kemahiran ini juga akan menentukan kurangnya berlaku crew fault pada sistem yang dikendalikan kerana setiap kerosakan ini memerlukan kos pembaikan yang tinggi.

Cabaran utama menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah Rej 11 KAD bukan mudah kerana beliau bertanggungjawab menentukan moral anggota krew PENDEKAR sentiasa dipelihara serta menentukan keselamatan anggota krew PENDEKAR terjamin semasa latihan mahupun operasi kelak. Bagi mengekalkan standard kompetensi anggota krew PENDEKAR, beliau sentiasa mengadakan latihan bagi anggota krew agar pengendalian kereta kebal ini dapat dilaksanakan dengan betul dan pantas. Kepelbagaian di dalam latihan amat dititikberatkan memandangkan kereta kebal ini mempunyai limitasi di dalam kawasan latihan. Latihan menggunakan model sering dilaksanakan sebelum anggota melaksanakan latihan menggunakan kereta kebal PENDEKAR. PENDEKAR juga terbukti keberkesanan dan kegagahannya apabila ianya dibuktikan di dalam latihan peringkat TD pada setiap tahun iaitu Latihan Kuasa Tembakan. Pada latihan tersebut rata-rata hadirin yang hadir menunggu PENDEKAR beraksi dengan keupayaan manouver dan kuasa tembakan. Bunyi letupan atau tembakan yang keluar dari larasnya begitu mengujakan hadirin yang hadir. Ini membuktikan pada negara luar bahawa Malaysia dibawah panji-panji TD mempunyai kereta kebal yang digeruni pihak lawan.





# Kompeni PANDURA Para

## Peninjau Terbaik 10 Bgd Para

**F**aktor penting untuk menentukan kejayaan sebuah pasukan dalam peperangan masa kini banyak bergantung kepada keupayaan mereka untuk bergerak dengan pantas dalam tempoh masa yang singkat. 10 Bgd (Para) merupakan sebuah formasi yang menyediakan faktor tersebut dan berkebolehan untuk diaturgerakkan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa.

Di sebalik keampuhan dan ketangkasan formasi ini, umum masih tidak mengetahui terdapat sebuah pasukan yang menjadi tunjang dan berperanan besar dalam membantu mengatugerak formasi ini hingga ke tahap hari ini. Pasukan yang dimaksudkan ialah Kompeni Tinjau (Para) atau PANDURA (Para).

Kompeni Tinjau (Para) atau lebih sinonim dengan jolokkan Pandu Udara (PANDURA) adalah sebuah kompeni yang bersifat khusus, terlatih serta dilengkapi dengan peralatan-peralatan khas, diwujudkan sebagai salah satu daripada komponen Briged (Para) yang berfungsi meningkatkan keupayaannya sebagai aset strategik TD dalam menghadapi ancaman musuh di dalam mahupun di luar negara.

Secara umumnya, pasukan ini berperanan dalam melaksanakan tugas-tugas tinjauan sebagai *eyes and ears* kepada kumpulan perintah dan kawalan 10 Bgd (Para) untuk membolehkan *situational awareness* dapat dicapai oleh semua peringkat anggota. Kompeni ini juga berkeupayaan untuk diaturgerakkan dengan tiga kaedah penyusupan iaitu melalui darat, laut dan udara. Bagi mengetahui lebih lanjut lagi ikuti **Wawancara Wartawan Berita Tentara Darat Malaysia (BTDM), Lt Iqbal Aqil Mohd Fadzludin dan Jurugambar BTDM, SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan** bersama Ketua Kompeni PANDURA (Para), **Mej Huzairein Hj Yacob**.

### Sejarah Penubuhan

Penubuhan pasukan Kompeni Tinjau (Para) adalah seiring dengan penubuhan 10 Bgd (Para) setelah formasi tersebut dinaikkan taraf sebagai sebuah Briged Strategik di bawah naungan 11 Div Strategik. Pada 20 Okt 1994, Eksesais HALILINTAR 1/94 merupakan sejarah awal bantuan pengaturgerakkan Platun PANDURA (Komando, PASKAL, PASKAU) telah diaturgerakkan sebagai Tim Pandu



**Mej Huzairein Hj Yacob**



Arah Udara untuk memandu masuk pesawat pada ketika itu.

Menyedari kepentingan PANDURA, ianya telah menjadi titik sejarah untuk mewujudkan sebuah pasukan elit yang mampu melaksanakan tugas dalam tiga dimensi peperangan iaitu di darat, laut dan udara. Setelah Formasi 10 Bgd (Para) didesignasikan sebagai komponen PAC ATM, beberapa evolusi peningkatan 10 Bgd (Para) telah ditingkatkan begitu juga dengan kebangkitan pasukan ini sebagai elemen tempur.

Penstrukturan semula TD bagi menepati paras semasa keanggotaan telah menjadi titik tolak untuk pasukan ini dinaikkan taraf sekali lagi sebagai sebuah kompeni mengikut keperluan semasa aturgerak Formasi 10 Bgd (Para).

Pembentukan elemen pasukan ini dengan kemampuan persenjataan terkini serta dilengkapi dengan alatan-alatan khas dapat membantu keseluruhan konsep aturgerak Formasi 10 Bgd (Para). Hasilnya, keanggotaan pasukan





ini telah ditingkatkan daripada kekuatan sebuah platun kepada kompeni berkuatkuasa 1 Jul 2008.

Semua anggota asal Platun PANDURA (Para) telah diserapkan ke pasukan ini bersama-sama anggota dari Platun Tinjau pasukan Infantri (Para). Penempatan pasukan ini adalah di bangunan kawasan Kem 73 Batalion Ordnan Diraja, Kem Terendak yang mana sebelum ini merupakan penempatan bagi 10 Kompeni Ordnans Diraja (Para).


Kini keanggotaan Kompeni PANDURA (Para) adalah di dalam penstruktur semula secara *ad-hoc* di atas arahan Panglima 10 Bgd (Para) dan perkembangan situasi semasa akan diubah kepada Kompeni Tinjau (Para).

### Organisasi

Kompeni Tinjau (Para) adalah sebuah elemen infantri yang bersifat khusus di bawah perintah dan kawalan MK 10 Bgd (Para) yang berkeupayaan melaksanakan operasi-operasi khusus secara terhad bagi menghadapi ancaman-ancaman

semasa seperti ancaman penganas, kumpulan militan dan aktiviti lanun. Bagi organisasi dalaman kompeni ini, ia didahului dengan MK Kompeni dan ditempatkan dibawahnya tiga buah platun tempur dan sebuah platun bantuan.

Sebuah platun tempur terdiri daripada seksyen tinjau dan *sniper*, manakala bagi platun bantuan terdiri daripada seksyen logistik, kenderaan dan semboyan.





## Peranan Dan Tugas

Peranan utama Kompeni Tinjau (Para) ini adalah melaksanakan operasi secara konvensional dalam masa yang sama memperolehi maklumat mengenai musuh dan rupa bentuk muka bumi kawasan medan.

Antara tugas lain adalah melaksanakan operasi PANDURA, melaksanakan *Long Range Reconnaissance, Surveillance and Target Aquisition*, melaksanakan tugas *screen* dalam keupayaan sebuah platoon, menjadi sebahagian daripada elemen tempur Kompeni Tinjau (Para) jika kompeni melaksanakan misi secara persendirian, melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan tempur, rondaan jarak jauh, melindungi orang kenamaan dan tindakan sabotaj secara terhad.

“Operasi PANDURA yang dilaksanakan adalah dalam menyediakan bantuan pandu arah serta mengawal pergerakan, pengguguran, pendaratan dan penerbangan pesawat-pesawat terbang di kawasan latihan ataupun operasi yang ditetapkan.

“Dalam operasi ini juga, kemahiran diperlukan dalam tugas-tugas meninjau, memilih, dan menanda zon pengguguran (DZ), zon pendaratan (LZ),



kawasan pendaratan (LS) dan titik pendaratan pesawat,” jelas Ketua Kompeni PANDURA (Para), Mej Huzairein Hj Yacob.

## Kepakaran

Menurut Penolong Ketua Kompeni, Kapt Muhammad Saffuan Zainol Rashid, kepakaran yang dimiliki oleh PANDURA antara lainnya adalah keupayaan menilai dan membuat tafsiran keadaan cuaca, arah angin, keadaan awan, jarak penglihatan ketinggian dan keselamatan kawasan pendaratan.

“Mereka ini sangat mahir dalam mengendalikan peralatan pandang lihat, elektronik dan mengadakan perhubungan radio bumi ke udara untuk mengawal pendaratan, pengguguran dan penerbangan pesawat terbang di kawasan tanggungjawab.

“Antara peralatan navigasi penting yang digunakan adalah seperti *Operational Parachutist Navigational System* (OPANAS) dan *Global Positioning System* (GPS),” katanya.

Tambah beliau lagi, kepakaran ini memerlukan prinsip-prinsip mudah gerak (*mobility*) dengan pantas ke kawasan yang diaturgerak dan sangat fleksibel dalam melaksanakan operasi kontijensi aras rendah ataupun tinggi.

Selain itu, anggota Kompeni Tinjau (Para) juga berkebolehan dalam membuat panggilan dan pembetulan tembakan artileri, pesawat udara dan bantuan *Naval Gun Fire Support* (NGFS). Keupayaan sebegini sangat berguna dan bersesuaian dengan penugasan Kompeni Tinjau (Para) yang beroperasi di barisan hadapan atau di belakang garisan musuh.

Seperti mana-mana anggota tentera yang lain, Kompeni Tinjau (Para) sangat menitik beratkan tahap kecergasan anggotanya. Tahap kecergasan dan kesiagaan haruslah berada pada tahap yang terbaik supaya tidak menimbulkan masalah ketika menjalankan tugas. Bukan itu sahaja, semangat kerjasama dan setiakawan adalah sangat penting dalam memastikan kejayaan sesuatu misi.

## Perancangan Masa Hadapan

Selain daripada usaha untuk mewujudkan lapang-sasar *Integrated All Weather Multi Mission Range* (PIAW Range) Ketua Kompeni memaklumkan, kompeninya dalam usaha untuk membangunkan sebuah kawasan latihan navigasi di dalam kawasan kem yang dikenali sebagai Navex. Navex berpotensi untuk melatih setiap

anggota dengan kemahiran pandu arah secara individu yang lebih praktikal dan berkesan.

“Jika kita lihat dahulu bagaimana Penganas Komunis mampu bergerak di dalam hutan daripada Selatan Thailand menerusi Banjaran Titiwangsa hingga ke Johor tanpa adanya kelengkapan navigasi yang lengkap, begitulah ingin kita ajarkan anggota berkenaan kemahiran bergerak di dalam hutan menggunakan keadaan sekeliling.

“Kaedah ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan keberuntungan kepada teknologi dan boleh digunakan sekiranya dalam situasi kritikal dan mendesak,” jelas Ketua Kompeni PANDURA (Para).

Menurut beliau lagi, teknik-teknik peperangan yang relevan dengan konsep peperangan semasa juga akan diajarkan di Navex.

## Harapan

Bagi sebuah pasukan yang sedang membangun, Ketua Kompeni PANDURA (Para) berharap agar Kompeni Tinjau (Para) ini diiktiraf dan dikenali oleh Tentera Darat khususnya dan ATM amnya.

Justeru, kekuatan dan kemahiran Kompeni Tinjau (Para) dapat dikembangkan dan diperbesar agar mampu memberikan sokongan sepenuhnya ke atas operasi TD.

Beliau juga mahukan agar kelengkapan dan persenjataan kompeni ini dapat dinaik taraf dari semasa ke semasa seiring dengan keupayaan dan aset negara maju yang lain.





Gambar sebenar 25 Pounder sedang beroperasi semasa Perang Dunia ke-2

# Battle Of Kampar

**P**ertempuran Kampar atau *Battle of Kampar* bermula 30 Disember 1941 hingga 2 Januari 1942 adalah pertempuran semasa Perang Dunia Kedua diantara tentera British dan India dari pasukan 11th Indian Infantry Division dan Divisyen Ke 5 Tentera Jepun. Pada 27 Dis, *11th Indian Infantry Division* mendirikan kubu pertahanan di Kampar yang mempunyai lapisan pertahanan semulajadi yang ampuh sebagai usaha mengelakkan pengkalan udara tentera British RAF Kuala Lumpur ditawan.

Mereka juga ditugaskan untuk menghalang dan melewati kemaraan pasukan tentera Jepun bagi membolehkan *9th Indian Infantry Division*

berundur sepenuhnya dari Pantai Timur Semenanjung. Matlamat tentera Jepun untuk menawan Kampar adalah sebagai hadiah Tahun Baharu kepada Maharaja Hirohito. Pada 30 Dis, tentera Jepun mula mengepung kedudukan tentera British dan India sehingga tercetusnya pertempuran keesokan harinya.

Walaupun tentera bersekutu mampu bertahan selama empat hari sebelum berundur pada 2 Jan 1942, namun mereka telah berjaya mencapai objektif untuk memperlahankan kemaraan tentera Jepun.

Tempat berlakunya pertempuran itu dikenali sebagai Rabung Hijau (*Green Ridge*). Rabung Hijau bersama rabung-rabung yang berdekatan

adalah rabung Thompson, Kennedy dan Cemetery menghadap jalan utama ke selatan dari arah Ipoh serta mempunyai kedudukan yang sangat strategik. Rabung ini berada di Gunung Bujang Melaka pada kedudukan 4,070 kaki dari paras laut menawarkan pemandangan yang jelas di lembah sekeliling meliputi tapak perlombongan dan paya.

Tentera bersekutu berpendapat sekiranya Divisyen Ke 5 Tentera Jepun berjaya menawan Kampar, mereka akan menggunakannya sebagai kubu pertahanan yang kuat kerana Lembah Kinta merupakan bandar dan gunung yang memiliki pandangan jelas ke arah selatan serta tempat strategik yang sesuai dijadikan kubu.

Kesan tinggalan *Foxhole* sekitar denai dalam perjalanan menuju puncak bukit.



*Fox Hole* tempat sentri dan pertahanan



*Trenches* yang mempunyai kedalaman sehingga paras dada

Melaka yang menghadap arah kemaraan tentera Jepun serta dilindungi dengan hutan tebal. Seramai 1,300 tentera British dan India mempertahankan Kampar ketika berhadapan dengan Jepun manakala Komander *11th Division*, Major Jeneral Archie Paris terpaksa mempertahankan kawasan dari Telok Anson (sekarang Teluk Intan) sehingga ke kubu pertahanan di Kampar.

Tentera British menempatkan pemerhati meriam di cerun barisan hadapan dan dilindungi dengan *15th/6th Brigade* di bahagian barat serta *28th Gurkha Brigade* yang melindungi bahagian timur. Kedua-dua brigid ini dibantu dengan *88th Field Artillery Regiment* yang dilengkapi dengan meriam 25 *pounder* dan meriam 4.5 inci milik *155th Field Artillery Regiment*. Apabila *12th Brigade* melalui Kampar, Major Jeneral Paris menghantar mereka untuk melindungi kawasan pantai dan kawasan pengunduran di Telok Anson.

Pasukan penyerang tentera Jepun terdiri daripada Divisyen Ke 5 pimpinan *Lieutenant General* Takuro Matsui yang berkekuatan seramai 9,000 tentera darat dan dibantu dengan 200 kereta kebal serta 100 pucuk meriam. Pada 30 Dis, brigid pimpinan Kawamura tiba dan mula mengepung kedudukan tentera British. Pada keesokkannya 31 Dis 1941, Kawamura memulakan serangan bersama batalion dari *11th Regiment* pimpinan Watanabe keatas kedudukan *28th Gurkha Brigade* dibahagian kanan.

Kedudukan Gurkha yang berunding menggunakan teknik penyamaran telah berjaya dikesan oleh

Akibat pencerobohan Angkatan ke 25 Tentera Jepun pimpinan Jeneral Tomoyuki Yamashita ke atas semenanjung Malaya, pasukan III Indian Corps yang mempertahankan utara Malaya terpaksa berundur ke selatan. Hasil pengunduran secara tergesa-gesa atas arahan oleh *Malaya Command* ini memburukkan lagi keadaan tentera British dalam kegagalan pertempuran *11th Indian Division* di Jitra, Kroh, Alor Star dan Gurun yang membuatkan divisyen tentera British dan India hampir dimusnahkan.

Atas kekalahan pertempuran di Kedah, *12th Indian Infantry Brigade* (pasukan simpanan dan mahir dalam pertempuran hutan) telah menggantikan *11th Division* untuk bertempur dengan hebat serta berjaya berundur ke kedudukan pertahanan British di Kampar dengan menambahkan

bilangan angka korban yang tinggi terhadap tentera Jepun.

Tugas *12th Brigade* adalah melengah-lengahkan kemaraan tentera Jepun serta bergabung dengan *11th Division* bagi membuat persiapan pertahanan di Kampar.

Kawasan pertahanan berada di timur pekan Kampar, Gunung Bujang



Program penerangan bersama pelajar sekolah Kampar

tentera Jepun yang kemudiannya memulakan serangan. Selepas itu, meriam milik tentera British dari *155th (Lanarkshire Yeomanry) Field Artillery* mula membedil kearah tentera Jepun. Serangan tentera Jepun pada 31 Dis berjaya dipatahkan oleh pasukan Gurkha bersama bantuan jarak dekat serangan meriam. Di waktu malam ketika masuknya Sambutan Tahun Baru 1942, komander *155th Field Regiment* iaitu *Lieutenant Colonel Augustus Murdoch* mengarahkan agar tembakan tabik 12 das untuk ditembak kepada tentera Jepun.


Pada 1 Jan 1942 jam 0700 pagi, Kawamura melancarkan serangan utama di kedudukan barat pertahanan British yang dilaksanakan oleh *41st Regiment* dan menentang kawasan yang dipertahankan oleh Batalion British pimpinan *Lieutenant Colonel Esmond Morrison*. *41st Regiment* menyerang terus ke arah kedudukan Batalion British yang dibantu dengan serangan mortar. Pertempuran ini bertukar menjadi ganas apabila kedudukan Jepun dan British ditawan kembali dan diambil alih dengan serangan jarak dekat menggunakan pisau bayonet.

Tentera Jepun ramai terkorban dan cedera menyebabkan Matsui membawa masuk tentera baru yang berterusan mengebom kedudukan tentera British. Keganasan dan kekeliruan yang berlaku dalam pertempuran jarak dekat di Batalion British ternyata lebih ganas di barisan hadapan.

*Lieutenant Edgar Newland* memimpin platun 30 *Leicesters*, berjaya bertahan di kedudukan paling hadapan Batalion British dimana platun beliau telah terkepung serta terputus hubungan dengan pasukan utama. Namun *Newland* bersama anggotanya menentang kesemua serangan dan bertahan di kedudukan terpencil tersebut selama dua hari. Atas keberanian yang ditunjukkan, beliau telah dianugerahkan pingat *Military Cross* oleh kerajaan British.

Selama dua hari pertempuran, tentera Jepun berjaya menawan kubu parit di bahagian timur Rabung Thompson. Kompeni yang berada dibawah arahan Kapten *John Onslow Graham* dan *Lieutenant Charles Douglas Lamb* ini memasang pisau bayonet dan menyerbu ke arah kedudukan tentera Jepun.

Tembakan balas oleh tentera Jepun menyebabkan 33 orang tentera British termasuk *Lamb* terbunuh dalam serbuan tersebut. *Graham* kemudian memimpin serangan meskipun cedera dan hanya berhenti setelah



Stesen machine Gun dibina sekitar bukit



Tanah lapang dipercayai *Command Post* Tentera British

bom tangan meledak yang menghancurkan kedua-dua belah kakinya. Dalam keadaan tersebut, beliau tetap menjerit memberi semangat kepada anggotanya dan beliau dilihat membalik bom tangan ke kubu parit yang diduduki Jepun.

Seramai 34 orang tentera India terbunuh namun kedudukan tersebut kembali diduduki dan *Graham* pula maut sehari kemudian akibat kecederaan yang dialaminya. Keberanian beliau di Rabung Thompson telah disebut dalam rekod keberanian.

*Leftenan Jeneral Matsui* menyedari bahawa kedudukan British di *Kampar* terlalu kuat untuk ditawan, justeru itu *Jeneral Yamashita* mengarahkan agar tentera Jepun mendarat di pantai barat selatan *Kampar* berhampiran kedudukan *12th Brigade* di *Telok Anson* untuk mengagap dan memutuskan arah pengunduran *Divisyen Ke 11 Tentera British*.

Rejimen Infantri ke 11 Tentera Jepun mendarat di Hutan Melintang

dan menyerang *Telok Anson* dari arah selatan dan pasukan dari *Divisyen Pengawal Empayar* bergerak melalui Sungai Perak untuk menyerang *Telok Anson* dari arah utara.

Tentera Jepun berjaya mendarat dan menawan *Telok Anson* setelah berlaku pertempuran dengan pasukan dari *3rd Cavalry* dan *1st Independent Company* milik tentera British pada 2 Januari 1942. Setelah *Telok Anson* ditawan, *3rd Cavalry* dan *1st Independent Company* berundur ke arah *12th Brigade* yang berjaya melenyahkan tentera Jepun dari menawan jalan utama.

*Major General Paris* mengarahkan kedudukan pertahanan *Kampar* ditinggalkan akibat arah pengunduran



Papan tanda *Battle of Kampar*

telah terancam. 12th Brigade melindungi pengunduran Divisyen ke 11 dan tentera British berundur kearah kedudukan pertahanan baru di Slim River.

Dalam tempoh empat hari diantara 30 Dis 1941 sehingga 2 Januari 1942, Divisyen ke 11 British berjaya

menentang serangan hebat tentera Jepun dan membawa angka korban yang tinggi dikalangan tentera Jepun. Antara kesan yang disebabkan tentera British tersebut ialah Rejimen ke 41 Tentera Jepun tidak dapat menyertai pencerobohan Singapura. Surat khabar Jepun melaporkan angka korban di kalangan tentera Jepun seramai 500 orang dan tentera bersekutu seramai 150 orang, namun tiada

maklumat secara rasmi dikeluarkan mengenai angka sebenar korban tentera Jepun.

Pertempuran ini merupakan kekalahan pertama tentera Jepun dalam misi menawan Malaya. Meskipun pertempuran ini merupakan kejayaan buat tentera bersekutu, namun kekurangan pasukan tambahan untuk membantu Divisyen ke 11 menyebabkan divisyen tersebut terpaksa berundur ke Slim River.



Program bersama pihak Muzium Tentera Darat dan kelab peminat sejarah



# 21 GGK Johan SFUC 2019

Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**KEDAH:** Menteri Pertahanan, Hj Mohamad Sabu telah menyempurnakan Penutup *Special Force Ultimate Challenge (SFUC)*

2019 melibatkan ketiga-tiga Unit Khas ATM iaitu Gerup Gerak Khas (GGK) yang diwakili oleh 21 GGK, Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Pasukan Khas Udara (PASKAU) yang dilaksanakan di Kem Hobart, Gurun pada 22 Sep 2019.

Terdahulu ketibaan MENHAN disambut oleh Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Zulkifli Hj Zainal Abidin.

Pertandingan ini



bertujuan mengukur tahap kemampuan anggota di dalam aspek fizikal dan mental serta menguji kemahiran dan kepakaran anggota berada di tahap yang terbaik serta bersedia untuk diaturgerakkan pada sebilang masa.

SFUC telah bermula pada 18 hingga 22 Sep 2019 melibatkan kawasan sekitar negeri Kedah iaitu Kawasan Tanjung Dawai, Sungai Merbuk, Bedong, Gunung Jerai, Yan, Simpang Empat dan penutup di Kem Hobart, Gurun.

Setiap penyertaan pasukan terdiri dari dua tim yang mana terdapat empat disiplin untuk diadili dan Disiplin Pertama adalah pertandingan Helocasting, Berenang, Mendayung dan Ujian Komunikasi.

Manakala Disiplin Kedua pula adalah Pandu Arah, Ujian baca peta manakala Disiplin Ketiga merangkumi Jalan lasak, Ujian Perubatan, Hot Extraction dan abseiling.



dan sudah pasti visi dan misi untuk mempertahankan kedaulatan negara akan terus dipikul oleh pasukan elit ATM.

“Kemahiran tinggi yang dipamerkan, membuktikan pasukan elit ATM berada dilandasan yang betul dan berupaya untuk digerakkan dalam apa jua situasi dan keadaan,” jelasnya.

Hadiah telah disampaikan oleh MENHAN dan Johan Keseluruhan pertandingan SPUC 2019 dimenangi oleh 21 GKK, yang mana bagi Disiplin Pertama dimenangi Pasukan PASKAU B, Disiplin Kedua dari 21 GKK B manakala Disiplin Ketiga dan Keempat dimenangi oleh 21 GKK A.

Bagi Tim terbaik berdasarkan tempoh masa yang terpanjang setiap disiplin dan prestasi terbaik ujian menembak disandang oleh 21 GKK B.

Piala pusingan akan diserahkan semasa perbarisan Hari ATM di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut pada 27 Sep 2019.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato’ Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Dato Sri Affendi Buang TUDM, pegawai-pegawai kanan ATM dan pesara-pesara dari GKK, PASKAL dan PASKAU.

Disiplin Keempat pula merangkumi Pertandingan Menembak Taktikal, Letupan dan menyelamatkan tebusan yang dilaksanakan sejurus ketibaan MENHAN semasa upacara penutup.

Dalam ucapan MENHAN, beliau amat berbangga dengan kekuatan fizikal, prestasi dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tim pasukan yang terlibat.

“Tanpa semangat juang yang tinggi dan tidak mengenal erti perit jerih amatlah sukar untuk menjayakannya



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**D**ikeheningan pagi dentuman demi dentuman mengegar kawasan Gemas. Tembakan tanpa henti dilepaskan bagi memastikan pasukan musuh yang kini melarikan diri, benar-benar dapat dilumpuhkan sepenuhnya. Apa yang berlaku sebenarnya ialah sebahagian daripada pertunjukan yang dipamerkan oleh Tentera Darat semasa Latihan Kuasa Tembakan (LKT) 2019 di Lapang Sasar Gemas, Negeri Sembilan.

Nyata latihan yang diadakan itu memperlihatkan kehebatan dan ketangkasan TD dalam mempamerkan aset persenjataan yang digeruni oleh lawan. Boleh dikatakan pada hari latihan tersebut TD memperlihatkan dan menguji hampir kesemua aset tempur miliknya dalam LKT 2019.

Pada pagi tersebut, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi diiringi Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dipertontonkan dengan keupayaan aset-aset TD yang mana membuktikan bahawa TD sentiasa bersiap siaga dalam apa jua keadaan bagi memastikan kedaulatan negara terus terjaga. Ini juga menunjukkan bukti bahawa tentera tidak hanya makan dan tidur seperti yang diperkatakan oleh sesetengah pihak kerana tanpa latihan yang terperinci sukar bagi seseorang tentera itu menggunakan aset persenjataan yang sedia ada.

Terdahulu acara dimulakan dengan Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abdul Rahman mewakili Panglima 3 Div memulakan ucapannya dengan mengalu-alukan kehadiran Penuntut Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) dan hadirin yang hadir dengan berkata LKT pada tahun ini seiring dengan hasrat PTD yang menjadikan tahun 2019 dan 2020 sebagai tahun latihan dan penajajaran.

Selain itu, latihan ini yang dahulunya dikenali sebagai Demonstrasi Kuasa Tembakan (DKT) merupakan aktiviti tahunan yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Siswa Kursus Pemerintah dan Staf Malaysia (KPSM) dari Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) tentang keupayaan *manuver* dan kuasa tembakan TDM melibatkan 165 Siswa dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan Darat, Laut dan Udara.

LKT ini juga mendedahkan berkenaan pengaplikasian kuasa tembakan merangkumi senjata kecil hingga berkaliber besar dimana membolehkan anggota yang terlibat memperoleh pemahaman berkenaan koordinasi kuasa tembakan yang efisien dan kesan yang dapat diperolehi.

Pada masa sama lapisan anggota dapat mempertingkatkan kompetensi dan memupuk rasa tanggungjawab disamping melatih anggota untuk melaksanakan tugas. Latihan ini diadakan dalam dua segmen iaitu Segmen Dinamik dan Segmen Tembakan Tidak Langsung untuk melihat kuasa tembakan dan impak ke atas sasaran sistem persenjataan yang terdapat di dalam inventori TDM.

Segmen Dinamik dipertontonkan dengan simulasi operasi ofensif melibatkan gabungan ketumbukan Batalion Infantri Mekanise, Armor, Artileri dan Pasukan Udara Tentera Darat yang memperlihatkan serangan menggunakan persenjataan tembakan langsung dari senjata persendirian sehingga senjata berkaliber besar.

Sementara itu, Segmen Tembakan Tidak Langsung melibatkan gabungan tembakan persenjataan 81 mm



# LKT 2019

mortar, 105 mm *Pack Howitzer* dan 155 mm G5 MK III dengan koordinasi rancangan tembakan oleh Pusat Kawalan Bantuan Tembakan dalam membantu operasi ofensif Briged. Dalam segmen tersebut hadirin dapat melihat dan memahami mekanisme penyatuan tembakan dan bagaimana ianya menghasilkan impak yang berkesan keatas sasaran dan menyumbang kepada kejayaan sesebuah operasi.


Secara keseluruhannya LKT ini adalah medan bagi menguji persenjataan yang dimiliki oleh TD dan ianya juga dapat memahirkan pegawai serta anggota yang mengendalikan persenjataan tersebut. Ini juga dibuktikan dengan kerjasama dalam satu pasukan apabila dapat melaksanakan pengoperasian sesuatu persenjataan berat mahupun kecil dengan menerima segala pengarahan yang



## Pamer Keupayaan Aset TD



" LKT ini adalah medan bagi menguji persenjataan yang dimiliki oleh TD dan ianya juga dapat memahirkan pegawai serta anggota yang mengendalikan persenjataan tersebut "



betul disamping pemahaman dalam koordinasi sesuatu senjata.  
Selain itu ianya juga bukanlah satu pembaziran malah membantu TD bagi memastikan keupayaan aset yang dimiliki TD dapat berfungsi dengan sebaik mungkin.







**Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya  
dan Saifun Hakimi Zainon**

**MELAKA:** Sjn Muhd Firuz Azizan dari 10 Bgd (Para) dinobatkan Jaguh Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat (UKM TD) Tahun 2019 dalam Majlis Penutup UKM TD 2019 disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di Dataran Lapang Sasar 400 meter Terendak pada 15 Jul 2019.

Beliau yang terdahulu berpangkat Kpl telah dinaikkan ke pangkat Sjn oleh PTD selepas dinobatkan jaguh UKM TD 2019.

Seramai 85 pegawai dan 653 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari 10 formasi dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) terlibat dalam pertandingan yang diadakan dari 10 hingga 15 Jul 2019 di mana 10 Bgd (Para) muncul sebagai Johan Keseluruhan Formasi UKM TD 2019.

UKM TD merupakan acara pertandingan menembak tahunan yang melibatkan formasi-formasi dalam TDM bertujuan untuk menilai kemampuan dan tahap kemahiran individu anggota tentera dalam aspek pengendalian senjata.

Acara ini juga adalah platform terbaik untuk menilai kemahiran dan kecekapan warga TD hasil dari latihan yang dijalankan sama ada di peringkat pasukan mahupun formasi dan ianya sejajar dengan hasrat Kepimpinan Tertinggi TDM yang menekankan bahawa 2019 adalah Tahun Latihan dan Penjajaran.

Selain itu, acara ini juga merupakan medan terbaik untuk TDM melahirkan jaguh-jaguh menembak yang bakal membawa cabaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti mewakili TDM dalam Pertandingan *ASEAN Armies Rifle Meet (AARM)*.

UKM TD 2019 melibatkan pelbagai acara seperti Menembak Lorong

Hutan, Pistol, Raifal Lelaki dan Wanita, Jatuh Piring, Tim Mesingan Kegunaan Am, Tim Mesingan Ringan, Serangan Seksyen dan Novelti Pegawai Kanan. Dalam ucapan penutup, PTD menegaskan bahawa UKM TD adalah penanda aras untuk menilai kecekapan, penumpuan serta pengendalian senjata dalam menjadikan Tahun Latihan dan Penjajaran ini sebagai



Sjn Muhd Firuz Azizan

# Jaguh

## UKM TD 2019





pemangkin ke arah mencapai sasaran tersebut supaya dapat memperkasakan lagi daya tempur dan tahap kesiagaan TD.

“Pertandingan ini bukan sekadar bertujuan mencungkil bakat baharu, kita juga perlu memperamati apa jua kelemahan dan kekurangan. Selari dengan itu, saya mahukan tindakan susulan diambil ke atas perkara-perkara seperti terdapat peserta yang masih gagal mengaplikasikan prinsip-prinsip kejaguan, oleh itu tentukan pendekatan latihan mengikut prosedur dan arahan sedia ada,” tegas PTD.

Beliau turut berpesan agar setiap peserta perlu memiliki tahap kecergasan mental dan fizikal yang tinggi dan individu haruslah meningkatkan tahap kecergasan stamina



masing-masing serta kemampuan mengawal emosi dan mental semasa pertandingan adalah antara faktor kejayaan.

Di akhir majlis, penonton dikejutkan dengan satu kejutan apabila

kenderaan Supacat milik 10 Bgd (Para) yang membawa pulut kuning meluncur laju memasuki Dataran Lapang Sasar Terendak untuk meraikan Hari Ulang Tahun Kor Perkhidmatan Diraja (KPD), Kor Ordans Diraja (KOD) dan







Kor Jurutera Letrik Jentera Diraja (KJLJD) yang ke-62.

Sebagai tanda penghormatan, Pengerusi KJLJD, Mej Jen Dato' Hanafiah Jaafar, Pengerusi KOD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah dan wakil Pengerusi KPD, Brig Jen

Meor Shuhaili Mohd Ramli diberi penghargaan menaiki kenderaan Supacat untuk acara memotong kek pulut kuning bersama PTD.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat

Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan Pegawai Kanan TD.



# Majlis Perasmian Bangunan Pejabat Am RAJD PMBTD

Oleh: Kapt Mohd Abdullah Mohd Yaman

Gambar: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

**KUALA LUMPUR:** Majlis Perasmian Bangunan Pejabat Am Kor Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) disempurnakan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin pada 18 Jul 2019.

Terdahulunya, bangunan ini menempatkan pasukan Markas Staf Stesen Sungai Besi, sejajar dengan kejayaan Kor RAJD melaksanakan penyusunan semula perjawatan, Markas ini telah diwujudkan tanggal 25 Mei 2018 sebagai sebuah Markas yang baharu.

Sebelum MK RAJD PMBTD ditempatkan di bangunan pejabat baharu, MK RAJD PMBTD telah beroperasi di bangunan pejabat MK PMBTD dengan nama Markas Pemerintahan Rejimen



Askar Jurutera Diraja Medan Tentera Darat (MK Pem RAJD PMTD).

Markas ini diketuai oleh Brig Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa selaku Komander Jurutera Medan Barat (KJMB), Ketua Staf, Lt Kol Norazmi Ya'akub dibantu oleh lapan pegawai dan 29 anggota Lain-lain Pangkat

manakala Sarjan Mejar Rejimen (SMR), PW I Salman Abdullah.

Turut dihadiri Panglima Grup Artileri Pertahanan Udara (GAPU), Brig Jen Zainal Mohd Noor, Pegawai Memerintah 71 RSD, Kol Roswardi Che Lamin, Ketua Cawangan PMBTD, Pegawai Kanan dan anggota PMBTD.

# Serah Terima Tugas Kem Komandan MK PMBTD



Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

**KUALA LUMPUR:** Seramai 33 pegawai dan 80 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Kem Komandan Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) bertempat di Kompleks MK PMBTD pada 6 Sep 2019.

Perbarisan Serah Terima Tugas Kem Komandan MK PMBTD diantara Lt Kol Mohd Fadzli Masood dan Lt Kol Mohd Darawi Mohd Said telah disaksikan oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman.

Tujuan Serah Terima Tugas adalah untuk menerangkan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan

sepanjang menjawat jawatan sebagai Kem Komandan.

Perbarisan diteruskan dengan upacara menandatangani dan penyerahan Nota Serah Terima Tugas kepada Lt Kol Mohd Darawi Mohd Said selaku Kem Komandan MK PMBTD yang baharu.

Lt Kol Mohd Fadzli Masood telah mengambil alih tugas dan tanggungjawab sebagai Kem Komandan pada 30 Mac 2017 sehingga 6 Sep 2019.

Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga MK PMBTD di atas komitmen dan kerjasama serta kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada beliau sepanjang beliau menjadi Kem Komandan dan menyeru kepada warga MK PMBTD agar memberikan kerjasama dan sokongan kepada Kem Komandan yang baharu.

Majlis diakhiri dengan acara jamuan ringan, penyampaian cenderahati, *street lining* serta acara bergambar bersama mantan Kem Komandan dan anggota MK PMBTD.

## Program OP Perisai Akidah MK PMBTD



Oleh: LKpl Norirawati Abdul Wahab

**KUALA LUMPUR:** Sel Agama Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) telah menganjurkan satu Program Op Perisai Akidah MK PMBTD bertempat di Dewan Dato' Jamil Ahmad pada 12 Jul 2019.

Program ini dijalankan adalah untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai kemelut pemahaman akidah dan memperteguhkan pegangan beragama khususnya dikalangan warga Tentera Darat dalam Kentonmen Sg Besi dan umumnya dalam ketumbukan pertahanan Angkatan Tentera Malaysia.

Program ini dimulakan dengan acara perasmian oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman.

Seterusnya penyampaian ceramah oleh dua penceramah jemputan iaitu Ketua Sel Dakwah KAGAT, Lt Kol Dr Khairul Fauzi Azmi dengan ceramahnya yang bertajuk *Penyelewengan Akidah dan Ancaman Terhadap Keselamatan Negara*.

Manakala Timbalan Ketua Pengarah Operasi KAGAT, Brig Jen Dato' Nawawi Daud menyampaikan ceramah bertajuk Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah *Spiritual Combat Power*.

Turut hadir, Panglima Grup Artileri Pertahanan Udara, Brig Jen Zainal Mohd Noor dan Ketua Staf Perkhidmatan MK PMBTD, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah.

## Hari Pertama PMB TD Ke-20

**KUALA LUMPUR:** Panglima Medan Barat Tentera Darat Ke -20, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami memulakan tugasnya sebagai PMB TD pada hari pertama secara rasminya di Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat pada 26 Jul 2019.

Ketibaan beliau di sambut oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman serta pegawai kanan MK PMBTD.

Terdahulu beliau telah memeriksa Kawalan Kuarter dan meletakkan Bendera di pintu pejabat PMB TD.

Sebagai tanda kesyukuran, bacaan doa telah dibacakan oleh Pegawai Staf 1 Agama MK PMBTD, Lt Kol Mohd Jihadi Hj Ahmad sebaik sahaja PMB TD memasuki pejabat. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi



## Majlis Pelancaran EKSA MK PMBTD

**KUALA LUMPUR:** Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA ) peringkat Markas Pemerintahan

Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) telah diadakan pada 25 Jul 2019 bertempat di Perkarangan Kompleks MK PMBTD.



Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, dalam ucapan perasmianya, beliau menyeru semua warga MK PMBTD mengamalkan amalan 5S secara berterusan bagi menjamin kebersihan dan kesesuaian pejabat bagi meningkatkan mutu kerja masing-masing.

Majlis diteruskan dengan penyampaian streamer dan poster EKSA kepada Ketua-ketua Zon dan lawatan ke pejabat-pejabat di sekitar Kompleks MK PMBTD. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi

# PMTTD Anjur Forum Perdana Ehwat Islam

Oleh: Perhubungan Raya MK PMTTD

**SARAWAK:** Seramai 2500 penonton terdiri daripada anggota ATM serta orang awam telah menghadiri Forum Perdana Ehwat Islam yang diadakan di Kem Muara Tuang, Kota Samarahan pada 18 Jul 2019.

Forum yang dianjurkan Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD) bersempena Hari Ulang Tahun Ke-5 PMTTD dengan kerjasama Majlis Islam Sarawak dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Forum bertajuk "ATM: Syukur Dalam Reda" menampilkan tiga ahli panel iaitu Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Mej Jen Datuk Kamaruddin Mamat, Mufti Sarawak, Datuk Kipli Yassin dan Pensyarah Kanan Fiqh Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Madya Datuk Dr Mohd Izhar Arif Mohd Kashi.

Majlis diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Turut hadir Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi



Abang Zohari Tun Abang Hj Openg, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain, Ketua Eksekutif Bank Muamalat, Dato' Haji Mohamad Redza Shah serta isteri, Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu serta isteri, Panglima 5 Div, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah dan Pengarah Jabatan Penyiaran Sarawak, Zainal Abidin Asri Abdul Wahid.

## Lawatan Kerja KSU Kementerian Pertahanan Ke 31 Bgd

**SARAWAK:** Markas Briged Ke-31 Infantri (31 Bgd) telah menerima lawatan kerja daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan (KSU), Datuk Seri Mohd Zuki Ali di Kem Junaco Park pada 17 Ogos 2019.

Beliau yang diiringi oleh Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Wira Zamrose Mohd Zain dan

Panglima 1 Divisyen, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu telah disambut oleh Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng dan staf-staf MK 31 Bgd.

Acara dimulakan dengan sesi bergambar di hadapan Markas 31 Bgd dan disusuli dengan taklimat lawatan oleh Panglima 31 Bgd di Bilik Gerakan.



Seterusnya, KSU dibawa melawat ke sekitar kawasan Kem Junaco Park dan 6 RS sebelum menghadiri Majlis Jamuan Makan Tengahari bersama warga 31 Bgd di Dewan Makan Junaco.

Program seterusnya diteruskan dengan lawatan ke 9 RS, Kem Bumimas dan diakhiri dengan jamuan ringan di Wisma Perwira 9 RS.

Turut hadir Panglima 9 Bgd, Brig Jen Abdul Rahman A Wahab, AKS Logistik, Brig Jen Meor Anuar Suhaili Mohd Ramli, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) BPKP, Brig Jen Ir Anhar Anuar, Setiausaha Bahagian Pembangunan MINDEF, Dato' Parang Abai @ Thomas dan Pengarah MINDEF Sarawak, Norisal Sali. - Lt Zahureen Norazan

**Gambar: Pbt Muhammad Khairulasyraf Mohd Kahar**

# Pembukaan Kursus Orientasi Pertahanan Negara

Oleh: Kapt Syed Abdul Muiz Syed Mashor  
Gambar: Sjn Aini Hayati Yahya

**NEGERI SEMBILAN:** Akademi Tentera Darat (ATD) telah menerima 136 Penuntut Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) INTAN untuk menjalani Kursus Orientasi Pertahanan Negara (OPN) bagi Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN Siri 3/2019 pada 10 Sep 2019.

Kursus ini dilaksanakan mulai 9 hingga 20 Sep 2019 dan perasmian kursus tersebut disempurnakan oleh Pemangku Komandan ATD, Kol Khairul Anuar Abd Aziz bertempat di Auditorium Sebatang Karah, Kem Segenting, Port Dickson.

Antara objektif latihan yang ingin dicapai adalah memberi pendedahan kepada penuntut INTAN mengenai peranan dan tugas Kementerian Pertahanan, memperkasakan nilai jati diri dan ketenteraan pada penuntut kursus serta mengaplikasikan peranan PTD dalam urusan pertahanan



negara.

Turut hadir, Perunding Latihan Kanan Sub Kluster Pembangunan Modal Insan INTAN, Nurul Ellda Baharudin, Ketua Div Kadet, Lt Kol Adam Buqhary Amzah dan barisan Jurulatih ATD.

## Perintah Ulung Komandan PULADA

**JOHOR:** Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) telah melaksanakan Perbarisan Perintah Ulung Komandan PULADA Ke-25, Kol Isa Daud melibatkan 15 pegawai dan 160 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) staf dan jurulatih Pusat Latihan di Kem Ulu Tiram pada 12 Sep 2019.

Perbarisan diketuai oleh Mej Fairuz Md Salleh manakala SMR Perbarisan, PW I Suhaimi Hamid diiringi Platun Tambor dari 6 RRD diketuai oleh Drum Mej Sjn Mohd Hambali Rasit.

Kol Isa Daud telah mengambil alih tugas pada 30 Ogos 2019 yang lalu daripada Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki yang telah bertukar keluar ke Markas 10 Bgd Para menjawat jawatan sebagai Panglima.

Pengisian Perintah Ulung Komandan adalah berdasarkan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat (PTD) iaitu ASAS serta penekanan kepada tiga aspek iaitu perkara am, tadbir dan logistik kepada seluruh warga PULADA.

Turut dilaksanakan Tahlil dan Doa Selamat di Masjid Kem Ulu Tiram bersempena dengan pengambilalihan tugas Komandan. - **Mej Nor Shafiza Zakaria**



## Pembukaan Kursus Tempur Pegawai Muda



**JOHOR:** Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) telah melaksanakan Majlis Pembukaan Kursus Tempur Pegawai Muda Siri 2/2019 bertempat di Dataran Kejat, Kem Ulu Tiram dan disempurnakan oleh Komandan PULADA, Kol Isa Daud pada 20 Sep 2019.

Seramai 154 Pegawai Muda yang terdiri daripada 131 pegawai lelaki dan 23 pegawai wanita dari pelbagai Kor TD hadir bagi menjalani kursus yang akan berlangsung mulai 17 Sep 2019 hingga 20 Feb 2020.

Komandan dalam ucapan berkehendakkan semua penuntut memberi tumpuan dan perhatian penuh dalam menjalani kursus serta serius terhadap semua latihan yang akan dilaksanakan nanti.

Beliau turut mengingatkan kepada semua penuntut dapat memanfaatkan pelajaran di dalam kursus ini yang menjadi satu titik awal sebagai kerjaya ketenteraan.

Turut hadir Ketua Cawangan Ketua Platun Tempur, Mej Mohamad Fairuz Hj Md Salleh serta barisan staf dan jurulatih PULADA. - **Mej Nor Shafiza Zakaria**

## Panglima Latihan TD Lawat PALAPES UMS

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

**SABAH:** Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman melakukan Lawatan ke Pasukan Latihan Pegawai Simpanan Universiti Malaysia Sabah (PALAPES UMS) pada 20 Ogos 2019.

Ketibaan beliau di Markas PALAPES UMS disambut oleh Pemangku Ketua Jurulatih PALAPES UMS, Kapt Nik Mohamad Rukmal Hakim Rokman dan diteruskan dengan taklimat di Bilik Gerakan PALAPES UMS.

Panglima Latihan TD turut melaksanakan Sesi Dialog bersama staf dan jurulatih PALAPES UMS sebelum jamuan ringan, aturcara lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.



## Eks KUDA SAKTI Siri 2/2019 Kemuncak Kursus PJK

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 62 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Jurutera Letrik dan Jentera Diraja (KJLJD) terlibat dalam Kursus Penyelia Juruteknik Kejuruteraan (PJK) Siri 8/2019 di Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED) bermula pada 6 Mei 2019 sehingga 23 Okt 2019.

Kemuncak kejayaan kursus ini adalah pelaksanaan Woksyop Bergerak (WB) melalui cetusan idea Komandan IJED, Lt Kol Ahmad Jaidi Ali dengan mengadakan Eksesais

KUDA SAKTI Siri 2/2019 yang dilaksanakan mulai 19 Ogos hingga 23 Ogos 2019.

Eksesais ini menuntut kerjasama, pengetahuan dan usaha yang holistik di antara penuntut di bawah seliaan dan pemantauan barisan jurulatih yang berkaliber.

Secara tidak langsung, komitmen yang padu serta tahap *critical thinking* yang rasional telah dizahirkan oleh penuntut-penuntut yang terlibat.

Pembabitian serta kerjasama di antara penuntut PJK Siri

8/2019 bersama-sama Ketua Woksyop (KW) Siri 19/2019 telah membentuk satu jalinan *command of chain* yang mana diperlukan bagi menentukan kejayaan eksesais ini.

Pada penghujung eksesais ini, keseluruhan penuntut telah berjaya mempamerkan tugas dan peranan yang dimainkan pada setiap perjawatan yang diwujudkan.

Latihan seumpama ini harus diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memberi pendedahan secara praktikal sejajar dengan konsep Latihan dan Penjajaran TD. - PW I Mohd Azwan Fitri Mohd Tarmizi, Gambar: Sjn Mohd Zaidi Samion



# Pemeriksaan Tadbir Tahunan PALAPES UNIMAS

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha

**SARAWAK:** Seramai dua pegawai dan 24 Lain-Lain Pangkat (LLP) telah terlibat dalam Pemeriksaan Tadbir Tahunan PALAPES UNIMAS disempurnakan oleh Pengarah Pengurusan Latihan (PPL), Brig Jen Datuk Mohamad Nizam Hj Jaffar pada 20 Ogos 2019.

Atur cara pemeriksaan dimulai dengan Pemeriksaan Kawalan Suku dan diteruskan dengan Perbarisan Pemeriksaan Tadbir Tahunan.

PPL turut melaksanakan pemeriksaan ke atas perkara melibatkan tadbir, latih dan logistik termasuk Ujian Kelayakan Kemahiran Individu (UKKI) iaitu ujian pengendalian senjata dan baca peta kepada semua pegawai dan LLP.

Dalam ucapan PPL, beliau berharap agar PALAPES UNIMAS mengekalkan prestasi baik dan dalam masa yang sama mempertingkatkan daya usaha dalam mentadbir urus pasukan supaya sentiasa berada di hadapan dan



berdaya saing.

Turut dilaksanakan adalah Kunjungan Hormat PPL kepada Naib Canselor UNIMAS, Kol Kehormat Prof Datuk Dr Kadim Suaidi selaku Komandan PALAPES UNIMAS.

## Penutup Kursus Tempur Pegawai Muda Siri 1/2019

**JOHOR:** Seramai 187 Penuntut Kursus Tempur Pegawai Muda Siri 1/2019 berjaya menamatkan kursus dan terlibat dalam Penutup Kursus Tempur Pegawai Muda Siri 1/2019 pada 27 Ogos 2019.

Latihan yang berlangsung selama enam bulan dari 18 Mac hingga 30 Ogos 2019 adalah anjuran Pusat Latihan

Tempur TD (PULADA).

Komandan PULADA, Kol Hj Semaon Hj Marjuki telah menyampaikan sijil dan anugerah kepada penuntut kursus, Anugerah Penuntut Terbaik Akademik disandang oleh Lt Eqbal Abdyllah Ednan dari 5 RRD, Anugerah Penuntut Terbaik Wanita disandang oleh Lt Balqis Syifa

Mohamad Bukhari dari 72 Wksp Div manakala Penuntut Terbaik Keseluruhan disandang oleh Lt Aliff Haire Mohd Abdul Fattah dari 4 RAMD.

Dalam ucapan Komandan, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada semua penuntut kerana berjaya menamatkan kursus dan memperolehi keputusan yang membanggakan.

Satu demonstrasi fasa serangan peperangan konvensional daripada penuntut kursus simbolik penutupan kursus turut diadakan serta dikoordinasi oleh Kapt Muhammad Hanif Hamidi selaku Jurulatih Kanan Cawangan Tempur Pegawai Muda PULADA. - **Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Gambat: MPLDTD**



# Pertandingan Masakan Dan Kraftangan Peringkat 1 Div

Oleh: Lt Zahureen Norazan  
Gambar: LKpl Muhammad Shukri Anuar

**SARAWAK:** Markas 31 Bgd telah menganjurkan Pertandingan Masakan dan Kraftangan Peringkat 1 Divisyen (Div) yang dirasmikan oleh Pengerusi BAKAT 1 Div, Datin Salina Hj Said bertempat di Dewan Makan Junaco pada 20 Jul 2019.

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil bakat ahli-ahli BAKAT di samping mencari peserta bagi mewakili BAKAT 1

Div ke Pertandingan Masakan dan Kraftangan peringkat BAKAT Tentera Darat yang akan diadakan tidak lama lagi.

Selain itu, pertandingan ini dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara Pengerusi BAKAT 1 Div dengan ahli-ahli BAKAT pasukan.

Pertandingan ini disertai oleh empat pasukan dibawah naungan BAKAT 1 Div dimana ianya dimulakan dengan pertandingan masakan.

Peserta dikehendaki menyediakan hidangan Pembuka Selera, Hidangan Utama, Hidangan Pencuci Mulut dan diakhiri Dengan Hidangan Kejutan berkonsepkan Selera Asia.

Bagi pertandingan Kraftangan pula, terbahagi kepada empat kategori iaitu Kategori Pertama Kraftangan Spontan, Kategori Kedua Kraftangan Sulaman, Kategori Ketiga Kraftangan Manik dan Kategori Keempat Kraftangan Patchwork.

Kehadiran juri jemputan bagi Pertandingan Masakan



iaitu Chef Zamzarina Hussin mantan Chef Pastry Hotel Hilton, Melaka, Chef Azwanizam Usin, Chef Pastry dari Hotel De'House, Sibu dan Sjn Mohamad Isa Berong (B) yang pernah mewakili ATM dan menjadi Johan dalam Pertandingan Ice Craving Kebangsaan.

Manakala Juri Kraftangan pula terdiri daripada Pengerusi BAKAT formasi dan pasukan telah menjadikan pertandingan lebih menarik dan sengit bagi pemilihan pemenang pertandingan.

Johan Keseluruhan Pertandingan Masakan dan Kraftangan dimenangi oleh BAKAT 9 Bgd, Naib Johan dimenangi oleh BAKAT 3 Bgd dan tempat ketiga dimenangi oleh BAKAT 31 Bgd.

Pertandingan ini diakhiri dengan ucapan oleh Pengerusi BAKAT 1 Div yang menyarankan agar BAKAT pasukan terus mengekalkan kesinambungan tradisi BAKAT pada masa hadapan dan terus cemerlang dalam setiap aktiviti yang dipertandingkan.

## 9 Bgd Terima Pucuk Pimpinan Baharu

Oleh: Sjn Donny Mike Andy Chendang  
Gambar: Kpl Mohd Aizat Fitri Ariffin

**SARAWAK:** Seramai 18 pegawai dan 200 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan di bawah naungan 9 Bgd terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 9 Bgd yang diketuai oleh Lt Kol Abdul Jaafar Abdul Halim bertempat di Padang Kawad Batalion Ketiga Rejimen Renjer Diraja (3 RRD) pada 25 Jul 2019.

Serah Terima Tugas diantara Brig Jen Shamsirudin Hj Mohd Shariff yang menyerahkan tugas dan tanggungjawab sebagai Panglima 9 Bgd kepada Brig Jen Abdul Rahman A. Wahab, upacara ini disaksikan oleh Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' MD Din Hj Abu.

Dalam ucapan mantan Panglima 9 Bgd, beliau berasa bangga sepanjang menjadi panglima dan terus berharap supaya 9 Bgd akan terus cemerlang pada masa akan datang.

Selain itu, turut diadakan Acara Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 9 Bgd diantara Che Rohana Abdul Kadir



dengan Zarina Aliff yang disaksikan oleh Ketua Staf MK 9 Bgd, Lt Kol Mohd Aklif Hj Abd Rajak di rumah BAKAT 3 RRD, majlis diakhiri dengan jamuan makan dan upacara *Street Lining* kepada mantan Panglima 9 Bgd.

Turut hadir, Pegawai Memerintah dan Pemerintah 9 Bgd, veteran ATM serta ahli-ahli BAKAT bawah naungan 9 Bgd.



# Majlis Ngiling Bidai 31 Bgd

Oleh: Lt Zahureen Norazan

Gambar: LKpl Muhammad Shukri Anuar

**SARAWAK:** Seramai 550 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari 31 Bgd hadir Majlis Ngiling Bidai Peringkat 31 Bgd di Kem Junaco Park pada 3 Ogos 2019.

Ngiling Bidai atau lebih dikenali dengan nama menggulung tikar adalah merupakan tradisi menandakan tamatnya perayaan Gawai bagi kaum dayak di Sarawak.

Pembukaan majlis telah disempurnakan oleh Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMTTD), Lt Jen Dato' Wira Zamrose Mohd Daud dengan meniup sumpit.

Acara ini adalah sebagai simbolik bagi mengingati semangat kepahlawanan bangsa dayak

negeri Sarawak, Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng dalam ucapan aluannya berkata, beliau merasa amat bertuah kerana diberi tugas dan tanggungjawab serta kepercayaan yang tinggi bagi menjayakan majlis ini, tambahannya lagi, majlis ini adalah julung kali diadakan di peringkat 31 Bgd.

Dalam ucapan balas oleh PMTTD, beliau menekankan sifat tanggungjawab dan kerjasama dalam kalangan pegawai dan anggota haruslah dikekalkan sebilang masa.

Beliau telah menekankan mengenai beberapa perkara latihan agar Rejimen Sempadan memperoleh kredibiliti sama seperti unit infantri yang sedia ada. Beliau juga merasa gembira kerana majlis seperti ini adalah kali pertama beliau hadir sepanjang perkhidmatan beliau.

Turut diadakan penyampaian cenderahati kepada PMTTD, Panglima 1 Div dan tim Tarian Ngajat yang terlibat bagi majlis ini.

Bagi memeriahkan majlis, pertandingan gerai terbaik dan busana terbaik turut diadakan yang mana gerai terbaik telah dimenangi oleh gerai Kem 31 Bgd manakala bagi



busana pula dimenangi oleh Lt Nor Asyirah Md Isa yang mengenakan busana tradisional kaum Iban, majlis diteruskan lagi dengan upacara Ngetas Ranyai atau memotong pokok pisang.

Upacara ini diadakan sebagai lambang menyingkirkan atau membuang perkara-perkara tidak diinginkan dan membuka lembaran baru dengan harapan agar sentiasa diberikan rahmat dan keberkatan.

Seterusnya, acara kemuncak iaitu upacara Bebuai oleh Tuai Rumah (Ketua Rumah) dan penghuni rumah panjang sebelum menggulung tikar.

Sejurus selepas acara tersebut, gulungan tikar tersebut diserahkan kepada PMTTD bagi menandakan signifikansi penamatnya perayaan Gawai bagi tahun 2019. Kesempatan itu juga, PMTTD menyerahkan sumbangan berupa cek kepada warga 31 Briged.

Turut hadir Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu, Ketua Staf Markas 31 Bgd, Lt Kol Mohd Zaini Hj Hashim, Pegawai Memerintah pasukan naungan 31 Bgd dan Pengusaha Kem Junaco Park, Khiu Siong Hii.

## Penutup Kursus Repalman Kelas I Siri 12/19

**SARAWAK:** Seramai 89 penuntut terlibat dalam Penutup Kursus Repalman Kelas I Siri 12/2019 di sempurnakan Penolong Pegawai Memerintah Batalion Ketiga Rejimen

Renjer Diraja (3 RRD), Mej Mohamad Noor bertempat di Kem Oya Batu 14 pada 23 Ogos 2019.

Upacara penutup dimulakan nyanyian lagu Tentera Darat, Pertunjukan Obua dan Terjunan Menara serta penyampaian hadiah kepada Penuntut Keseluruhan Terbaik.

Kursus ini telah dilaksanakan mulai 8 Mei hingga 28 Ogos 2019, dalam ucapan Penolong Pegawai Memerintah 3 RRD, beliau menekankan imperatif-imperatif daripada Perintah Ulung Panglima Medan Timur Tentera Darat dijadikan teras dalam melaksanakan tugas berlandaskan kredibel, responsif dan dinamik.

Selain itu individu mampu mengeksploitasi teknologi serta dianggotai oleh warga yang berbangga untuk berkhidmat demi agama, bangsa dan negara. - Kpl Mohd Amer Afiq Kamisan, Gambar: Rjr Awang zainuddin Ahmed Ismail



## Lawatan Penghargaan PMB TD Ke MK 2 Div

Oleh: **Mej Mohd Said Adam Mohamed Said**  
Gambar: **Pbt Izharuddin Fauzi**

**PULAU PINANG:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Azizan Md Delin hadir ke MK 2 Div bagi Majlis Lawatan Penghargaan sempena persaraan beliau disambut oleh Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad pada 8 Jul 2019.

Lawatan Penghargaan PMB TD ke MK 2 Div turut dimanfaatkan sebagai pertemuan untuk mengingat dan memberi nasihat kepada Panglima-panglima Formasi KTJ 2 Div agar tidak melupakan setiap bait-bait kata Ikrar Kesatria dan menzahirkan tindakan dalam mendokong Perintah Ulung PTD.

Lawatan ini diteruskan dengan jamuan makan tengah hari penghargaan PMB TD bersama 90 pegawai dan 210 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di Wisma Perwira *Pearl Eagle Riviera 2 Div*, Kem Tun Razak.

Dalam ucapan PMB TD, beliau tidak dapat melupakan 2 Div kerana pernah berkhidmat sebagai Panglima 2 Div selama tiga tahun pada 2011 hingga 2013.

Selain itu, beliau turut berbangga dengan usaha peringkat pemerintahan 2 Div yang telah menjayakan sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-86 hingga menjadi bualan ramai.



Beliau turut menzahirkan rasa kagum dengan sumbangan 2 Div terhadap hubungan keselamatan sempadan antara tentera Thailand dengan Malaysia hingga amat dikagumi rakyat kedua-dua negara.

Turut hadir Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman, Panglima 6 Bgd, Brig Jen Hj Mohd Halim Khalid, Panglima 8 Bgd, Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri, Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong, Komander Artileri Divisyen 2 Div, Kol Norazman Ismail, Ketua Staf 2 Div, Kol Noorru Azril Ariffin dan wakil MK PMBTD, Kol Op, Kol Shaari Omar dan Kol Log, Kol Tamam Jamioon.

## Bengkel Seni Keibubapaan Peringkat 30 Bgd

**PERLIS:** Bengkel Seni Keibubapaan anjuran ATM/PERNAMA Tahun 2019 Peringkat 30 Bgd telah diadakan dan disempurnakan oleh Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong di Dewan Serbaguna, Kem Bukit Cowder pada 12 Jul 2019.

Pensyarah Cemerlang Jabatan Bimbingan dan Kaunseling Institut Perguruan Pendidikan Kampus Perlis, Zulkipli Othman dijemput sebagai Fasilitator Undangang untuk bengkel ini.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi

pendedahan dan ilmu kepada para ibu bapa yang hadir tentang peranan, karakteristik dan tanggungjawab mereka yang boleh dimanfaatkan dalam memastikan kecermerlangan anak-anak demi masa depan mereka dengan perancangan pendidikan, kasih sayang, menyediakan keperluan asas dan menjaga keselamatan anak-anak.

Secara amnya bengkel singkat ini memfokuskan kepada peranan dan amanah ibu bapa melahirkan anak-anak tentera yang berjaya serta berpotensi kerana mereka merupakan aset, harapan dan kebanggaan kepada agama,

bangsa dan negara kelak.

Dalam ucapan Panglima 30 Bgd, beliau menekankan kepentingan peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak dimana Ibu bapa perlu melengkapkan anak-anak dengan pendidikan yang lebih efisien serta efektif merangkumi aspek-aspek yang boleh membentuk karakter dan tingkah laku sejajar dengan perubahan era perkembangan terkini.

Turut terlibat dalam bengkel ini Ketua Staf MK 30 Bgd, Lt Kol Shamsul Bahari Che Soh, pegawai pegawai, anggota LLP serta isteri. - **Lt Joy Beh Siau Fang, Gambar: LKpl Muhammad Iszam Ishnin**



## Bengkel Pengacara Majlis Peringkat 8 Bgd

Oleh : Sjn Muhamad Faidzal Saud  
Gambar : Pbt Nik Wafieuddin Nik Rahimi

**KELANTAN:** Bengkel Pengacara Majlis *Let's Stand Like a Pro* peringkat 8 Briged telah dilaksanakan selama dua hari mulai 4 Jul hingga 5 Jul 2019 di *Military Community Tranformation Centre (MCTC)* Kem Desa Pahlawan.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 16 pegawai dan 12 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pelbagai kor seluruh pasukan naungan 8 Bgd.

Fasilitator jemputan ialah Kapt Ady Fitri Mohamad Shokri dari Markas 30 Bgd yang mahir dalam bidang pengacaraan di kalangan warga TD, bengkel ini telah dikelolakan dengan pengajaran teori pada hari pertama dan praktikal pada hari seterusnya.

Objektif utama bengkel ini ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang ciri-ciri, karakteristik dan cara penyampaian sebagai seorang pengacara dalam pelbagai jenis majlis dimana teknik-teknik ini boleh



diaplikasikan di peringkat pasukan, atau peringkat yang lebih tinggi mengikut protokol yang bersesuaian.

Majlis penutup Bengkel Pengacara Majlis *Lets Stand Like a Pro* disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah 8 Komp Angkut KPD, Lt Kol Roni Awang Kechik.

## Majlis Bacaan Yasin 5 RRD

**KELANTAN:** Seramai 10 pegawai dan 80 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) Batalion Kelima Rejimen Renjer Diraja (RRD) terlibat dalam Majlis Bacaan Yasin Mingguan bertempat di Wisma Bintara 5 RRD pada 19 Jul 2019.

Majlis Bacaan Yasin ini merupakan acara mingguan yang dilaksanakan di tempat yang berbeza pada setiap minggu, sejak dilaksanakan, beberapa lokasi telah dipilih untuk acara mingguan ini seperti Blok Penginapan Bujang Kompeni Bantuan, Astaka Padang Pavilion dan Kantin Pasukan.

Program seperti dijalankan ini adalah untuk melahirkan jiwa yang bersih dan tenang di kalangan warga 5 RRD, selain itu ia juga dapat menjadi tempat di mana semua lapisan dapat sama-sama berkumpul bagi mendapat keberkatan dan keselamatan serta sentiasa dipermudahkan urusan kerja oleh Allah SWT.

Majlis yang dipimpin oleh Pegawai Agama Pasukan dan dimulakan dengan tazkirah ringkas sebelum diteruskan dengan Bacaan Yasin dan Tahlil kepada Rasulullah SAW, para sahabat dan keluarganya.

Pada masa sama bacaan ini turut dihadiahkan kepada Allahyarham Mej Sharip Che Man dan isteri

kepada Mej Ramlee Mustapha Kamal yang telah pergi menemui penciptanya baharu-baharu ini.

Majlis diakhiri dengan jamuan pagi bersama Pegawai Memerintah dan anggota 5 RRD di Perkarangan Wisma Bintara 5 RRD. - Lt Saripuddin Mappiasi



## Panglima 1 Bgd Lawat SSB

Oleh: Kapt Syuhada Omar  
Gambar: SSjn Narinah @  
Ronna Lawrina Gampawi

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai empat pegawai dan 53 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Lawatan Ulung Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman ke Skuadron Semboyan Briged Pertama Infantri (SSB) pada 16 Jul 2019.

Terdahulu ketibaan Panglima disambut Ketua Skuadron, Lt Kol Sharizat Ahmad Nawawi dan dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kwartar di MK Skn serta acara bergambar di Dataran 1 SSB, seterusnya Panglima dibawa ke Bilik Gerakan Pasukan bagi mendengar taklimat perkara G, A, Q oleh Ketua Skuadron.

Panglima meneruskan lawatan dengan melawat sekitar pasukan serta dipersembahkan dengan Demonstrasi Keupayaan Komunikasi *X-Band*, *Blue Force Tracking* (BFT) dan *Rearlink* di Perkarangan Dewan Titiwangsa.



Majlis diakhiri dengan jamuan makan tengahari bersama Panglima dan warga 1 SSB di Dewan Titiwangsa.

## Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 24 RAMD

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 13 pegawai dan 285 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 24 RAMD di antara Lt Kol Adnan Hj Hashim dan Pegawai Memerintah yang

baharu, Lt Kol Mohd Amin Baharom di Hangar 24 RAMD pada 17 Jul 2019.

Perbarisan diketuai oleh Penolong Pegawai Memerintah, Mej Md Rafizin Kamarudin manakala Sarjan Mejar Rejimen Perbarisan adalah PW I Suhaimi Abd Latif.

Terdahulu, Pegawai Memerintah menerima tabik hormat dari warga Berbakti Berkorban dan perbarisan dimulakan dengan acara pemakaian pangkat kepada sembilan anggota LLP.

Seterusnya, acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 24 RAMD disaksikan oleh Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman.

Di akhir ucapan, beliau turut berpesan agar kejayaan yang dikecapi dan kecemerlangan 24 RAMD hendaklah diteruskan oleh segenap warga Berbakti Berkorban.

Turut hadir Pengerusi BAKAT 24 RAMD, ahli BAKAT dan semua kakitangan awam 24 RAMD. - **Kapt Ferry Shahrul Rizal Roslan, Gambar: Kpl Mohamad Nur Ashriff Mohd Zainuddin**



## Lawatan Penghargaan Panglima 3 Div Ke 1 Bgd

Oleh : Kapt Syuhada Omar  
Gambar: Sel Risik MK 1 Bgd

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 30 pegawai dan 270 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada pasukan di bawah naungan Markas Brigid Pertama Infantri Malaysia (MK 1 Bgd) terlibat dalam Lawatan Penghargaan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman bertempat di Dataran MK 1 Bgd dan Hangar 24 RAMD pada 18 Jul 2019.

Ketibaan Panglima 3 Div dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kuarter dan disambut oleh Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman serta pegawai.

Panglima 3 Div seterusnya bergerak ke Hangar 24 RAMD untuk beramah mesra bersama pegawai dan anggota LLP serta jamuan makan bersama.

Dalam ucapannya, beliau telah menzahirkan rasa bangga di atas pencapaian 1 Bgd sepanjang di bawah



pemerintahan beliau dan turut menasihatkan agar terus cemerlang dalam perkhidmatan serta turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga 1 Bgd yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam menjayakan majlis ini.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Panglima 3 Div serta menandatangani Buku Lawatan.

## Perubahan Tampok Kepimpinan 3 Div

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 18 pegawai dan 360 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 3 Div bertempat di Padang Kawad Rejimen Kedua Kor Armor Diraja (2 KAD) Port Dickson pada 25 Jul 2019.

Serah menyerah tersebut diantara Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman yang menyerahkan tugas dan

tanggungjawab sebagai Panglima 3 Div kepada Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, upacara tersebut telah disaksikan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Mami.

Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman bertukar keluar menjawat jawatan sebagai Panglima Latihan dan Doktrin Tentera Darat manakala Mej Jen Dato' Tengku Muhammad

Fauzi Tengku Ibrahim bertukar masuk dari Markas Angkatan Tentera Malaysia.

Terdahulu Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan dari warga *Rhino Division* buat kali terakhir.

Dalam ucapannya semasa majlis jamuan penghargaan, beliau turut mengingatkan kepada semua peringkat pegawai dan anggota untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan sebaiknya dan berharap agar 3 Div akan terus cemerlang di masa hadapan.

Kemuncak acara, menyaksikan mantan Panglima 3 Div serta mantan Pengerusi BAKAT 3 Div diarak dalam acara *Street Lining* sebagai penghormatan akhir. - **Mej Mohammed Fahmi Ishak,**  
Gambar: PR 3 Div



## Hari Pertama Panglima 3 Div Ke-25

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak  
Gambar: Kpl Mohd Hafiz Hamzah

**MELAKA:** Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim melangkah masuk ke pejabat beliau pada hari pertama bertugas sebagai Panglima 3 Div Ke-25 di Markas 3 Div pada 26 Jul 2019.

Ketibaan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim di perkarangan Markas 3 Div disambut oleh Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Abdul Karim Ahmad.

Selesai memeriksa Kawalan Kuarter, Panglima 3 Div kemudiannya diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan Markas dan memasuki pejabatnya dengan doa dibacakan oleh Pegawai Staf 1 Agama MK 3 Div,

Lt Kol Aripin Abdullah, Panglima 3 Div kemudian mengadakan pertemuan ringkas dengan semua pegawai staf di Bilik Gerakan.



Pertemuan kali pertama ini merupakan sesi *ice breaking* dengan setiap pegawai memperkenalkan diri masing-masing kepada Panglima 3 Div.

## Penuntut MPAT Dipertonton Demonstrasi Keupayaan Tempur Mekanize

**PAHANG:** Seramai 57 Penuntut Kursus Pemerintahan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dipertontonkan dengan Demonstrasi Keupayaan Tempur Mekanize bertempat di Padang Kawad Markas 4 Bgd (Mek) pada 2 Ogos 2019.

Ketangkasan dan deruman Kenderaan Jenis A (KJA)

Gempita 8x8, Adnan dan Malaysia *Infantri Fighting Vehicle* (MIFV) telah memukau hadirin yang hadir.

Persembahan tersebut merupakan platform bagi memberikan gambaran jelas berkaitan keupayaan ketumbukan 4 Bgd (Mek) dalam melaksanakan operasi sebenar yang juga merupakan tugas dan peranan utama ketumbukan

4 Bgd (Mek) seiring dengan slogan Tangkas Perkasa.

Format persembahan dinamik taktikal yang dipertontonkan adalah tinjau tempur sniper mekanize, turun naik taktikal kenderaan mekanize, tembakan memusnah mortar dan gerakan taktikal menyuraikan peserta rusuhan untuk operasi ketenteraman awam.

Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Engr. Reizal Arif Tan Sri Ismail telah menyampaikan taklimat gerakan, tadbir dan logistik (GAQ) kepada Komandan MPAT Laksamana Pertama Mohd Fadzli Kamal Mohd Mohaldin, Juruarah dan peserta kursus.

Turut hadir Pegawai-pegawai Pemerintah dan Pemerintah di bawah naungan 4 Bgd (Mek). - **Sel Risik MK 4 Bgd (Mek)**



## Warga Rej 501 AW Lawat Pusat Olah Perang TD



Oleh: Kapt Kamaruddin Hamzah  
Gambar: Sjn Mohd Firdaus Ahmad

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 11 pegawai dan 88 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) warga Rejimen 501 Askar Wataniah (Rej 501 AW) mengadakan lawatan ke Pusat

Olah Perang Tentera Darat selama dua hari mulai dari 26 hingga 27 Jul 2019.

Rej 501 AW telah mengambil langkah inisiatif menggunakan Eks SATRIA BERANI(CPX ) 5 RAMD sebagai medium menambah ilmu pengetahuan dalam pendedahan Latihan CPX yang telah bermula pada 23 Jul 2019.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada anggota sukarela mengenai peranan dan tugas setiap elemen-elemen TD semasa melaksanakan pengoperasian peperangan.

Pada 26 Jul 2019, Warga Rejimen telah diberi peluang untuk menyaksikan demo tempur dalam situasi Latihan Peperangan Di Kawasan Terbina melalui Sistem VIRTSIM di Pusat Simulasi Maya yang ditaklimatkan oleh Mej Jasmifaiezan Jalaludin.

Seterusnya pada 27 Jul 2019, rombongan telah di bawa ke Eks SATRIA BERANI (CPX ) 5 RAMD bagi mendedahkan pengoperasian sistem *BattleTek IV* dalam menguji SOP dan doktrin setiap elemen Tempur, Bantuan Tempur dan Bantuan Khidmat semasa peperangan.

## Perbarisan Pegawai Memerintah 15 RAMD

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 14 pegawai dan 270 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Batalion Ke-15 Rejimen Askar Melayu Diraja (15 RAMD) terlibat di dalam Perbarisan Pegawai Memerintah yang diadakan di Padang Kawad 15 RAMD, Kem Senawang pada 27 Ogos 2019.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Gerak Pasukan, Mej Mohd Iskandar Mahayudin, terdahulu Pegawai Memerintah, Lt Kol Norhidayat Hj Zainal menerima tabik hormat daripada warga 'Sentiasa Berani' dan disusuli dengan pemeriksaan perbarisan.

Pegawai Memerintah dalam ucapannya mengingatkan bahawa latihan dan penjaran di pasukan perlu diteruskan. Beliau juga mengingatkan sempena Bulan Kemerdekaan ini, seharusnya warga pasukan perlu menghayati dan mengambil iktibar akan susah payah, cabaran dan pengorbanan yang telah ditaburkan oleh pahlawan-pahlawan terdahulu sehingga negara dapat mengecapi kemerdekaan hingga ke hari ini.

Beliau juga menyampaikan hasratnya melalui empat perkara teras yang perlu ditekankan iaitu kesiagaan tempur sebagai anggota tentera yang terlatih,

mengekalkan profesional dan tahap disiplin yang tinggi, penumpuan terhadap latihan dan yang terakhir adalah mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan anggota pasukan.

Di akhir ucapannya, beliau menggesa agar semua warga pasukan dapat bersatu hati di dalam melakukan segala tugas yang diberikan dengan sempurna demi kecemerlangan 15 RAMD. - **Sel Risik 15 RAMD**



## 11 Bgd Tawan Lubuk Tedung

Oleh: Sjn Azham Abdullah  
Gambar: Pbt Khairi Abdullah

**KUALA LUMPUR:** Markas Briged Ke-11 Infantri Malaysia (11 Bgd) telah melaksanakan aktiviti 11 Bgd *Extreme Ride* di Lubuk Tedung Challenge Kemensah Trail, Ampang pada 17 Jul 2019.

Acara yang dihadiri seramai 127 peserta dari pasukan naungan 11 Bgd telah berjaya mengharungi laluan trek yang mencabar sepanjang 17 km bermula dari Kg Kemensah hingga ke destinasi terakhir iaitu Lubuk Tedung.

Acara diakhiri dengan jamuan makan tengahari dan penyampaian cenderahati kenangan.

Turut hadir Pegawai Memerintah 4 RAMD, Lt Kol Azman Kormin, Pegawai Memerintah 8 RAMD, Lt Kol Mazahir Md Amin dan Pegawai-pegawai kanan.



## Eks PASAK BUMI Bantuan Tempur



**PERAK:** Pasukan Skuadron Semboyan Briged Kedua Belas Infantri (SSB 12 Bgd) telah melaksanakan Eksesais PASAK BUMI Bantuan Tempur Siri 1/2019 bertempat di Kawasan Am Slim River mulai 17 Jul hingga 19 Jul 2019.

Seramai tiga pegawai dan 100 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam eksesais terdiri daripada pasukan 12 SSB, 1 RRD, 12 Wksp Bgd, Rej 515 AW dan 1 RAMD yang disempurnakan Ketua Staf MK 12 Bgd, Lt Kol Mohamad Zambari Hj Abdul Khorid.

Program ini bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan pihak tentera dan orang awam selain membantu orang kampung bagi kerja-kerja pembersihan.

Aktiviti yang dilaksanakan adalah gotong-royong pembersihan kawasan sekitar Masjid Jamek, Kampung Sg Dara.  
- Lt Mohd Zulkarnain Zainal

## PW I Khairul Afizol Md Noh SMR KR D Ke-17

**KUALA LUMPUR:** Seramai 99 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Risik Diraja (KRD) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Sarjan Mejar Rejimen (SMR) KR D di antara PW I Mohammad Rafei Abdul Rahman dengan PW I Khairul Afizol Md Noh di Padang Kawad Bahagian Staf Perisikan Pertahanan pada 4 Sep 2019.

Perbarisan diketuai PW I Suhaimi Ahmad yang terdiri daripada tiga detasmen diiringi pancaragam dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Majlis diteruskan dengan acara Menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Serah Tongkat Kuasa SMR KR D disaksikan Inspektor Jeneral, Brig Jen Hj Abdul Rashid Hj Modzni.

Dalam ucapan SMR KR D, beliau menzahirkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pucuk pimpinan yang telah banyak memberi galakkan dan sokongan selama beliau berkhidmat di dalam KR D khasnya dan Tentera Darat (TD) amnya.

"Saya percaya, semua diantara kita telah memahami apakah kehendak dan harapan pucuk pimpinan tertinggi KR D yang telah diterjemahkan dalam kod etika warga perisikan dalam usaha memartabatkan dan meletakkan KR D setanding dengan lain-lain kor dalam TD.

"walaupun senario pimpinan di peringkat negara sudah berubah, namun bentuk ancaman yang perlu kita tangani dan kita hadapi dari pelbagai sudut tetap wujud.



"Atas keperluan serta kehendak penugasan, disamping kemahiran yang kita ada, kod etika warga perisikan masih relevan dan perlu diamalkan kerana ianya panduan lengkap bagi seorang warga perisikan dalam melaksanakan tugas di masa kini," ujar SMR KR D.

Mengimbas keperibadian keperibadian mantan SMR KR D, PW I Mohammad Rafei Abdul Rahman dilahirkan pada 29 Nov 1976 di Selama, Perak dan mula menceburi bidang ketenteraan pada 1 Sep 1999 dan telah mendirikan rumah tangga dengan Zuhasnani Zakaria serta dikurniakan dua orang cahaya mata lelaki.

Turut hadir pegawai kanan, SMR dari lain-lain kor dan warga KR D. - Kpl Ainur Aisyah Yahaya



# Perbarisan Perintah Ulung Panglima 2 Bgd Ke-33

Oleh: SSjn Mohamad Firdaus Jumain  
Gambar: Pbt Rosdan Abdullah

**PERAK:** Seramai 18 pegawai dan 233 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari naungan 2 Bgd terlibat dalam Perbarisan Perintah Ulung Panglima 2 Bgd Ke-33 bertempat di Padang Kawad MK 2 Bgd pada 5 Jul 2019.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Memerintah 2 RRD, Lt Kol Mohd Khairi Amri serta diiringi oleh pancaragam daripada gabungan 2 RRD dan 23 RAMD.

Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman adalah merupakan Panglima 2 Bgd Ke-33 dan telah mengambil alih pucuk pimpinan 2 Bgd pada 28 Jun 2019 yang lalu.

Dalam Perintah Ulung yang disampaikan, beliau akan meneruskan legasi kecemerlangan 2 Bgd supaya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Beliau telah menggariskan enam tonggak yang perlu di beri penekanan dan dipraktikkan oleh semua warga 2 Bgd iaitu Professionalisma, Kesiagaan, Latihan, Kebajikan,



Sistem Pemerintahan Rejimental dan Kerohanian.

Turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah serta semua anggota bawah naungan 2 Bgd dan pegawai awam Kementerian Pertahanan.

## Eks SATRIA BERANI Siri 1/19



**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 10 pegawai dan 64 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) terlibat dalam Majlis Penutup Ekksesais SATRIA BERANI Siri 1/19 (CPX) yang disempurnakan oleh Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar di Pusat Olah Perang Tentera Darat (POP TD) pada 8 Jul 2019.

Eks yang bermula pada 1 hingga 8 Jul 2019 adalah bertujuan untuk menguji fungsi pemerintah, staf, pemerintah rendah di peringkat batalion, kompeni, platun dan seksyen dalam aspek perancangan, menganalisa dan pelaksanaan operasi ofensif dengan menggunakan *System Battle Tek IV* dengan gambaran persekitaraan operasi sebenar.

Melalui eks ini pasukan boleh menyemak dan mengemaskini PROTAP sedia ada supaya ianya relevan untuk sebarang aturgerak.

Dalam ucapan Panglima 12 Bgd, beliau mengingatkan kepada semua anggota supaya menjaga imej TD, berdisiplin dan mempertingkatkan apa jua latihan secara konsisten di waktu aman untuk mengekalkan tahap kesiagaan yang tinggi pada sebilang masa. - Lt Mohd Syahmi Sahrudin, Gambar: Kpl Muhammad Abdul Ghani

## Pemeriksaan Audit Luaran MAST

**KUALA LUMPUR:** Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD) telah melaksanakan Audit Luaran *Malaysian Army Standard* (MASt) dari Tim Audit Luaran yang dilantik oleh Bahagian Inspektorat Tentera Darat (BITD) diketuai Lt Kol Albasori Abd Hamid pada 11 Jul 2019.

Tujuan Audit Luaran MAST adalah bagi menguji dan memastikan tahap kepatuhan dan pencapaian pasukan kepada standard MAST yang telah ditetapkan bagi pengiktirafan dan pensijilan MAST TD.

Audit Luaran melibatkan pemeriksaan dokumen dan fizikal bagi Pengurusan Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dan Pengurusan Keluar/Masuk Kem.

Turut hadir, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar dan PS 1 Inovasi BITD, Lt Kol Azahari Hj Ibrahim.

- Lt Mohd Syahmi Sahrudin, Gambar: Kpl Muhammad Abd Ghani.



## Panglima 2 Bgd Lawat SSB Bgd Kedua Infantri



Oleh: 2 SSB

**PERAK:** Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman melakukan Lawatan Ulung ke Skn Semboyan Bgd Kedua

Inf (2 SSB) pada 12 Jul 2019.

Ketibaan Panglima disambut oleh Ketua Skwadron, Lt Kol Ahmad Rizwan Din, lawatan dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Kuartar di Balai Pengawal 2 Bgd dan seterusnya ke Padang Kawad 2 Bgd untuk upacara Perbarisan yang di ketuai oleh Lt Muhamad Zaidi Che Deris dan 45 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Acara diteruskan dengan menandatangani Buku Lawatan serta penyampaian taklimat perkara G,A dan Q oleh Ketua Skwadron di Bilik Gerakan Pasukan.

Selesai taklimat, Panglima melawat ke sekitar pasukan serta dipersembahkan Demonstrasi Satelit X-Band sebelum dibawa ke Dewan KOMATRA untuk

jamuan makan.

Sebelum mengakhiri lawatan, Panglima telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada tiga anggota 2 SSB yang dinaikkan pangkat Koperal ke Sarjan.

## PTTK KPTD Dialog Bersama Pengarah



**KUALA LUMPUR:** Pengarah KPTD, Kol Abd Wahab Geoh telah mengadakan sesi berdialog bersama semua Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) KPTD yang terpilih dari semua pasukan KPTD bertempat di Kem Genting Klang pada 12 Jul 2019.

Seramai 88 anggota PTTK KPTD telah hadir dalam majlis berdialog tersebut yang diadakan di Wisma Bintara KPTD.

Aturcara bergambar dimulakan sejurus ketibaan Pengarah KPTD disambut oleh Pegawai Memerintah Wisma Bintara KPTD, Lt Kol Nozri Senawi, Yang Dipertua Wisma Bintara KPTD, PW 1 Busman Idi dan semua PTTK yang hadir.

Pengarah KPTD turut menyampaikan sumbangan kepada PTTK yang telah mengalami musibah kebakaran di kampung halaman, Sjn Irwan Jamal yang bertugas di 12 Komp KPTD.

Majlis berdialog berakhir dengan acara menandatangani buku lawatan oleh Pengarah KPTD selepas jamuan ringan. - SSjn Muhammad Firdaus Abdullah

## 4 Div Naib Johan dan Tempat Ketiga MGKA



**MELAKA:** Seramai enam pegawai dan 38 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) mewakili 4 Div telah bertanding dalam Ujian Kemahiran Menembak Tentera Darat (UKM TD) di Lapang Sasar Terendak bermula pada 10 hingga 15 Jul 2019.

4 Div telah menduduki tempat keenam secara keseluruhan dan merupakan Naib Johan dalam Acara MGKA Berpasukan dan Tempat Ketiga bagi Acara MGKA Individu.

Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pemenang dan berharap semangat berpasukan dapat dikekalkan pada masa-masa akan datang.

Penutup UKM TD telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi. - Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Gambar: Cawangan Gerak MK 4 Div dan PR TD

## Lawatan PMB TD Ke MK 4 Div

Oleh: Kpl Mohd Sadiq Zakaria

Gambar: Gabungan Jurugambar 4 Div

**KUALA LUMPUR:** Markas Divisyen Keempat Infantri Malaysia (MK 4 Div) telah menerima lawatan dari Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Azizan Md Delin sempena persaraan beliau bertempat di Kem Wardieburn pada 12 Jul 2019.

Seramai 80 pegawai dan 650 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) hadir dalam Lawatan Penghargaan tersebut yang diadakan di Dewan Dato' Othman Harun (DDOH).

Lawatan PMB TD dimulakan seurus ketibaan beliau di MK 4 Div disambut oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin lalu menerima Tabik Hormat daripada anggota Kawalan Kuartar dan seterusnya diperkenalkan kepada pegawai-pegawai MK 4 Div dan Pegawai-pegawai Memerintah Div Trup.

PMB TD dalam ucapannya mengingatkan warga 4 Div agar sentiasa menjaga perkhidmatan dan menghormati pemerintahan tertinggi.

Beliau juga sempat berkongsi pengalaman selama



berkhidmat dalam TD dan mengatakan bahawa anggota hendaklah merasa bertuah mampu menyertai satu badan keselamatan yang kuat dan utuh dalam negara ini.

Turut hadir, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Panglima 12 Briged, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar dan Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Hj Ahmad.

## 4 RAMD Lokasi Urban Combat Village

**PERAK:** Majlis perasmian *Urban Combat Village* telah diadakan di Batalion Keempat Rejimen Askar Melayu Diraja (4 RAMD), Kem Tapah pada 16 Jul 2019.

*Urban Combat Village* ini merupakan Komplek Mini bagi Operasi Kawasan Terbina (OBUA) yang telah dibangunkan bertujuan melatih anggota bagi menangani ancaman keganasan dan medan peperangan alaf baru.

Dengan adanya kompleks ini maka anggota mampu dilatih dari segi taktik, teknik prosedur asas dalam peringkat seksyen hingga kompeni.

Terdapat empat zon yang dipilih bagi pembinaan kompleks mini OBUA seperti Zon Utara di Kem Sultan Abdul

Halim Jitra, Kedah, Zon Timur 1 di Kem Desa Pahlawan, Kelantan, Zon Timur 2 di Kem Mentakab, Pahang manakala Zon Tengah di Kem Tapah, Perak.

Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMBTD), Lt Jen Datuk Azizan Md Delin dalam ucapannya berkata, pembinaan kemudahan latihan OBUA ini diwujudkan bagi pendedahan kepada anggota di peringkat asas hingga ke peringkat yang lebih tinggi anggota perlu menjalani latihan lanjutan di pusat-pusat latihan seperti ZUCOV di Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) dan Pusat Simulasi OBUA di Pusat Olah Perang Tentera Darat (POP TD).



Acara diteruskan dengan upacara menandatangani Papan Perasmian *Urban Combat Village* dan gimik meletakkan Pisau Kukri oleh PMB TD dan disaksikan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin.

Turut hadir Ketua Staf Am Markas Medan Barat, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar dan Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Hj Ahmad. - Kpl Mohd Sadiq Zakaria

# Penutup Eks SATRIA BERANI Dan SATRIA TANGKAS Siri 1/2019

Oleh: Lt Safwan Lokman

Gambar: Kpl Zafis Haqimiey

**SABAH:** Seramai 24 pegawai dan 347 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada pasukan naungan 5 Briged (Bgd) terlibat dalam Eksekais SATRIA TANGKAS (FTX) Siri 1/2019 dan majlis penutup disempurnakan oleh Panglima 5 Bgd Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan bertempat di Kg Brantian pada 18 Jul 2019.

Eks ini merupakan kesinambungan daripada Eks SATRIA BERANI(CPX) yang menilai keberkesanan perancangan Pemerintah dan Staf sebelum memasuki fasa medan, selain itu ianya turut menilai keberkesanan Doktrin dan ARTEP serta tahap kesiagaan pasukan.

Proses Evaluasi dan *After Action Review* (AAR) turut dilaksanakan setelah tamat eksekais bagi mengenalpasti



kelemahan dan penambahbaikan di masa hadapan sebagai persediaan kepada eksekais di peringkat Batalion dan Bgd.

## 7 RAMD Laksana Eks SATRIA BERANI



**SABAH:** Batalion Ketujuh Rejimen Askar Melayu Diraja (7 RAMD) melaksanakan Eksekais SATRIA BERANI Siri 1/2019 bertempat di Dewan Berani Ikhlas, Kem Kabota pada 10 Jul 2019.

Perasmian pembukaan eks disempurnakan oleh Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddeain Jantan.

Eksekais yang diadakan ini berkonsepkan *Command Post Exercise* (CPX) dan menggunakan *Terrain Board* yang bertujuan untuk menguji tahap pemahaman pemerintah dan staf dalam membuat perancangan serta keputusan bagi sesuatu operasi atau latihan pada masa akan datang.

Selain itu, eksekais ini juga melibatkan wakil-wakil dari pasukan luar seperti pasukan 3 RAMD, 22 RAMD, 26 RAMD, 5 KPD, 5 KOD, 5 SSB, 6 RAD, 516 AW, MK 5 Bgd, MK TF, POP TD dan *Skuadron Armor Esscom* (SAE) bagi menjayakan eksekais ini. - **Kapt Muhammad Yasin Mohd Szali, Gambar: Kpl Zafis Haqimiey**

## Pembukaan Kursus Repalman Kelas 2

**SABAH:** Seramai 79 orang penuntut dan 13 orang jurulatih dari unit dibawah naungan 5 Divisyen Infantri Malaysia (5 Div) terlibat dalam Kursus Repalman Kelas 2 siri 14/2019 di 7 RAMD bermula dari 2 Sep sehingga 23 Dis 2019.

Acara perasmian telah dilaksanakan oleh Pegawai Gerak 7 RAMD, Mej Khairil Azwan Abd Rahim, bertempat di dalam kelas penuntut, Kem Kabota.

Kursus ini adalah kursus wajib bagi setiap anggota Kor Infantri setelah tamat menjalani induksi Perajurit Muda di pasukan masing-masing.

Dalam ucapan Pegawai Gerak 7 RAMD, beliau mengingatkan supaya sentiasa berusaha dan bersikap positif serta mengingatkan supaya sentiasa menjaga nama baik pasukan serta memelihara tahap disiplin sepanjang kursus berlangsung. - **Lt Fitri, Gambar: Kpl Zafis Haqimiey**



# Eks SATRIA TANGKAS

## Siri 2/2019 3 RAMD



Oleh: Lt Mohammad Fakhurradzi Mohd Yusof  
Gambar: LKpl Mohamed Farith Nordin

**SABAH:** Pengujian dalam pelbagai aspek ketenteraan terutamanya di dalam konsep Operasi Ofensif Peperangan Konvensional telah diaplikasikan oleh unit-unit di bawah naungan Briged Kelima Infantri Malaysia (5 Bgd) melalui pelaksanaan Ekseksais Satria Tangkas Siri 2/2019 yang mana menyaksikan Kumpulan Tempur 3 RAMD sebagai ketumbukan utama eks tersebut.

Eks telah dilaksanakan selama satu minggu, iaitu bermula dari 19 hingga 24 Ogos 2019 bertempat di Kawasan Am Kota Belud - Kudat.

Pelbagai aspek latihan ketenteraan telah diuji melalui

fasa Mara dan Serangan ke atas objektif yang didaftarkan, Eks ini merupakan salah satu platform oleh MK 5 Bgd untuk meningkatkan tahap kesiagaan pasukan melalui ilmu pengetahuan dan kemahiran ketenteraan serta memperlihatkan peranan utama unit-unit di bawah naungan 5 Bgd dan 5 Div.

Secara keseluruhannya, seramai 60 pegawai dan 557 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) telah terlibat menjayakan eks ini, pasukan-pasukan yang terlibat adalah 3 RAMD, 13 SAE, 6 RAD, 5 Skn RAJD, 5 SSB, 5 KPD dan Rej 507 AW selaku Pelaku Biru yang berkekuatan seramai 32 pegawai dan 433 LLP.

Manakala, pasukan 22 RAMD sebagai Pelaku Merah berkekuatan enam pegawai dan 56 LLP serta 10 pegawai dan 37 LLP dari 7 RAMD

selaku Wasit sepanjang eks berlangsung.

Eks tersebut telah berakhir dengan serangan batalion ke atas kedudukan pertahanan musuh di Kawasan Am Situati, Kudat yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 3 RAMD, Lt Kol Mohd Yazid Yaacob.

Seiring dengan slogan utama 5 Bgd iaitu 'Berkorban Demi Kecemerlangan', eks ini telah membuktikan bahawa para pegawai dan anggota yang terlibat, rela berkorban masa dan keringat bagi menjayakan hasrat Panglima 5 Bgd, Brig Jen Muhammad Hafizuddein Jantan, yang mana ingin melihat 5 Bgd bersama unit-unit di bawah naungan, berupaya untuk diaturgerakkan pada bila-bila masa, sebagai salah satu ketumbukan utama Tentera Darat Malaysia di dalam melindungi kedaulatan negeri Sabah.

## Serah Terima Tugas Panglima 13 Bgd

**SABAH:** Seramai 22 pegawai dan 262 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat di dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima Bgd Ke-13 Inf diantara Brig Jen Datuk Arman Rumaizi Hj Ahmad dan Lt Kol Azrul Shamsuddin di Padang Kawad Kem Kukusan, Tawau pada 7 Sep 2019.

Brig Jen Datuk Arman Rumaizi Hj Ahmad akan menghadiri Kursus Ketahanan Nasional Siri 1/19 di Maktab Ketahanan Nasional, Putrajaya mulai 3 Sep 2019 hingga 3 Sep 2020.

Terdahulu Brig Jen Datuk Arman Rumaizi Hj Ahmad menerima tabik hormat dari kontinjen perbarisan yang terdiri daripada tiga detasmen gabungan yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 8 RS, Lt Kol Mohd Johaizad Jarudin.

Acara diteruskan dengan menandatangani Dokumen Serah Terima Tugas dan penyerahan Tingkat Kuasa sebagai tanda peralihan serta pertukaran tampuk pemerintahan yang baharu, acara tersebut telah disaksikan oleh Panglima 5 Div, Mej Jen Dato' Mohamad Khir Abdullah.

Sejurus selesai acara, mantan Panglima 13 Bgd telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan juga anggota LLP yang memberikan kerjasama serta komitmen yang sangat tinggi sepanjang beliau memegang jawatan sebagai Panglima 13 Bgd.

Beliau juga berharap agar Bgd ini kekal utuh dan mengekalkan semangat yang tinggi bertepatan dengan cogan kata 'Gagah Berani' seterusnya mematuhi Ikrar Kesatria yang dilafazkan.

Majlis diakhiri dengan acara menandatangani Buku Lawatan dan *street lining* sebelum Mantan Panglima 13 Bgd beredar meninggalkan perkarangan Kem Kukusan, Tawau. - Kpl Naim Ahmad, Gambar: Kpl Haziq



## Penyerahan Bendera Kepada Tim Menembak UKMTD



Oleh: Markas 10 Bgd (Para)

**MELAKA:** Majlis Penyerahan Bendera kepada Tim Menembak UKMTD 2019 telah disempurnakan oleh Ketua Staf Am 10 Briged (Para), Lt Kol Samad Igom di Lapang Sasar PIAW, 10 Skn RAJD (Para), Kem Terendak pada 5 Jul 2019.

Acara ini yang melibatkan seramai lima pegawai dan 60 anggota Lain-Lain Pangkat, merupakan tanda simbolik Tim tersebut telah bersiap sedia menjulang nama 10 Briged (Para) dalam pertandingan UKMTD yang akan bermula pada 10 hingga 15 Jul 2019 di Lapang Sasar Kem Terendak, Melaka.

Turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan-pasukan dibawah naungan MK 10 Bgd (Para).

## Perbarisan Pegawai Pemerintah 21 Skn KPTD

**JOHOR:** Perbarisan Pegawai Pemerintah 21 Skn KPTD Siri 2/2019 telah dilaksanakan di Padang Kawad MK 21 GKG, Kem Iskandar, Mersing pada 10 Jul 2019.

Perbarisan kali ini disertai oleh satu pegawai dan 36 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang diketuai oleh Lt Shahrul Nizam Ab Rahman selaku Ketua Tp Penguatkuasa Kem Iskandar.

Objektif utama perbarisan adalah untuk menyuburkan Sistem Pemerintahan Rejimental, pada pada masa yang sama mengukur kesiagaan pegawai dan anggota supaya bersedia menggalas tugas yang diamanahkan.

Perbarisan juga dilakarkan dengan penyampaian cenderamata dan Sijil Penghargaan Kecemerlangan kepada LKpl Helyad Sadrin atas keunggulan Penuntut Keseluruhan Terbaik dan Penuntut Akademik Terbaik dalam Kursus Polis Tentera Kelas 1 yang telah dihadapinya di PULAPOT.

Pegawai Pemerintah telah merakamkan penghargaan



atas perbarisan yang membanggakan dan menyeru warga pasukan sentiasa memperkasakan ilmu pengetahuan serta kecergasan demi meneraju kejayaan masa depan. - **Mej Mohammad Redzha Mashor**

## KKS Persiapkan Aturgerak 18 RAMD Para



**JOHOR:** Seramai enam Pegawai dan 132 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari unit 18 RAMD (Para) telah

melaksanakan latihan Kem Kemahiran Senjata (KKS) bermula 22 hingga 26 Jul 2019 di Lapang Sasar PULADA, Ulu Tiram, Johor Baharu.

Latihan ini sebahagian dari perancangan kitaran latihan 24 bulan melibatkan senjata persendirian dan bantuan bagi Seksyen, Platun, Kompeni dan Batalion.

Objektif latihan adalah untuk meningkatkan keberkesanan aturgerak senjata dan keupayaan bertempur sebagai satu kumpulan.

Latihan KKS merupakan simulasi yang paling hampir dengan situasi pertempuran sebenar yang memberi penumpuan kepada aspek pengendalian senjata individu dan

bantuan. - **Lt Muhamad Sufyan At Tsauri Mar Ramli, Gambar: Sel Risik Pasukan**

## Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 10 Bgd Para



Oleh: 10 Bgd (Para)

Gambar: Gabungan 10 Bgd (Para)

**MELAKA:** Seramai 27 pegawai dan 1,243 anggota Lain-Lain Pangkat 10 Bgd (Para) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima 10 Bgd (Para) bertempat di Padang Kawad Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) pada 18 Jul 2019.

Perbarisan ini melibatkan enam detasman dan diketuai

oleh Lt Kol Anwar Zamani Jusop serta diiringi pancaragam dari Gabungan Brass Band daripada 10 Bgd (Para).

Serah menyerah ini diantara Brig Jen Khairul Azmizal Ahmad Natal yang menyerahkan tugasnya kepada Pemangku Panglima 10 Bgd (Para), Lt Kol Ahmad Fitri Othman disaksikan Ketua Staf Tentera Darat (KS TD), Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi dengan simbolik acara ialah menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan penyerahan Tongkat Kuasa Panglima 10 Bgd (Para).

Dalam ucapan mantan 10 Bgd (Para), beliau berkehendakan agar warga 10 Bgd (Para) sentiasa bersemangat dan mempunyai penuh kebanggaan demi menjaga nama baik dan maruah dalam memastikan 10 Bgd (Para) menjadi satu ketumbukan yang disegani.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga 10 Bgd (Para) kerana telah sama-sama menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan amanah sepanjang beliau berkhidmat di 10 Bgd (Para)

Selain itu turut diadakan Majlis Serah Menyerah Tugas Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para) diantara Rozita Waty Ridzuan yang menyerahkan tugasnya kepada Maslihana Jaafar disaksikan Ketua Staf 10 Bgd (Para), Lt Kol Samad Igom bertempat di Rumah BAKAT 10 Bgd (Para).

## Pemeriksaan Anugerah Siaga PAT

**MELAKA:** Pemeriksaan Anugerah Kesiagaan PAT (Siaga PAT) 2019 di 10 Bgd (Para) dan pasukan di bawah naungan telah dilaksanakan bermula dari 29 Jul dan berakhir pada 2 Ogos 2019.

Tim BITD terdiri daripada IJ TD, Brig Jen (Dr) Kwong Fook Wen, Timbalan IJ TD serta 11 pegawai dan 14 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Pemeriksaan dimulakan dengan *Entrance Conference* pada 29 Jul 2019 oleh TIJ TD, Kol Hj Ishak Ismail dengan taklimat yg disampaikan oleh Ketua Staf Am 10 Bgd (Para), Lt Kol Samad Igom, taklimat merangkumi empat aspek utama iaitu Pengurusan Perkara Strategik dan Perkara GAQ.

Pemeriksaan fizikal dan dokumentasi kemudiannya dilaksanakan terhadap MK 10 Bgd Para dan tiga pasukan yang dipilih mewakili 10 Bgd (Para) bagi Bgd ini.

Tim BITD pemeriksaan juga turut menguji RANKON BOLA KILAT, Ujian UKA dan Ujian UKKI terhadap 10 Bgd (Para), pada sesi *Exit Conference* pada 2 Ogos 2019,

IJ TD telah membentangkan dapatan hasil keseluruhan pemeriksaan bagi 10 Bgd (Para). - Lt Fadhul Baqi Ahmad Ajemi, Gambar: Gabungan Jurugambar 10 Bgd (Para)



# Kunjungan Hormat TPTD Australia ke MK PLDTD

Oleh: Kapt Syaividul Marwan Mustapha  
 Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasyd

**NEGERI SEMBILAN:** Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin TD (MK PLDTD) telah menerima Kunjungan Hormat daripada Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD) Australia, Maj Gen Anthony Rawlins bersama delegasi pada 12 Jul 2019.

Terdahulu ketibaan delegasi disambut oleh Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami di Dataran TRADOC Kem Segenting diikuti pemeriksaan Kawalan Kuarter oleh TPTD Australia.

Delegasi seterusnya dibawa ke Pejabat Panglima Latihan TD dan diikuti taklimat di Bilik Impihal yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Staf MK PLDTD, Kol Ahmad Suhaimi Navinder Abdullah.

Kunjungan hormat ini dilaksanakan bertujuan untuk TPTD Australia mengetahui serba sedikit berkenaan PLDTD serta berjumpa dengan pegawai staf dan jurulatih Australia yang ditempatkan di Pusat Latihan di Malaysia.



Atur cara Kunjungan Hormat diakhiri dengan jamuan makan tengah hari di Wisma Perwira Kem Segenting (*The Sunset*) bersama Panglima Latihan TD dan semua pegawai staf MK PLDTD serta pertukaran cenderahati selepas acara jamuan.

## Pembukaan Eks KEKAR MALINDO Siri 43AB/2019

**INDONESIA:** Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa bin Jaafar hadir dalam majlis pembukaan Eksesais (Eks) KEKAR MALINDO Siri 43AB/2019 pada 24 Jul 2019.

Eks Keris Kartika Malaysia & Indonesia (KEKAR MALINDO) Siri 43AB/2019 merupakan latihan Gabungan Bersama di antara MK 3 Bgd dengan Bgd Infantri 19/ Khatulistiwa yang diadakan selama 12 hari bermula 22 Jul

hingga 2 Ogos 2019.

Latihan ini merupakan salah satu dari aktiviti bilateral yang diadakan secara timbal balas setiap tahun di antara Tentera Darat Malaysia dengan Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Darat.

Latihan bersama yang dilaksanakan ini bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan operasi bersama angkatan bersenjata kedua-dua buah negara meliputi *Command Post Exercise (CPX)* dan *Field Training*

*Exercise (FTX).*

Eks kali ini telah melibatkan 30 keanggotaan dari Bn Ke-10 RRD dan 120 keanggotaan dari Bn Infantri 645 Gardatama Yudha.

Turut hadir Danrem 121/Alambhana Wanawai, Brig Jen TNI Bambang Trisnohadi. - **Pbt Muhammad Hafizin Abd Aziz**





# Eks LINUD MALINDO

## Uji Kemantapan TDM dan TNI-AD



**Oleh: Lt Suhanraj Rajasegaran**  
**Gambar: Gabungan Jurugambar 10 Bgd (Para)**

**KELANTAN:** Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat (TNI-AD) melalui Gabungan Ketumbukan Tempur 8 RRD (Para) dan 501 Para Raider melaksanakan Latihan Bilateral Lintas Udara Malaysia-Indonesia (Eksesais LINUD MALINDO) di kawasan Bachok, Kelantan dan Pasir Putih, Terengganu mulai 21 hingga 25 Jul 2019.

sejauh 40 km melalui dua paksi iaitu Paksi GARUDA (Kg Raja, Besut ke Bachok) dan KENYALANG (Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Terengganu ke Bachok) dalam masa 72 jam yang berakhir dengan serangan di Pantai Irama, Bachok.

Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub dalam perintah khas *March to Victory* yang dikeluarkan beliau menekankan kepentingan strategik mempertahankan tanah air dan rantau Asia Tenggara dengan gabungan ketumbukan tempur kedua-dua buah negara.



Selain itu latihan ini diharapkan dapat meneruskan keutuhan yang terjalin hasil usahasama dan gandingan kedua-dua batalion paracut pada masa akan datang.

Majlis Penutup Eks dihadiri oleh Pengarah Latih MKTD-OPLAT, Kol Asri Shukor dan Kol Inf Elkinas Villando Dewangga, Assisten Operasi KOSTRAD.



Latihan ini disertai oleh 1,286 pegawai dan anggota 10 Bgd (Para) dari TDM dan TNI-AD pula diwakili 40 pegawai dan anggota dari SATGAS LINUD.

Eks bersama yang lasak dan unik ini diberi nama Op PREDATOR WEST iaitu menyelamatkan Wilayah Malaysia Barat bermula dengan *infiltration di behind enemy lines* bertempat di Cherang Ruku, Kelantan oleh Pasukan Pathfinder Malaysia dan Indonesia.

Penerjunan Statik (*Mass Drop*) dan Operasi *Air Mobile* dilaksanakan serentak oleh Gabungan Ketumbukan Tempur 8 RRD (Para) dan 501 Para Raider di dua titik kemasukan sebelum melaksanakan aturgerak taktikal untuk bertempur



Oleh: Saifun Hakimi Zainon

**SELANGOR:** Seramai 21 pegawai dan 367 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen Artileri Diraja (RAD) terlibat dalam Perbarisan Hari RAD Ke-62 disempurnakan oleh Pengerusi RAD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Zulkipli Mohd Zahir di Padang Kawad Rejimen Ke-31 Artileri Diraja, Kem Tun Ibrahim pada 15 Ogos 2019.

Perbarisan terdiri daripada lima kontijen diketuai oleh Pegawai Memerintah Rej Ke-34 RAD, Lt Kol Hj Ayob Yahya, Ajutan perbarisan Kapt Abdul Jabar Mohamad Nair dan Sarjan Mejar Perbarisan PW I Khuzaed Marwan manakala pancaragam yang mengiringi perbarisan pula dari Pancaragam Pusat Rejimen Renjer Diraja dibawah pimpinan Mej Dom Abdul Aziz Abdullah.

Dalam ucapan Pengerusi RAD, beliau menyatakan kewujudan RAD sejak 62 tahun yang lalu telah melalui proses pembangunan perolehan sistem peralatan dan persenjataan yang telah mampu meningkatkan kemampuan dalam melahirkan keagungan tembakan yang berkesan.

"Sehubungan itu saya menyeru semua peringkat warga RAD membudayakan sifat menyayangi aset sedia ada serta mempraktikkan budaya senggaraan yang tinggi, agar terus dimartabatkan sebagai satu kor yang disegani di dalam TD," tegasnya.

Tambahnya lagi, beliau mahukan semua warga RAD mempertingkatkan tahap kompetensi dan keupayaan bukan sahaja dari aspek kemeriaman tetapi pelbagai aspek pengetahuan am ketenteraan sejajar dengan keperluan profesionalisme tentera masa kini.

Turut hadir, Pengarah Artileri, Brig Jen Ibrahim Yasir, Panglima GAPU, Brig Jen Zainal Mohd Noor dan veteran-veteran RAD.





# **RAD**

## **Sambut Ulang Tahun Ke-62**

## HUT Kompeni Bantuan Para Ke-20



**Gambar: Kpl Mohd Haris Hashim**  
**Oleh: LKpl Mohammad Nor Hafiz Awang Lah**

**MELAKA:** Perbarisan Sempena Hari Ulang Tahun (HUT) Kompeni Bantuan (Para) Ke-20 telah diadakan di Padang Kawad 9 RAMD (Para) Kem Terendak pada 5 Jul 2019.

Perbarisan disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah Kompeni Bantuan (Para) Ke-13, Mej Mohd Adli Izmir Ramli melibatkan empat pegawai dan 84 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Perbarisan ini diketuai oleh Kapt Wan Amirudin Hj Wan Taib selaku Penolong Pegawai Pemerintah Pasukan Kompeni Bantuan (Para) yang mana Kompeni Sarjan Mejar (KSM) perbarisan adalah PWII Mohd Yuzrie Harun.

Pegawai Pemerintah menzahirkan rasa kagum dan bangga di atas pencapaian dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh barisan pegawai dan anggota pasukan di bawah naungannya, beliau juga berharap agar semangat dan daya juang yang tinggi dapat diteruskan dengan konsisten tanpa membezakan pucuk pimpinan yang menerajui organisasi di pasukan.

Beliau juga menyeru semua pegawai dan anggota dari pasukan ini untuk bersama-sama beliau bagi menyempurnakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin agar Kompeni Bantuan (Para)

sentiasa unggul, berwibawa, efisien dan sentiasa siap siaga di dalam memberi bantuan kepada pasukan di bawah naungan 10 Bgd (Para) di dalam apa jua bentuk cabaran yang mendatang.

Di dalam majlis ini juga, Pegawai Pemerintah turut menzahirkan rasa bangga di atas pencapaian yang telah diperolehi dan beliau mengharapkan agar anggota pasukan ini sentiasa menjaga tahap kecergasan diri dan meningkatkan diri di dalam apa jua kursus serta menjadi contoh kepada semua anggota

## HUT 1 Div Ke-53

**SARAWAK:** Seramai 27 pegawai dan 605 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari formasi-formasi 3 Bgd, 9 Bgd, 31 Bgd dan Trup Divisyen terlibat dalam Perbarisan Sempena Hari Ulang Tahun 1 Divisyen Ke-53 disempurnakan Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu bertempat di Padang Kawad Rejimen Keempat Kor Armor Diraja pada 12 Jul 2019.

Perbarisan diketuai oleh Lt Kol Anuar Ahmad dan diiringi pancaragam gabungan dari pasukan 11 RAMD, 13 RAMD, 10 RRD dan 4 KAD.

Menyingkap kembali sejarah 1 Div ianya bermula



pada 1 Jul 1966, *Headquarters Land Force East Malaysia* (HQ LFEM) atau Markas Tentera Darat Malaysia Timur ditubuhkan di Haigate Kuala Lumpur dan mengambil alih tanggungjawab pertahanan di Sabah dan Sarawak dari *Headquarters Director of Borneo Operations* (HQ DABOPS).

Sidang Majlis Angkatan Tentera yang Ke-150 kemudiannya menukarkan HQ LFEM kepada Markas Divisyen

Pertama Infantri Malaysia pada 24 Jul 1969 dan sehingga kini MK 1 Div telah berusia 53 tahun.

Turut hadir Panglima 3 Bgd, Brig Jen Mohd Isa Jaafar, Panglima 9 Bgd, Brig Jen Shamsirudin Mohd Sharif, Panglima 31 Bgd, Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng, Veteran ATM dan Ahli-ahli BAKAT di bawah naungan 1 Div. - PR 1 Div

# 4 Skn RAJD (Jn) Sambut Hari Pasukan Ke-14

Oleh: Lt Muhammad Syahir  
Asyraf Mhd Zain  
Gambar: Kpl Hazron Mohd Robani

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai tiga pegawai dan 64 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) serta tiga staf awam Skuadron Keempat Rejimen Askar Jurutera Diraja (Jambatan) (4 Skn RAJD Jn) terlibat dalam Perbarisan Sempena Hari Pasukan Ke-14 disempurnakan Pegawai Pemerintah, Lt Kol Syed Mohd Khairul Asraf Tuan Kechil di Padang kawad pasukan pada 15 Jul 2019.

Perbarisan diketuai oleh Penolong Pegawai Pemerintah, Mej Mohd Hafiz Ridzuan Aziz dimulakan dengan nyanyian lagu Majutera dan pemeriksaan perbarisan, Peg Pemerintah turut memakaikan pangkat kepada dua anggota LLP berpangkat Koperal ke pangkat pemangku Sarjan.

Dalam ucapannya beliau menyingkap kembali sejarah penubuhan 4 Skn RAJD (Jn) ialah di Kem Sabron, Taiping Perak pada 1 Jan 1964 sebagai Skn Medan dan pada 15 Jul 2005 perubahan ke Skn Jambatan yang mengubah fungsi



Skn ini.

Pegawai Pemerintah mengingatkan agar latihan berterusan amat penting bagi mencapai setiap objektif yang telah ditetapkan.

Majlis diakhiri dengan acara bergambar dan majlis makan bersama Pegawai Pemerintah bersama semua warga 4 Skn RAJD (Jn) di dewan makan pasukan.

## HUT KJLJD Ke-62

Oleh: Lt M Muhammad Azim Ghazali  
Gambar: Pbt Muhammad Nazirul Ismaili

**SARAWAK:** Seramai empat pegawai, 60 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP), 10 Veteran dan 10 staf awam Kor Jurutera Elektrik dan Jentera Diraja (KJLJD) terlibat dalam Perbarisan Sempena Hari Ulang Tahun (HUT) KJLJD Ke-62 yang disempurnakan oleh pemangku Pegawai Pemerintah, Lt Mohd Nazzuan Mohamad Nawil di Padang Kawad 9 Wksp Bgd pada 16 Jul 2019.

Perbarisan diketuai oleh Pegawai Rekod Pasukan, Lt M Muhammad Azim Ghazali dimulakan dengan nyanyian lagu KJLJD dan pemeriksaan perbarisan.

Perbarisan ini diadakan bertujuan untuk membaca perutusan Pengerusi KJLJD dimana beliau dalam perutusannya mengingatkan kejayaan kor yang dikecapi selama ini adalah dari kesinambungan hasil kerja keras dan usaha yang digembleng oleh pemimpin-pemimpin terdahulu dan warga kor sebelum ini.

Selain itu, ia juga turut mengingatkan peranan semua supaya mempunyai ilmu dan pengetahuan seiring dengan

perkembangan teknologi kerana KJLJD adalah sinonim dengan teknologi dan menjadi rujukan kepada pucuk pimpinan Tentera Darat.

Majlis diakhiri dengan acara bergambar dan majlis makan bersama semua warga KJLJD, veteran dan staf awam.





Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya

**KUALA LUMPUR:** Seramai 16 pegawai dan 480 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) bawah naungan Pemerintahan Medan Barat terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Azizan Md Delin bertempat di Dataran Panglima Tentera Darat pada 19 Jul 2019.


Perbarisan ini merupakan simbolik bagi menghargai jasa, khidmat dan bakti yang telah dicurahkan oleh Lt Jen Datuk Azizan Md Delin di dalam Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khususnya.

Terdahulu dari itu, PMB TD menerima tabik hormat terakhir dari kontinjen perbarisan terdiri daripada empat detasmen diketuai oleh Lt Kol Ahmad Muzaimi Mohd Ali serta diiringi Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja.


Acara diteruskan dengan pemeriksaan barisan oleh PMB TD serta perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan jalan dan cepat.





" Sejarah panjang perkhidmatan telah memberi peluang kepada saya menimba berbagai pengalaman yang mendewasakan saya demi penguasaan kepada TD dan ibu pertiwi yang tercinta "

Panglima Medan Barat Tentera Darat  
Lt Jen Datuk Azizan Md Delin



## Perbarisan Penghargaan Lt Jen Datuk Azizan Md Delin





Dalam ucapannya, beliau menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi yang meluangkan masa hadir ke perbarisan akhir sempena persaraan dan ia merupakan satu penghormatan peribadi untuk beliau.

Mengimbas keperibadian Lt Jen Datuk Azizan Md Delin, beliau dilahirkan pada 23 Feb 1960 di Sungai Petani, Kedah dan menjalani



latihan di Maktab Tentera Diraja sebagai Pegawai Kadet mulai 6 Jan 1979 lalu ditauliahkan sebagai Lt Muda pada 2 Apr 1981.

Pasukan pertama beliau berkhidmat setelah ditauliahkan adalah Batalion Kesebelas Rejimen Askar Melayu Diraja yang berpangkalan di Kem Perdana Sungai Besi, Kuala Lumpur.







Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Institut Teknologi Mara serta *Masters Degree in International Security and Civil-Military Relations from The Naval Post Graduate School (NPS)* di Monterey California, Amerika Syarikat.

Lt Jen Datuk Azizan Md Delin telah dinaikkan pangkat Lt Jen pada tahun 2015 dan menjawat jawatan Ketua Eksekutif di *Malaysian Institute of Defence and Security (MiDAS)* telah dipertanggungjawabkan bagi menasihati perihal yang melibatkan pertahanan dan keselamatan negara pada ketika itu serta pernah mewakili dan mempersembahkan negara di dalam *Network of ASEAN Defence and Security Institution*.

Beliau seterusnya telah diberi kepercayaan bagi menerajui ketumbukan Tentera Darat di Semenanjung Malaysia pada 16 Dis 2016 sebagai Panglima Medan Barat Tentera Darat Ke-19.

panjang perkhidmatan telah memberi peluang kepada saya menimba berbagai pengalaman yang mendewasakan saya demi penugasan kepada TD dan ibu pertiwi yang tercinta,” jelas PMB TD.



“Setelah lebih 40 tahun bergelumang di dalam perkhidmatan TD, maka hari ini tiba masa untuk saya mengundurkan diri dari perkhidmatan yang mulia ini dan sejarah

Majlis diakhiri dengan acara simbolik iaitu *street lining* bagi memberi penghargaan dan penghormatan terakhir kepada Lt Jen Datuk Azizan Md Delin yang ditarik oleh pegawai-pegawai dan anggota bermula dari Bulatan 1 RAMD hingga ke Balai Pengawal Utama.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato’ Mardzuki Muhammad, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato’ Mohammad Ab Rahman, Panglima 4 Div, Mej Jen Dato’ Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin dan pegawai kanan TD.



## PERBARISAN PENGHARGAAN Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar

**Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini**  
**Gambar: Kpl Ainur Aisyah Yahaya**

**NEGERI SEMBILAN:** Seramai 24 pegawai dan 410 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Kor Armor Diraja (KAD) serta 29 buah kenderaan jenis A terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar di Padang Kawad Rejimen Kedua KAD Kem Sunggala pada 9 Ogos 2019.

Perbarisan ini merupakan simbolik menghargai jasa, khidmat dan bakti yang telah dicurahkan oleh Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar yang telah berkhidmat selama 40 tahun satu bulan dan dua hari di dalam Angkatan

Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khususnya.

Terdahulu ketibaan Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar disambut oleh Pemangku Pengerusi KAD, Brig Jen Dato' Kamarol Fauzi Hj Mohd Said lalu dibawa ke Pentas Hormat untuk menerima tabik hormat terakhir daripada anggota perbarisan melibatkan enam detasmen dan sembilan ekor kuda dari 21 Skuadron Istiadat Berkuda.

Dalam ucapan Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar, beliau merasa terharu di atas kesudian Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi yang sanggup datang dari Kuala

Lumpur serta meluangkan masa memberi penghormatan terakhir walaupun dalam kesibukan tugas.

"Tanggal 9 Ogos 2019 adalah satu tarikh bersejarah kerana hari ini merupakan hari terakhir saya sebagai seorang tentera dan sepanjang 40 tahun perkhidmatan, TD telah berjaya melatih serta membentuk saya menjadi seorang manusia yang cekal dan berhati waja," jelas Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar .

Selain itu, beliau mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pesara-pesara KAD tidak kira apa jua pangkat kerana mereka adalah guru yang pernah mendidiknya suatu ketika dahulu.





Mengimbas kembali keperibadian Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar, beliau dilahirkan di Langkawi, Kedah pada 10 Ogos 1959 dan memasuki Maktab Tentera Diraja pada 7 Julai 1979 serta ditauliahkan sebagai Pegawai Tauliah Jangka Pendek pada 31 Mei 1980 ke dalam KAD.

Beliau berkelulusan Diploma dalam Pengajian Strategi dan Pertahanan (UM) dan Sarjana Sains Politik (UM), sebagai menghargai jasa dan sumbangan kepada Negara dan Perkhidmatan, beliau telah dianugerahkan pelbagai darjah kebesaran seperti Panglima Setia Diraja (PSD) pada tahun 2009 yang membawa gelaran Datuk.

Semasa menyandang jawatan sebagai Pengarah Armor, beliau menjadi tunjang utama kepada program





penggantian Kenderaan Jenis A (KJA) KAD iaitu Kenderaan Perisai (KP) 8x8 GEMPITA dan beliau juga telah menjadi penggerak utama dalam mewujudkan satu piawaian pengukuran TD iaitu *Malaysian Army Standard* (MASt) semasa menjawat sebagai Inspektorat Jeneral TD yang masih digunapakai sehingga kini.

Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Zaruna Abd Rahman dan dikurniakan empat orang cahaya mata lelaki dan seorang cahaya mata perempuan.

Sebelum itu, kumpulan Nafiri mengambil kedudukan bagi melaksanakan *charge call* dimana ianya merupakan satu simbolik kepada anggota perisai Armor untuk keluar bertempur dan menggempur kedudukan musuh seterusnya kenderaan Jenis Alfa KAD berjalan lalu melintasi pentas hormat.

Majlis pagi ini diserikan lagi dengan Upacara Pemakaian Pangkat Pegawai KAD, Lt Nazirul Nazrin Muhammad yang dinaikkan pangkat Kapten berkuatkuasa pada 7 Mac 2019 merupakan juruiring kepada Mej Jen Datuk Adnan Hj Abu Bakar.

Turut hadir, Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abdul Rahman dan Pengarah KAD, Brig Jen Dato' Hj Reduan Hj Omar.



## Mantan Panglima 3 Div Diraikan Dalam MMR

Oleh: Mej Mohammed Fahmi Ishak  
Gambar: MK 3 Div

**MELAKA:** Mantan Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman diraikan dalam Majlis Makan Malam Rejimental (MMR) Sempena *Dining Out* Panglima 3 Div bertempat di sebuah hotel terkemuka di Bandar Melaka, pada 25 Jul 2019.

Majlis ini bertujuan meraikan mantan Panglima 3 Div yang bertukar keluar untuk menjawat jawatan sebagai Panglima Latihan dan Doktrin Tentera Darat.

Ketibaan Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan Datin Ramlah Dawi disambut oleh Panglima-Panglima Formasi dan Pegawai-pegawai Memerintah pasukan di bawah naungan 3 Div.

Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dalam ucapannya turut menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat pemerintahan yang telah memberikan sepenuh kerjasama dan sokongan di sepanjang tempoh pemerintahan beliau.

Beliau turut berharap agar kerjasama dan sokongan tersebut dipanjangkan juga kepada penggantinya, bagi



memastikan agar *Rhino Division* akan terus cemerlang dan mengekalkan prestasi terbaik yang dicapai selama ini.

Di penghujung majlis, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman dan Datin Ramlah Dawi telah diarak dengan menaiki lanca oleh para Pegawai Muda.

## Perbarisan Penghargaan Mej Jen Dato' Mahendra

**PERLIS:** Perbarisan Penghargaan sempena persaraan Mej Jen Dato' Mahendra S. Sivapatha Sundram telah

dilaksanakan di Batalion Keempat Rejimen Renjer Diraja (4 RRD), Kem Bukit Cowder, Kangar pada 8 Ogos 2019.



Seramai 15 pegawai dan 251 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) termasuk dari pasukan 2 RRD dan 9 RRD, perbarisan ini di ketuai oleh Pegawai Memerintah 4 RRD, Lt Kol Farriz Ahmad Nawawi.

Perbarisan Penghargaan dilaksanakan di pasukan ini berikutan Mej Jen Dato Mahendra S. Sivapatha Sundram merupakan Pegawai Memerintah yang Ke-16 di pasukan ini.

Perbarisan ini turut dihadiri oleh Pengerusi RRD, Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu bersama isteri serta Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong.

Acara penutup bagi Majlis Perbarisan Penghargaan ini adalah dengan penyampaian cenderahati, menandatangani buku lawatan dan acara *Street Lining* yang diiringi oleh pegawai dan anggota.

## Pengerusi BAKAT 8 Bgd Lawat BAKAT 1 RS



Oleh: Lt Abdul Halim Ali

Gambar: Kpl Ahmad Nazratul Naiem Azmi

**KELANTAN:** Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Hjh Rosilawati Ahmad Tajri melaksanakan Lawatan Ulung BAKAT ke BAKAT pasukan 1 Rejimen Sempadan (1 RS) pada 6 Jul 2019.

Ketibaan Pengerusi BAKAT 8 Bgd telah disambut Pengerusi BAKAT 1 RS, Dr Noor Aida Saad dan ahli-ahli BAKAT pasukan.

Lawatan Ulung ini adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara Pengerusi dan Ahli-ahli BAKAT pasukan. Bersempena dengan lawatan ini, pasukan telah merangka dan menganjurkan empat program eksklusif secara serentak.

Program lawatan yang diadakan ini merangkumi Pertandingan Kraftangan, Pertandingan Memasak, Pertandingan Nyanyian dan Penyampaian Cenderahati kepada isteri, anak OKU dan berpenyakit kronik.

Pengerusi BAKAT 8 Bgd berkesempatan memberi kata-kata semangat dan juga perangsang agar terus cekal dan tabah dalam menjalani kehidupan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan yang dianjurkan, di dalam ucapan, Pengerusi BAKAT 8 Bgd juga menyarankan agar BAKAT pasukan terus mengekalkan kesinambungan

tradisi BAKAT pada masa hadapan.

Sesi lawatan ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan acara bergambar Ahli-ahli BAKAT 1 RS bersama Pengerusi BAKAT 8 Bgd.

## BAKAT 4 Div Rai Ahli Bertukar Keluar

**KUALA LUMPUR:** Seramai 60 Ahli BAKAT 4 Div telah hadir dalam Majlis Penghargaan BAKAT 4 Div yang telah diadakan di Dewan Perdana Felda Jalan Maktab pada 5 Julai 2019.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan 8 Ahli BAKAT yang bertukar keluar dan bersara bagi mengikuti suami masing-masing ke pasukan lain.

Antara yang diraikan adalah, Melorwati Sapri, Syarifah Hussein, Rosnita Ramlee, Rosilawati Atan, Hjh Zuhijah Yusof, Dayangku Rosmawati Awangku Yusof, Suria Jaafar, dan Rosnani Harun.

Majlis dimulakan dengan ahli menjamu selera diiringi Band Combo 1RRD yang dipimpin oleh Kpl Abdul Malik Idris sebelum Pengerusi BAKAT 4 Div, Datin Hanim Jeera menyampaikan ucapan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati oleh Pengerusi BAKAT 4 Div diiringi Pengerusi BAKAT Gabungan 4 Div, Datin Rahmah Hj Hamden sebelum acara bergambar bersama Ahli-ahli BAKAT.

Turut hadir bersama, Pengerusi BAKAT 11 Bgd, Datin Ruzairitasharena Zakaria, Pengerusi BAKAT 12 Bgd, Roziah Abdullah dan Jemaah BAKAT 4 Div. - **PR 4 Div**



# Pertandingan Bola Jaring BAKAT 8 Bgd

Oleh: 8 Bgd

**KELANTAN:** Pasukan 8 Kompeni Kor Ordnans Diraja mengkoordinasikan Pertandingan Bola Jaring 8 Bgd bagi memupuk semangat kesukanan dan mengeratkan siraturahim di kalangan Ahli BAKAT pada 5 Jul 2019.

Pertandingan ini melibatkan 12 pasukan terdiri dari 16 RAMD, 18 RAMD (Para), 21 RAMD, 5 RRD, 1 RS, 2 RS, 5 RAD, Gabungan 8 KOD dan 7 RAJD, Gabungan Kem 8 Bgd dan 8 SSB, Gabungan Rejimen 506 AW dan Rejimen 512 AW, Gabungan MSSDP dan 8 KPTD serta Gabungan 8 KPD dan 8 WKSP.

Majlis diserikan dengan kehadiran Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Rosilawati Ahmad Tajri dan penyampaian hadiah oleh beliau, pasukan dari 18 RAMD (Para) dinobatkan Johan keseluruhan dengan menewaskan pasukan dari 1 Rejimen Sempadan.

Tempat ketiga dimenangi oleh pasukan dari 5 RRD dan 8 Bgd dan 8 SSB.



tempat keempat dimenangi oleh pasukan gabungan kem 8 Bgd dan 8 SSB.

## Lawatan Ulung Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat Ke BAKAT 10 Bgd Para



**MELAKA:** Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Darat, Datin Seri Noor Akmar Yaacob melakukan Lawatan Ulung beliau ke BAKAT 10 Bgd (Para) pada 11 Jul 2019.

Lawatan beliau diiringi Timbalan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat, Datin Norhanita A. Hamid dan Isteri SMR TD, Yusandayu Yahaya.

Ketibaan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat

disambut oleh Pengerusi BAKAT 10 Bgd (Para), Rozita Waty Ridzuan bersama AJK BAKAT 10 Briged (Para).

Selain itu lawatan ini dimeriahkan dengan kehadiran Pengerusi dan Ahli BAKAT di bawah naungan 10 Bgd (Para) dan ianya bertujuan untuk bersua muka, mengeratkan tali silaturrahim serta melihat dengan lebih dekat aktiviti BAKAT 10 Bgd (Para).

Acara dimulakan dengan mengadakan Lawatan Kebajikan terhadap anak-anak anggota 10 Bgd (Para) yang menghidapi Sakit Kronik dan Pengerusi BAKAT Darat dipersembahkan dengan Tarian Tradisional Ngajat oleh Ahli BAKAT 8 RRD (Para) serta menyaksikan demonstrasi kraftangan oleh Ahli-ahli BAKAT 10 Bgd (Para).

Majlis diteruskan lagi dengan nyanyian lagu BAKAT bersama-sama Ahli BAKAT 10 Bgd (Para) diketuai oleh Kumpulan Koir dari isteri RSM dan KSM.

Pada masa sama turut diadakan perjumpaan serta pemberian sumbangan dan hamper kepada Ahli BAKAT dan anak-anak anggota yang mengidap sakit kronik, lawatan diakhiri dengan acara Menandatangani Buku Lawatan BAKAT 10 Bgd (Para). - **Markas 10 Bgd (Para)**

# Penyerahan Cek Membaiki Van Jenazah Surau Taman Intan

Oleh: Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha  
Gambar: Kpl Ahmad Idhlan Firdaus Rasyd

**NEGERI SEMBILAN:** Majlis Penyerahan Cek Sumbangan bagi Membaikpulih Van Jenazah Surau Taman Intan Perdana, Port Dickson telah diadakan di Bilik Damansara Kem Segenting pada 12 Jul 2019.

Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Bank Muamalat dengan kerjasama MK PLDTD dan Institut Kejuruteraan TD (IJED) terhadap keperluan penduduk setempat.

Ketua Divisyen Perbankan Komuniti Bank Muamalat Kuala Lumpur, Awang@Musran Tawil@Jawila telah menyerahkan cek bernilai RM 7000.00 kepada Panglima Latihan TD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami bagi membaikpulih van jenazah tersebut disaksikan oleh semua pegawai staf MK PLDTD yang mana Institut Kejuruteraan TD (IJED) telah dipertanggungjawabkan



untuk membaik pulih van jenazah tersebut.

Turut hadir Ketua Pengarah Doktrin, Brig Jen Dato' Md Rahim Hj Muhamad, Kolonel Doktrin, Kol Ahmad Suhaimi Navinder Abdullah, Wakil Komandan IJED, Mej Ahmad Fuad bin Semat dan Pengurus Bank Muamalat Cawangan Port Dickson, Noorhadi Bujang.

## Program Motivasi Keibubapaan UPSR, PT3 Dan SPM Tahun 2019

**KELANTAN:** Seramai 52 ibu bapa dan 47 peserta terdiri daripada anak-anak anggota yang bakal menghadapi Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2019 menyertai Program Motivasi Keibubapaan UPSR, PT3 dan SPM yang dianjurkan oleh Batalion Pertama Rejimen Sempadan (1 RS) bertempat di Wisma Petanda, Kem Batu Sebelas pada 13 Jul 2019.

Bertepatan dengan hasrat pasukan untuk melahirkan anak-anak warga 1 RS yang cemerlang dalam akademik, pasukan telah mengambil inisiatif yang baik dengan menganjurkan program ini selain berkerjasama dengan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tanah Merah

bagi menjemput guru-guru yang berpengalaman untuk memberikan ceramah serta tunjuk ajar kepada peserta di sepanjang program berlangsung.

Dalam program ini, peserta turut terlibat dalam Bacaan Yasin dan Solat Hajat yang diadakan di Madrasah Al-Falah dan seterusnya peserta diberi pendedahan yang mendalam mengenai teknik-teknik menjawab bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris oleh tenaga pengajar yang berpengalaman iaitu Hjh Nik Hasni Nik Yaacob dari Sekolah Kebangsaan Sri Klewek, Guru Pemeriksaan Kertas Bahasa Inggeris UPSR, Nora Haslina Ilias dari SMK Belimbing Pentaksir Kertas Bahasa Inggeris PT3 dan Wan Nazilah Wan Majid dari SMK Kemahang Guru Pemeriksa Kertas Bahasa Melayu SPM.

Selain itu peserta turut diberi perkongsian ilmu dan pengalaman mengenai tips-tips motivasi untuk menjadi pelajar cemerlang yang disampaikan oleh Pengarah Urusan *Golden Mind Dimensi Consultancy*, Wan Muhd Azrul Wan Ahmad.

Secara keseluruhannya, pelajar yang hadir telah menunjukkan maklumbalas yang sangat positif disepanjang program tersebut berlangsung dan dengan pendedahan yang telah diberikan oleh guru-guru yang berpengalaman dimanfaatkan sebaiknya oleh peserta untuk menjawab soalan pada peperiksaan sebenar sekaligus mencapai objektif bagi memastikan kecemerlangan anak-anak anggota dalam pelajaran. - 1 RS





# Program Motivasi Kecemerlangan Anak-Anak Tentera 2 Bgd

**Oleh: Sel Pendidikan 2 Bgd**

**PERAK:** Program Motivasi Kecemerlangan Akademik Anak-anak Tentera anjuran bersama ATM/PERNAMA peringkat negeri PERAK telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Sultan Yussuf Askar Melayu Diraja (AMD) Taiping pada 13 Jul 2019.

Program berbentuk bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan UPSR ini telah bermula pada jam 0900 dan berakhir pada jam 1730 bertujuan memberi kesedaran bagi memperkembangkan potensi menjadi individu, pelajar dan pemimpin cemerlang disamping menyediakan pelajar dalam melengkapkan diri untuk menghadapi peperiksaan sebenar.

Selain itu dapat memberitahu teknik-teknik belajar secara sistematik dan memberi pengetahuan serta kesedaran tentang kepentingan kesinambungan pengurusan diri dalam mencapai kejayaan.

Seramai 130 orang pelajar yang terdiri daripada anak-anak tentera daripada sekolah-sekolah sekitar Ipoh dan Taiping telah terlibat dengan program ini.

Empat Guru Pemeriksa Kertas Soalan UPSR yang berpengalaman dipilih dari sekolah sekitar Negeri Perak terlibat sebagai penceramah.

Adun Lamenting, Prof. Ir. Dr. Fadhil Nuruddin

telah merasmikan program ini dan turut disaksikan oleh Muhamad Roshidi Man Pengurus PERNAMA Taiping, Mej Mohd Haslan Ahmad Fuat Pegawai Staf Stesen Taiping merangkap YDP PIBG Sekolah, Mej Dailami Zahari, Pegawai Staf Pendidikan 2 Bgd dan Kamal Abdul Salam Guru Besar Sek Keb Sultan Yussuf Askar Melayu Diraja (AMD).

Turut hadir Jurulatih Pendidikan sekitar Ipoh dan Taiping yang mengkoordinasikan dan menjayakan program tersebut.



## Panglima 2 Bgd Bersama Veteran

**PERAK:** Seramai 70 veteran dari Persatuan Veteran ATM dari seluruh negeri Perak hadir bagi perjumpaan dengan Panglima 2 Bgd di Dewan Makan Komatra 2 Bgd pada 17 Jul 2019.

Ketibaan Panglima 2 Bgd, Brig Jen Malek Razak Sulaiman disambut oleh Pengarah JHEV Negeri Perak dan Ahli-ahli Veteran, majlis diteruskan dengan ucapan aluan Pengarah JHEV dengan mengalu kehadiran Panglima 2 Bgd.

Turut hadir Ketua Staf 2 Bgd, Lt Kol Mior Rasidi Mohd Idris serta Pegawai Staf 2 Bgd. - **Cwg Risik 2 Bgd, Gambar: Pbt Rosdan Abdullah**



## Raja Permaisuri Perak Lawat Balu



**PERAK:** Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan mencemar duli menziarahi Nour Shafinar Harun, balu Allahyarham Mej Mohd Zahir Armaya di Taman Perpaduan Ulu Kinta pada 11 Sep 2019.

Ketibaan baginda di kediaman Balu Allahyarham Mej Mohd Zahir Armaya disambut oleh Panglima 2 Bgd Brig Jen Malek Razak Sulaiman dan Ketua Staf Am GGK, Brig Jen Datuk Jamaludin Jambi.

Raja Permaisuri Perak telah meluangkan masa selama 30 minit bertanya khabar dan memberi kata-kata semangat kepada balu Allahyarham Mej Mohd Zahir.

Dikesempatan itu, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada balu Allahyarham Mej Mohd Zahir.

Turut hadir pegawai kanan TD dan Veteran GGK. - **Cwg Risik MK 2 Bgd**

Apa yang anda  
**LAKUKAN DISINI**  
 begitulah juga anda akan  
**LAKUKAN DILUAR SANA**

*Program Dinamik Insani  
 Tentera Darat*

## **PDI Pupuk Sikap Tanggungjawab Anggota LLP TD**

Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

**P**rogram Dinamik Insani (PDI) Tentera Darat merupakan satu pendekatan program berkonsepkan motivasi berkumpulan bagi menjurus kepada perubahan perilaku positif dan meningkatkan tahap disiplin anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Selain itu, ianya juga untuk mengenal pasti tahap jati diri serta menerapkan sikap tanggungjawab dan pada masa yang sama dapat membantu pasukan dalam meningkatkan moral anggota. Program ini juga dapat memupuk kesedaran tentang amalan negatif terutamanya tentang bahaya judi dan pelanggaran disiplin.

Antara objektif lain yang ingin dicapai melalui program ini ialah menanam sikap tanggungjawab serta amanah dalam aspek pelaksanaan tugas serta tanggungjawab terhadap keluarga. Ianya juga ditambah dengan penerapan nilai-nilai Islam berteraskan Amar Makruf, Nahi Mungkar.

Pada tahun ini sebanyak dua siri pelaksanaan PDI dilaksanakan iaitu siri pertama diadakan dari 22 hingga 26 Jul 2019 di Pulau Pinang bagi peringkat 2 Div melibatkan peserta seramai 34 anggota LLP manakala

siri kedua diadakan dari 16 hingga 20 Sep 2019 di Melaka bagi peringkat 3 Div melibatkan peserta seramai 37 anggota LLP. Program yang julung kali diadakan ini merupakan anjuran dari Markas Tentera Darat Cawangan Perisikan.

Pelaksanaan PDI mengikut kaedah atau pendekatan dalam bentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK), tazkirah, mengenal pasti potensi diri serta menitik beratkan unsur-unsur psikologi atau kaunseling, hubungan antara insan dan rohaniah. Modul yang diterapkan berdasarkan objektif dan pendekatan yang mengandungi tiga modul utama iaitu Perkembangan Individu, Perkembangan Mental dan Perkembangan Rohaniah.

Acara penutup PDI bagi kedua-dua siri tersebut disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf Perisikan, Mej Jen Dato' Rezil Shahidin. Dalam ucapan penutup AKS Perisikan, beliau mahukan peserta agar berusaha membuang segala tabiat buruk serta berhenti menuding jari terhadap orang lain, cermin dan muhasabah diri sendiri pada setiap hari.

"Apakah kebaikan yang telah aku lakukan pada hari ini atau





adakah sesiapa orang yang aku gembirakan pada hari ini.  
“Jika perasaan ini timbul setiap hari dan terdetik di fikiran, maka insyaallah tuhan akan menolong dan memberi kita jalan kepada perubahan yang lebih baik atau jalan keluar kepada permasalahan yang kita sedang hadapi,” jelas AKS Perisikan.

Tambahnya lagi, beliau percaya pada peringkat awal sebahagian besar peserta mungkin merasa terpaksa dan memberontak dengan pengisian aktiviti yang diatur, khususnya solat berjemaah namun dengan rutin yang dibuat selama empat hari berturut-turut, pasti ada kesan nikmat dan kemanisan iman yang masing-masing sendiri akan rasakan.

Selain itu beliau turut mengingatkan kepada mereka yang masih mempunyai ibu dan bapa atau salah seorang daripadanya, maka berusaha untuk berbakti dan membahagiakan hati mereka sehingga ke hujung nyawa dan yang telah berumah tangga, utamakanlah kebajikan atau berbuat baik kepada isteri dan anak-anak terlebih dahulu sebelum orang lain.

PDI ini juga dapat membentuk peserta yang hadir bekerjasama dalam satu kumpulan dan secara tidak langsung akan melahirkan anggota TD yang lebih bertanggungjawab serta memupuk kesedaran dalam diri mereka yang sedang menghadapi masalah agar boleh melaksanakan tugas seharian dengan lebih beramanah.

# Bengkel Pengurusan Jenazah Peringkat 8 RRD Para

Oleh: Lt M Faiz Kip

Gambar: Pbt Amir Farid Mohd Fozi

**MELAKA:** Seramai 70 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Majlis Penutup Bengkel Pengurusan Jenazah Peringkat 8 RRD (Para) yang disempurnakan oleh Penolong Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Mej Mohd Sufian Kamarul Ariffin di surau pasukan pada 4 Jul 2019.

Bengkel Pengurusan Jenazah anjuran Sel KAGAT 8 RRD (Para) merupakan salah satu program kerohanian yang memberi penekanan tentang kewajipan memenuhi tuntutan Fardhu Kifayah.

Antara objektif yang ingin dicapai melalui bengkel ini ialah memberi pendedahan secara teori dan praktikal secara langsung kepada anggota tentang keperluan untuk menguruskan jenazah dengan sempurna seperti mana yang dituntut oleh syarak.

Dalam ucapan Penolong Pegawai Memerintah, beliau menyatakan walaupun urusan jenazah ini adalah Fardhu Kifayah ia bukan bermakna tidak payah untuk kita namun



sebagai kaum muslim yang mukallaf kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab untuk mempelajari ilmu tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa oleh Guru Agama pasukan, Pbt Amir Farid Mohd Fozi.

## Kursus Pengurusan Jenazah BAKAT Gabungan PMBTD

**KUALA LUMPUR:** Seramai 30 orang ahli BAKAT Gabungan Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) telah menyertai Kursus Pengurusan Jenazah di Masjid AT, Kem Perdana Sg Besi pada 29 Ogos 19

Tujuan kursus adalah untuk mendedahkan kepentingan ilmu fardhu kifayah dan menambahkan ilmu

pengetahuan serta cara-cara menguruskan jenazah agar lebih bersedia dalam memberi khidmat terakhir kepada waris atau umat Islam sejourus kematian.

Kursus Pengurusan Jenazah ini dimulakan dengan kuliah pertama bertajuk Kematian dan Kelebihan Menziarahi Orang Sakit disampaikan oleh PW II Faizah Mohd Fadzil dari Sel Agama Institut Komunikasi dan Elektronik Tentera Darat (IKED) manakala Sjn Nornaziha Abdul Rahman dari Sel Agama Markas Staf Stesyen Sg Besi (MSSSB) menyampaikan kuliah kedua dan ketiga bertajuk Hukum dan Adab Menziarahi Orang Sakit Rehat dan Perkara-perkara yang Perlu Dilakukan Selepas Kematian.

Seterusnya kuliah keempat telah disampaikan oleh Sjn Ernie Zarina Mahlan dari Sel Agama 31 RAD bertajuk Cara-cara Memandikan dan Mengkafankan Jenazah secara teori dan amali.

Kursus diakhiri dengan penyampaian sijil kepada peserta dan ucapan penutup oleh Pengerusi BAKAT Gabungan PMBTD, Datin Hjh Ruziah Hj Seman. - **LKpl Norirawati Abdul Wahab**



## Ceramah Perdana Sambut Ketibaan Bulan Zulhijjah 1440H

Oleh: **Mej Mohammed Fahmi Ishak**  
Gambar: **Kpl Mohd Hafiz Hamzah**

**MELAKA:** Seramai 600 warga Kem Terendak hadir dalam Ceramah Perdana yang diadakan di Masjid As Syuhada, Kem Terendak pada 1 Ogos 2019.

Ceramah yang diadakan sempena menyambut tibanya bulan Zulhijjah 1440H dilangsungkan sebaik sahaja selesai Solat Maghrib dengan tajuk ceramah Pengorbanan Sang Kekasih yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Prof Madya Dr Zawawi Ismail dari Universiti Malaya.

Kupasan ceramah selama satu jam itu disampaikan secara santai dan turut memperincikan berkenaan pengorbanan yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam usaha Baginda menyebarkan ajaran Islam.

Selesai Solat Isyak, Prof Madya Dr Zawawi Ismail turut sama menyertai sesi diskusi dan percambahan idea



bersama-sama pegawai kanan yang berlangsung ketika jamuan ringan.

Turut hadir Ketua Staf Markas 3 Div, Kol Abdul Karim Ahmad, Pegawai Memerintah 3 RSD, Kol Nik Nahar Nik Mohd Isa, merangkap Pengerusi Masjid As Syuhada dan Pegawai-pegawai Memerintah Trup 3 Div.

## Ceramah Perdana Peringkat Kentomen



**KUALA LUMPUR:** Program Ceramah Bulanan Peringkat Kentomen Sg Besi telah diadakan di Masjid AT, Kem Perdana Sg Besi pada 25 Jul 2019.

Ceramah disampaikan oleh Penceramah Bebas, Ustaz Mohamed Hanafiah Abdul Malek dengan tajuk Korban Cinta.

Turut hadir Ketua Staf Am MK PMBT, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, Panglima Briged Artileri Roket, Brig Jen Zulkefale A Rahman, KSP MK PMBT, Brig Jen Muhammad Ariff Soo Abdullah dan warga Kem Perdana Sungai Besi. - **Kpl Nor Azlina Abd Azmi**

## Kursus Penyembelihan 18 RAMD Para

**TERENGGANU:** Seramai 144 peserta terdiri daripada anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dan Tadbir Awam di bawah Pasukan 18 RAMD (Para) telah menyertai Kursus Penyembelihan Peringkat Pasukan pada 8 Ogos 2019.

Matlamat kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta secara teori dan amali mengenai kaedah penyembelihan haiwan menurut syariat Islam dan pada masa yang sama meningkatkan tahap pemahaman peserta mengenai konsep penyembelihan halal dan haram.

Perasmian penutup disempurnakan oleh Pegawai Memerintah 18 RAMD (Para), Lt Kol Syed Suhairi Syed Hussin, di mana beliau dalam ucapannya menzahirkan perlunya menerapkan aspek halal dalam kehidupan sama ada dari segi pemakanan mahupun dalam pekerjaan seharian yang akan membuka pintu keberkatan yang akhirnya akan melahirkan insan kamil yang berjaya di dunia dan di akhirat. - **Lt Muhamad Sufyan At Tsauri Mar Ramli, Gambar: Pbt Muhamad Norhazman**



# TD Johan Futsal Antara Perkhidmatan ATM 2019



Oleh: Saifun Hakimi Zainon  
Gambar: SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan

**KUALA LUMPUR:** Pasukan Futsal Tentera Darat (TD) muncul Johan apabila menewaskan pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dengan jaringan 6-4 dalam Perlawanan Akhir Kejohanan Futsal Antara Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2019 bertempat di KSL Sport, Setapak pada

23 Ogos 2019.

Perlawanan akhir tersebut menyaksikan Penjaring Terbanyak Kejohanan dimenangi oleh LKpl Mohd Shamsuri Salleh dan Pemain Terbaik dimenangi oleh Kpl Mohd Azizul Mohd Zainun yang mana kedua-duanya dari TD.

Bagi perlawanan akhir Kategori

Wanita pula, pasukan TD muncul Naib Johan apabila ditewaskan oleh pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan jaringan gol 1-0.

Kejohanan ini mula dianjurkan pada tahun 2017 yang mana Persatuan Bolasepak ATM menjadi penganjur edisi kali ini dan bertujuan untuk mencungkil bakat baharu anggota ATM agar lebih menyerlah di peringkat kebangsaan serta di persada antarabangsa.

Selain itu ia dapat memupuk semangat kesukanan, kerjasama berpasukan disamping mengeratkan lagi hubungan setiakawan di dalam ATM serta menaikkan semangat juang tanpa mengaku kalah.

Acara penutup kejohanan disempurnakan oleh Asisten Ketua Staf Cawangan Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Badrul Hisham Muhammad.

Turut hadir Pengerusi Persatuan Bolasepak TD (PBTD), Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin dan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Lembaga Sukan TUDM, Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus Masjuki TUDM.

## Penutup Bola Sepak Peringkat 8 Bgd

**KELANTAN:** Panglima 8 Briged (Bgd), Brig Jen Hj Muhammad Huzaimi Sabri menyempurnakan Majlis Penutup Pertandingan Akhir Bola Sepak Peringkat 8 Bgd pada 1 Jul 2019.

Perandingan yang dianjurkan oleh pasukan Kompeni Kelantan Kor Ordnans Diraja (8 KOD) ini bertujuan untuk

menggalakkan gaya hidup sihat di samping dapat mencungkil bakat-bakat baharu dalam Tentera Darat (TD).

Sebanyak enam pasukan bertanding dalam perlawanan akhir tersebut yang mana perlawanan pertama dimulakan dengan Tim Pilihan Panglima menentang Tim Pilihan Ketua Staf yang berkesudahan dengan kemenangan



berpihak kepada Tim Ketua Staf dengan jaringan 3 berbalas 0.

Perlawanan diteruskan dengan Tim Wisma Perwira Markas Staf Stesen Desa Pahlawan (MSSDP) menentang Tim Wisma Perwira 5 Rejimen Renjer Diraja (5 RRD) menyaksikan kemenangan berpihak kepada Tim Wisma Perwira 5 RRD dengan jaringan gol 3 berbalas 0.

Manakala perlawanan akhir bagi pasukan unit kecil adalah antara 7 Skwadron RAJD dan 8 Kor Perkhidmatan Diraja menyaksikan 7 Skn RAJD muncul juara.

Bagi perlawanan akhir unit besar pula antara 2 Rejimen Sempadan (2 RS) dan 5 RRD yang mana dimenangi oleh 2 RS. - **MK 8 Bgd**

## 4 Div Johan Keseluruhan Sukan PMBTD Tahun 2019



Div, 3 Div dan 4 Div bertanding dalam empat kategori sukan iaitu Bola Tampar, Bola Jaring, Merentas Desa dan juga Road Relay.

4 Div telah dinobatkan selaku Johan Keseluruhan iaitu Johan Road Relay bagi kategori lelaki dan wanita, Naib Johan Merentas Desa, Naib Johan Bola Tampar Lelaki dan Naib Johan Bola Jaring Wanita.

Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin melahirkan rasa gembira di atas kemenangan yang dirangkul 4 Div dan berkongsi rasa tersebut dengan semua peserta termasuk

Oleh: Kpl Mohd Sadiq Zakaria

**KUALA LUMPUR:** Markas Briged Artileri Roket (MK BAR) telah menganjurkan Sukan Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) bertempat di Kem Perdana, Sungai Besi yang berlangsung selama dua hari bermula 2 hingga 3 Jul 2019.

Formasi yang terlibat terdiri daripada Trup PMBTD, 2

Kpl Mohd Saadam Mohd Pittli yang berjaya memintas pihak lawan dalam kategori lelaki acara *Road Relay* bagi memastikan kemenangan buat formasi.

Turut Hadir bersama, Panglima 11 Bgd, Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi Hj Abdul Hamid, Panglima 12 Bgd, Brig Jen Marzuki Hj Mokhtar, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Jaafar, Pegawai Kanan MK 4 Div serta Pegawai-pegawai Memerintah.

## Pengerusi Bola Sepak TD Jumpa Pemain Bola Sepak TD

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Bolasepak Tentera Darat (TD) telah mengadakan perjumpaan bersama Panglima 4 Divisyen (4 Div) yang merupakan Pengerusi Persatuan Bola Sepak TD, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin bertempat di Ruang Indera Markas 4 Div Kem Wardieburn pada 29 Jul 2019.

Seramai lima Pegawai Pengurusan dan 20 pemain hadir disambut oleh Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Hj Ahmad.

Pasukan Bolasepak TD akan terlibat dalam Kejohanan Majlis Kebajikan Dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) yang akan berlangsung di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang.

Panglima dalam ucapannya memberi kata-kata semangat dan berharap agar Pasukan Bola Sepak TD mampu membawa kejayaan dan

mengharumkan nama TD di peringkat negara.

Turut hadir, Setiausaha Bola Sepak TD, Lt Kol KM (B) Abdul Kadir Jayalani Shahul Hameed dan Pegawai-pegawai MK 4 Div. - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria**



# TD Johan Bola Sepak MAKSAM 2019



**Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli**  
**Gambar: Kpl Mohd Sadiq Zakaria**

**PAHANG:** Tentera Darat Malaysia (TDM) melakar sejarah apabila buat pertama kali muncul Juara dalam Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak Majlis Kebajikan & Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAM) 2019 mengalahkan pasukan Terengganu di Akedemi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang pada 4 Ogos 2019.

Perlawanan akhir tersebut menyaksikan kelebihan berpihak kepada TD apabila berjaya menewaskan pihak lawan dengan jaringan penalti 4 berbalas 2 setelah masa penuh permainan 60 minit berkesudahan seri 1-1.

Pasukan TD dikejutkan gol jaringan awal oleh pasukan Terengganu pada masa kedua dan tersentak dengan gol tersebut, TD telah bangkit semula serta berjaya menjarangkan gol penyamaan pada minit-minit terakhir perlawanan yang di jaringan oleh LKpl Mohammad Shahidan Moen.

Terdahulu pada perlawanan peringkat kumpulan, TD

muncul Naib Johan Kumpulan B dan seterusnya melayakkan TD ke peringkat Suku Akhir menentang Johor yang merupakan Johan Kumpulan D.

Pada peringkat Suku Akhir, TD berjaya menewaskan pasukan Johor dengan jaringan 2 berbalas 1 sekaligus melayakkan TD ke peringkat Separuh Akhir menentang Perlis yang merupakan Johan edisi tahun lepas.

Dalam peringkat Separuh Akhir, menyaksikan perlawanan begitu sengit dimana masa penuh perlawanan berkesudahan seri 1-1 yang memaksa perlawanan ditentukan dengan sepakan penalti yang mana sepakan penalti tersebut berpihak

kepada TD sekaligus melayakkan TD ke perlawanan Akhir.

Kejohanan Bola Sepak MAKSAM Malaysia Tahun 2019 ini merupakan pertandingan diantara kakitangan Jabatan Kerajaan melibatkan negeri-negeri yang berlangsung selama empat hari bermula 1 hingga 4 Ogos 2019.

TD telah dipilih mewakili Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ke Kejohanan Bola Sepak MAKSAM 2019 setelah menjuarai Kejohanan Bola Sepak Antara Perkhidmatan 2019 yang diadakan di Lumut, Perak.

Majlis Penutup kejohanan disempurnakan oleh Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Hj Mohamad Roslan Harun yang mana menyaksikan pemain TD iaitu LKpl Mohammad Shahidan Moen dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Perlawanan Akhir manakala Kpl Zaidi Zainol dinobatkan sebagai Penjaga Gol Terbaik Kejohanan.

Turut hadir Ketua Staf TD, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi selaku Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak ATM dan Panglima 4 Div Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin selaku Pengerusi Persatuan Bola Sepak TD.

## Penyerahan Bendera Kontinjen Olahraga TD

**KUALA LUMPUR:** Kontinjen Olahraga Tentera Darat (TD) terdiri dari dua pegawai dan 60 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Lt Kol Shahrin Lizar Saad menerima bendera TD dari Pengerusi Persatuan Olahraga TD, Kol Hj Idros Hj Muhammad sebagai simbolik semangat buat Kontinjen Olahraga yang mewakili TD di Dewan Datuk Jamil, Kem Perdana, Sungai Besi pada 24 Jul 2019.

Kontinjen Olahraga TD akan mewakili TD ke Kejohanan Olahraga Peringkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Ke-56 melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan yang akan berlangsung di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut Perak bermula 31 Jul hingga 2 Ogos 2019.

Semasa majlis penyerahan bendera, Pengerusi Persatuan Olahraga TD turut memberi kata-kata semangat kepada Kontinjen Olahraga TD dan berharap agar dapat mensasarkan kemenangan dan dinobatkan sebagai Johan dalam kejohanan olahraga ATM Ke-56.

- Saifun Hakimi Zainon





## Panglima 4 Div Raikan Juara MAKSAK 2019



Oleh : Kpl Mohd Sadiq Zakaria

**KUALA LUMPUR:** Kemenangan Tim Bola Sepak TD dalam Kejohanan Bola Sepak Majlis Kebajikan & Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) 2019 adalah yang

terbaik maka mereka telah diraikan oleh Pengerusi Bola Sepak TD yang juga Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharuddin bertempat di Ruang Indera Markas 4 Div Kem Wardieburn, Setapak pada 7 Ogos 2019.

Tim Bola Sepak TD ini telah berjaya menewaskan pasukan Terengganu pada perlawanan akhir dengan jaringan seri 1-1, majlis dimulakan sejurus ketibaan panglima sebelum dijemput untuk menyampaikan ucapan.

Panglima dalam ucapannya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pemain-pemain serta pegawai yang menyumbang bakti dan berusaha dengan begitu gigih bagi mencapai kemengan sehingga berjaya menjadi Juara, majlis diteruskan dengan peyampaian sijil penyertaan kepada pemain-pemain sebelum menjamu selera.

Turut hadir bersama, Ketua Staf MK 4 Div, Kol Dato' Azhar Hj Ahmad, Setiausaha Bola Sepak TD, Lt Kol KM (B) Abdul Kadir Jayalani Shahul Hameed dan Pegawai-pegawai Kanan.

## Persatuan Pencak Silat TD Rangkul Kejuaraan Antara Perkhidmatan

**KUALA LUMPUR:** Persatuan Silat Tentera Darat (TD) berjaya merangkul kejuaraan buat sekian kalinya dalam Kejohanan Pencak Silat Antara Perkhidmatan ATM Tahun 2019 bertempat di Dewan Ababil, Pengkalan Udara TUDM Subang bermula dari 19 hingga 22 Ogos 2019.

Persatuan Silat TD sekali lagi berjaya mengekalkan kejuaraan selama lima tahun berturut-turut, Pengerusi Silat Tentera Darat, Lt Kol Nozri Senawi mewakili TD telah menerima Keris Simbolik selaku Penganjur Kejohanan Silat Olahraga Antara Perkhidmatan ATM Tahun 2020.

Pada masa yang sama menerima Piala Pusingan Johan Keseluruhan Kejohanan Pencak Silat Antara Perkhidmatan ATM 2019 sempena Majlis Penutup Karnival Sukan ATM pada 22 Ogos 2019 yang disempurnakan oleh Ketua Staf Markas ATM, bertempat di Hangar Para, Pengkalan Udara PASKAU, TUDM Jugra .

Pada 24 Ogos 2019, turut diadakan Majlis Meraikan Atlet Silat TD dan penyerahan Sijil Penghargaan serta saguhati kepada barisan atlet yang merangkul pingat, majlis telah diadakan di Dewan Hj Abd Rani, Kem

Genting Klang.

Sijil penghargaan turut diberikan kepada barisan jurulatih yang terlibat di atas sokongan yang ditunjukkan, majlis penyerahan sijil disempurnakan oleh Pengerusi Silat Olahraga TD, Lt Kol Nozri Senawi.

Turut hadir Pengerusi Silat Olahraga ATM, Kol Abd Wahab Geoh. - **Kapt Juliet Iskandar**



## Karnival Sukan Peringkat PMBTD

Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi  
Gambar: MK PMBTD

**KUALA LUMPUR:** Karnival Sukan Peringkat Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) tahun 2019 telah diadakan anjuran Markas Briged Artileri Raket (MK BAR) melibatkan empat formasi utama dari Trup PMBTD, 2 Div, 3 Div dan 4 Div di Kem Perdana mulai 2 hingga 3 Jul 2019.

Antara acara sukan yang dipertandingkan adalah Bola Tampar, Bola Jaring, Bola Sepak, Merentas Desa dan Road Relay

Acara Penutup Karnival Sukan Peringkat PMBTD dan penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Azizan Md Delin di Padang Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja di mana Johan Keseluruhan Karnival Sukan Peringkat PMBTD disandang oleh 4 Div.

Dalam ucapan Panglima, beliau



mengucapkan tahniah kepada semua peserta dan pihak penganjur kerana menjayakan program karnival sukan pada tahun ini.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Panglima

3 Div, Mej Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharudin dan Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman.

## Atlet Bina Badan TDM Sertai Kejohanan Mr Malaysia 2019

Oleh: MSAT

**SABAH:** Juara keseluruhan Pertandingan Mr Malaysia Ke-51 dimenangi oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kota Kinabalu bermula dari 15 Ogos hingga 18 Ogos 2019.

Tiga atlet bina badan Tentera Darat Malaysia (TDM) yang mengambail bahagian turut berjaya memperolehi pingat dalam Kategori Senior dimana Kategori *Light Weight* 65kg-70kg, Kpl Abdul Aziz Ahmad berjaya mendapat pingat keempat manakala Kategori *Welter Weight* 70kg-75kg, Kpl Mohd Hamiruddin Haron mendapat pingat gangsa dan Kategori *Light Heavy Weight* 85kg-90kg, SSjn Mat Nazri Mohammad Ghazaly mendapat pingat gangsa.



## Sukan Boling JKHEW TD 2 Div




**PULAU PINANG:** Seramai tujuh pegawai dan 33 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) wanita terlibat dalam aktiviti sukan boling anjuran Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Tentera Darat (JKHEW TD) 2 Div bertempat di Kompleks Bukit Jambul pada 28 Ogos 2019.


Pengerusi JKHEW TD 2 Div, Mej Rahana Abd Karim dalam ucapannya berharap agar aktiviti yang dilaksanakan ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan pegawai dan anggota dan menjadikan sukan sebagai gaya hidup untuk mengekalkan tahap kesihatan yang baik. - PW II Siti Hanizah Marussin




# Kami Menjual serta Membeli Jongkong dan Dinar Emas Public Gold DAPATKAN SEKARANG!


Untuk maklumat lanjut kunjungi cawangan  **Ar-RahnuKT**  
PERKHIDMATAN PAJAK GADAI


 Ar-RahnuKT Sungai Besi  
No 57, Jalan Tasik Utama 4,  
The Trillium Lakefields,  
Sg Besi.

 03-90545900

 Ar-RahnuKT Wangsa Maju  
No. 25, Jalan Wangsa Delima 1A,  
Pusat Bandar Wangsa Maju,  
Kuala Lumpur.

 03-41420613

 Ar-RahnuKT Subang Perdana  
No. 6, Jalan Dinar D U3/D,  
Seksyen U3, Taman Subang Perdana,  
Shah Alam.

 03-78400296



ISSN 1511-0508



9 771511 050068